

[Dokumen ini belum disemak]

DEWAN NEGARA

**PARLIMEN KESEBELAS
PENGKAL PERTAMA
MESYUARAT KHAS**

Bil. 24

Rabu

19 Januari 2004

K A N D U N G A N

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Tragedi Tsunami – Ucapan Takziah
Perutusan Daripada Dewan Rakyat

(Halaman 1)
(Halaman 2)

URUSAN MESYUARAT

(Halaman 3)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2004

(Halaman 3)

USUL:

Waktu Mesyuarat Dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat

(Halaman 50)

MALAYSIA**DEWAN NEGARA****Rabu, 19 Januari 2005****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**TRAGEDI TSUNAMI – UCAPAN TAKZIAH**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, tragedi Tsunami yang melanda negara kita serta beberapa negara Asia yang lain pada 26 Disember 2004 yang lalu telah mengakibatkan kehilangan ratusan ribu nyawa serta harta benda, antara yang terbesar dalam sejarah peradaban manusia. Sehubungan dengan itu, ingin saya merakamkan bahawa Dewan ini amat berdukacita dan bersedih di atas kejadian yang berlaku. Justeru, ingin turut merakamkan perasaan simpati dan takziah kepada semua rakyat serta negara-negara yang terlibat, terutama sekali kepada keluarga-keluarga mangsa.

Dewan ini ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada kerajaan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah bertindak menangani cabaran ini dengan cepat, cekap, berkesan lagi memberangsangkan. Dewan ini juga ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada anggota-anggota beruniform, agensi-agensi kerajaan, organisasi-organisasi korporat serta orang perseorangan yang tanpa mengira negara, agama, kefahaman, bangsa, warna kulit dan ideologi telah banyak menyumbangkan wang ringgi serta barangan dan juga pertolongan-pertolongan lain yang amat diperlukan oleh negara serta mangsa yang terlibat.

Sehubungan dengan itu, saya bagi pihak Dewan yang mulia ini, mengarahkan Setiausaha Dewan supaya menyerah sesalinan ucapan takziah kepada Parlimen negara-negara yang terlibat dalam tragedi berkenaan. Dewan Rakyat telah mengambil inisiatif bagi mengadakan satu tabung pungutan derma untuk mangsa Tsunami dan Ahli-ahli Dewan ini diseru turut serta menderma.

Bagi memperingati mangsa-mangsa yang telah terkorban, saya dengan ini mempersilakan hadirin sekalian bangun. Kepada yang beragama Islam diminta menghadihkan surah Al-Fatihah dan kepada yang bukan beragama Islam diminta bertafakur selama satu minit.

[Semua hadirin bangun menghadihkan Al-Fatihah dan bertafakur]

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat. Saya menjemput Setiausaha membaca perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

“18 Januari 2005

Perutusan Daripada Dewan Rakyat Kepada Dewan Negara

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan rang undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya.

1. Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2004.

Yang ikhlas,

t.t

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT”

URUSAN MESYUARAT

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya rang undang-undang yang tersebut di dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di mesyuarat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN) 2004

Bacaan Kali Yang Kedua

10.09 pagi.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa rang undang-undang bernama "Suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan" dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 3 rang undang-undang menyentuh tentang kenaikan umur persaraan Hakim-hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi. Mengikut peruntukan Perkara 125 Perlembagaan Persekutuan, para hakim memegang jawatan sehingga mencapai umur 65 tahun. Walau bagaimanapun, Perkara 125 itu memberi Yang di-Pertuan Agong kuasa untuk melanjutkan tempoh perkhidmatan seseorang hakim selama suatu tempoh yang tidak melebihi enam bulan lagi dari tarikh beliau mencapai umur 65 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, mulai 1 Oktober 2001, umur persaraan wajib bagi pegawai-pegawai awam telah dinaikkan setahun lagi supaya mereka bersara apabila mencapai umur 56 tahun. Kenaikan umur persaraan wajib anggota perkhidmatan awam mewajarkan juga penelitian semula umur persaraan wajib untuk hakim-hakim. Keupayaan pegawai awam untuk memberikan sumbangan kepada negara dan kerajaan walaupun sudah mencapai umur 56 tahun telah diakui. Keupayaan dan kemampuan hakim-hakim untuk menyumbangkan khidmat bakti kepada negara, walaupun pada umur 65 tahun patut juga menerima perakuan yang serupa.

Tuan Yang di-Pertua, institusi kehakiman teguh berdiri, bebas, berprestasi tinggi, berwibawa dan disegani. Adalah menjadi hakikat bahawa Hakim-hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi yang akan mencapai umur 65

tahun merupakan insan yang berpengalaman luas dalam bidang undang-undang dan mempunyai kemahiran dan kepakaran yang dibanggakan. Persaraan mereka merupakan suatu kehilangan kepada negara.

Oleh yang demikian, saya mencadangkan supaya pindaan dibuat kepada Perkara 125 Perlembagaan Persekutuan bagi menaikkan umur persaraan wajib hakim setahun lagi, sejajar dengan kenaikan umur persaraan wajib pegawai awam. Pelanjutan perkhidmatan ke satu tahun lagi akan membolehkan para hakim yang bijaksana terus memastikan kesinambungan dan peningkatan pengurusan dan pengendalian kes-kes di mahkamah, khususnya ke arah usaha mempercepatkan pendengaran kes-kes yang tertunggak. Berbangkit daripada pindaan yang dicadangkan itu, sebutan mengenai umur 65 tahun dalam proviso kepada Fasal (1A) Perkara 122 Perlembagaan Persekutuan perlu juga ditukar kepada 66 tahun sebagaimana yang tersebut dalam Fasal 2 rang undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 4 memperkatakan pindaan kepada Jadual Kesembilan kepada Perlembagaan Persekutuan untuk menjadikan bekalan dan perkhidmatan air dan pemeliharaan warisan perkara bersama. Pengurusan bekalan air adalah di bawah bidang kuasa negeri sebagaimana yang termaktub dalam Senarai Negeri, dalam Jadual Kesembilan kepada Perlembagaan Persekutuan iaitu di bawah Butiran 6. Pengurusan air di sesuatu negeri yang ditadbirkan mengikut keupayaan dan keperluan masing-masing menjadikannya tidak bersepadu dan berbeza-beza antara negeri di negara ini.

Kerap kali juga terdengar rintihan, rungutan dan keluh kesah daripada orang ramai mengenai perkhidmatan air yang kurang memuaskan, yang dikendalikan bukan sahaja oleh pihak-pihak berkuasa air negeri tetapi juga oleh syarikat pengendali swasta bagi negeri-negeri yang telah menswastakan perkhidmatan air mereka.

Antaranya ialah bekalan air sering terputus, paip pecah, tekanan air yang rendah dan mutu perkhidmatan pelanggan yang tidak memuaskan. Hakikat yang perlu diterima oleh semua pihak ialah bahawa kerajaan negeri menghadapi masalah kewangan untuk membangunkan prasarana bekalan air negeri masing-masing memandangkan kos perbelanjaan modal (*capital expenditure*) atau ringkasnya CAPEX, dengan izin, untuk membangunkan prasarana bekalan air adalah sangat tinggi.

Hasil kutipan air tidak mencukupi untuk menampung kos operasi dan bayaran balik pinjaman kepada Kerajaan Persekutuan. Pada masa ini baki keseluruhan bantuan kewangan berbentuk pinjaman mudah daripada Kerajaan Persekutuan kepada semua kerajaan negeri untuk membangunkan sektor bekalan air adalah sebanyak lebih kurang RM7.5 bilion dan kerajaan negeri menghadapi kesukaran untuk membayar balik pinjaman

itu. Peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan walaupun besar tetapi masih tidak mencukupi untuk menampung kos operasi perkhidmatan air. Modal yang tinggi juga diperlukan untuk menaikkan taraf serta menggantikan infrastruktur yang sedia ada dan membina infrastruktur bagi memenuhi keperluan air yang dijangka semakin meningkat pada masa akan datang. Bagi negeri-negeri yang mengkorporatkan atau menswastakan pengurusan bekalan air mereka, kos perbelanjaan CAPEX perlu ditampung bagi mengurangkan beban kewangan yang ditanggung oleh pihak swasta. Apabila Kerajaan negeri tidak berkemampuan untuk membiayainya, maka Kerajaan Persekutuan berperanan untuk membantu mengurangkan beban itu untuk memastikan supaya pembiayaan CAPEX tidak akan dipindah oleh pihak swasta untuk ditanggung oleh pengguna dalam bentuk kenaikan tarif air.

Bagi negeri-negeri yang tidak atau belum lagi mengkorporatkan atau menswastakan pengurusan pembekalan air masing-masing pula, CAPEX adalah ditanggung daripada peruntukan Kerajaan negeri. Keadaan ini menambahkan beban kewangan kerajaan negeri untuk membangun dan memajukan infrastruktur yang diperlukan bagi menguruskan pengurusan bekalan air yang cekap. Oleh itu, penglibatan Kerajaan Persekutuan adalah diperlukan untuk membantu sama ada melalui pemberian peruntukan atau pinjaman mudah.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang menambah beban kewangan kepada kerajaan negeri ialah tahap peratusan kehilangan air tidak terhasil *non-revenue water* dengan izin yang tinggi di kebanyakan negeri. Penyumbang utama kepada kadar NRW yang tinggi ialah kebocoran paip air - 60%, meter tidak didaftarkan - 23%, kecurian air - 12 %, dan air kegunaan bomba dan penyelenggaraan - 5%.

NRW akan terus meningkat dan menjadi lebih serius jika usaha untuk menggantikan paip-paip air yang usang khususnya daripada jenis simen *asbestos* tidak dilaksanakan segera. Dalam apa keadaan sekalipun langkah-langkah untuk mengurangkan tahap NRW akan menelan belanja yang besar. Tahap NRW yang tinggi sudah tentu akan menjejaskan imej kerajaan. Sekaligus akan menggagalkan hasrat kerajaan untuk menarik pelabur-pelabur luar kerana keadaan sedemikian sering kali mengakibatkan berlakunya penurunan kualiti air dan gangguan operasi kepada sektor domestik dan industri.

Banyak masalah lain yang telah dikenal pasti sebagai melanda industri air negara. Umpamanya ketiadaan kawal selia di peringkat nasional yang boleh mengawal dan memantau perkhidmatan bekalan air bagi negeri-negeri yang telah menswastakan perkhidmatan air mereka. Perjanjian penswastan air yang tidak jelas objektif dan terma-termannya dan merugikan kerajaan negeri, kelemahan dalam pelaksanaan penswastan

projek-projek bekalan air, ketidakcekan dan urus tadbir yang lemah, *poor governance* dengan izin, merupakan antara faktor utama yang membantut pembangunan sepatutnya perkhidmatan air kita.

Badan Kawal Selia di peringkat negeri juga didapati tidak dapat berfungsi dengan berkesan kerana menghadapi masalah kekurangan tenaga pakar dan juga penguatkuasaan yang tidak bermaya. Tuan Yang di-Pertua, perlu saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, bahawa bukanlah menjadi hasrat Kerajaan Persekutuan untuk mendedahkan kepincangan, kekurangan atau kelemahan mana-mana pihak semata-mata untuk mewajarkan atau menjustifikasikan cadangan pengambilalihan bekalan dan pengurusan air oleh Kerajaan Persekutuan daripada kerajaan negeri.

Masalah-masalah yang telah saya huraikan sebentar tadi merupakan masalah-masalah yang telah sekian lama membelenggu industri perkhidmatan air negara dan yang mesti diatasi dan ditangani dengan cekap. Daripada kajian dan penelitian yang mendalam dibuat, adalah didapati bahawa penglibatan Kerajaan Persekutuan dalam pengurusan air negara telah menjadi kritikal, mendesak dan merupakan satu-satunya jalan keluar yang terbaik walaupun, ini tentunya akan melibatkan implikasi kewangan yang besar kepada Kerajaan Persekutuan. Penglibatan ini bukan sahaja bertujuan untuk mengatasi masalah berhubung dengan bekalan air di negeri-negeri, tetapi juga untuk membangunkan industri perkhidmatan air yang mapan dan berdaya maju.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya jelaskan awal tadi, perkara air adalah dalam Senarai Negeri, ia berada dalam bidang kuasa negeri mengikut Perlembagaan Persekutuan. Bagi membolehkan penglibatan terus dan langsung Kerajaan Persekutuan dalam pembekalan dan pengurusan air maka, saya mencadangkan supaya Butiran 6 dalam Senarai Negeri digantikan dengan Butiran 6 yang baru yang mengeluarkan daripadanya perkara tentang bekalan dan perkhidmatan air daripada kuasa negeri. Kuasa berhubung dengan bekalan dan perkhidmatan air dicadangkan dimasukkan ke bawah Senarai Bersama sebagai Butiran 9D. Cadangan ini akan membolehkan perkongsian kuasa antara Kerajaan Persekutuan dengan kerajaan negeri mengenai pengurusan bekalan dan perkhidmatan air.

Perkongsian kuasa yang dicadangkan bermaksud Kerajaan Persekutuan hanya akan mengambil alih pengurusan air bermula daripada aspek rawatan hinggalah kepada pengagihan dan pengebilan (*Billing*) dengan izin. Kuasa dan tanggungjawab ke atas sumber air mentah dan kawasan tadahan punca air dan lembangan sungai akan dikekalkan di bawah kerajaan negeri. Keadaan ini membolehkan negeri-negeri mengawal sumber air mentah dan memperoleh pendapatan daripada sumber tersebut dengan cara mengenakan

royalti kepada syarikat-syarikat pengeluar air. Bagi membantu kerajaan-kerajaan negeri memelihara kawasan tadahan dan kualiti sumber air mentah, Kerajaan Persekutuan akan memberikan kerjasama serta bantuan sewajarnya melalui kaedah yang akan ditentukan.

Pindaan ini juga akan memberi laluan kepada penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara atau ringkasnya SPAN yang berperanan antara lain untuk mengkaji dan menentukan struktur tarif air, mengeluarkan lesen-lesen air, merancang program pembangunan, mengawal kualiti perkhidmatan air, menjalankan penguatkuasaan, memastikan pematuhan standard dan pencapaian sasaran yang ditetapkan dan sebagainya. Untuk tujuan itu, satu rang undang-undang berhubung dengan penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara akan digubal. Selain itu, suatu rang undang-undang berhubung dengan industri perkhidmatan air akan turut digubal yang bertujuan untuk menyediakan garis panduan kepada industri perkhidmatan air keseluruhannya pada masa akan datang.

Dalam proses menggubal kedua-dua akta yang disebutkan tadi, Jabatan Peguam Negara dan agensi pelaksana iaitu Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi akan mendapatkan pandangan daripada dan bekerjasama dengan pelbagai agensi termasuk agensi-agensi kerajaan negeri yang berkaitan. Segala tenaga akan digembelngkan ke arah memastikan bahawa usaha murni ini mencapai matlamat untuk mengurangkan beban kewangan yang ditanggung oleh kerajaan negeri terutamanya dari segi pengurangan kos CAPEX dan hutang yang masih tertunggak. Cadangan pengambilalihan ini akan diperhalusi dengan berhati-hati dan bijaksana demi kepentingan semua pihak kerana Kerajaan Persekutuan sedar, bahawa ada beberapa negeri yang berjaya mentadbirkan pengurusan airnya dengan agak baik.

Kerjasama dan sefahaman antara semua pihak termasuk pihak swasta perlulah dijalin dan dipertingkatkan. Pengurusan air akan dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan, secara bersepadu dan *holistic* memandangkan terdapat beberapa aspek yang merentasi sempadan negeri. Tuan Yang di-Pertua, ingin saya memperjelaskan kepada Dewan yang mulia ini bahawa cadangan pengambilalihan pengurusan bekalan air oleh Kerajaan Pusat, tidak akan melibatkan Negeri Sabah dan Sarawak. Pengecualian yang diberikan kepada Negeri Sabah dan Sarawak adalah atas dasar persetujuan bersama yang telah dicapai dalam Mesyuarat Majlis Sumber Air Negara pada 29 Julai 2003.

Keputusan Mesyuarat Majlis Sumber Air Negara itu dipersetujui oleh Jemaah Menteri pada 14 Julai 2004. Oleh yang demikian kedua-dua orang undang-undang berhubung dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara dan Industri Perkhidmatan Air yang akan digubal tidak terpakai bagi kedua-dua negeri Sabah dan Sarawak. Dengan itu juga maka

saya mencadangkan supaya senarai 2A iaitu tambahan kepada Senarai Negeri bagi Negeri Sabah dan Sarawak dipinda untuk mengekalkan air sebagai suatu perkara negeri bagi kedua-dua negeri itu.

Tuan Yang di-Pertua, Pindaan juga dicadangkan kepada Bahagian 3 dan bahagian 5, Jadual Kesepuluh berbangkit dengan pindaan kepada Jadual Kesembilan.

Melalui pindaan ini, hasil daripada lesen yang berkaitan dengan bekalan dan perkhidmatan air dan terimaan tarif air daripada pelanggan tidak lagi terakru pada negeri-negeri selain negeri Sabah dan Sarawak.

Mungkin sesetengah pihak akan mendakwa bahawa negeri-negeri di Semenanjung Malaysia akan berkurangan pendapatannya apabila sumber hasil yang diserahkan kepada negeri-negeri bagi bekalan air termasuk kadar air ini dimusnahkan dan digantikan penerimaan bagi air mentah. Saya ingin menegaskan di sini bahawa dakwaan sedemikian adalah tidak berasas sama sekali. Tidak timbul apa-apa kegusaran atau kebimbangan pada mana-mana pihak kerana kerajaan negeri semuanya memahami bahawa kepentingan mereka dipelihara dan diimbangi dengan baik khususnya dalam mengurangkan beban kewangan mereka.

Pengambilalihan pengurusan air oleh Kerajaan Persekutuan adalah atas dasar persetujuan bersama antara semua negeri. Dalam jangka panjang pengambilalihan perkhidmatan bekalan air negeri-negeri oleh Kerajaan Persekutuan akan menguntungkan kerajaan negeri sendiri kerana mereka dapat mengutip sumber air mentah dan tidak perlu lagi menanggung beban kewangan seperti CAPEX dan kos rawatan yang tinggi. Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi juga sedang giat berusaha merangka kaedah-kaedah yang terbaik bagi mengurangkan hutang kerajaan negeri kepada Kementerian Persekutuan. Suatu *financial* model dengan izin sedang dihalusi dan dikaji dengan mendalam.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada Jadual Kesembilan juga memperlihatkan kemasukan perkara baru mengenai pemeliharaan warisan di dalam Senarai Bersama. Pada masa sekarang, pemeliharaan warisan, selain yang terkandung dalam Senarai Persekutuan, khususnya Butiran 13 yang menyebut tentang perpustakaan, muzium, monumen dan rekod purbakala dan sejarah, tapak dan peninggalan zaman purba dan warisan dalam bentuk hidupan liar dan taman negara tidak dinyatakan dalam mana-mana senarai dalam Jadual Kesembilan. Oleh yang demikian menurut perkara 77 Perlembagaan Persekutuan, perkara itu termasuk dalam bidang kuasa negeri. Ini tidak memungkinkan Kerajaan Persekutuan

mengambil apa-apa tindakan yang sewajarnya tentang bangunan yang bukan monumen bersejarah atau peninggalan purba kala tetapi wajar dipelihara kerana nilai seni dan binanya.

Pemeliharaan warisan bukan sekadar memelihara unsur atau nilai seni bina atau nilai sejarah bangunan atau apa-apa lain yang bersifat fizikal atau ketara *tangible* dengan izin. Ruang lingkup dan konsep warisan turut merangkumi warisan semula jadi *national heritage* dengan izin dan warisan budaya *culture heritage* dengan izin. Oleh yang demikian kemasukan perkara pemeliharaan warisan ke dalam Senarai Bersama bukan sekadar memberi ruang kepada Kerajaan Persekutuan untuk menggubal suatu undang-undang yang komprehensif mengenai apa juga bentuk warisan negara tetapi juga untuk berkongsi tanggungjawab dengan kerajaan negeri. Keprihatinan Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri dalam memelihara dan mempertahankan warisan negara akan memastikan warisan kita kekal turun-menurun, Insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua, perlembagaan kita adalah suatu *working document* dengan izin dan sentiasa diguna dan dijadikan panduan. Apabila peruntukan perlembagaan itu perlu dipinda mengikut keperluan semasa, perlembagaan dengan sendirinya memperuntukkan melalui perkara 159 dan perkara 161E bagaimana ia boleh dipinda. Bagi maksud rang undang-undang yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini, persetujuan Majlis Raja-Raja dan rundingan dengan kerajaan negeri umpamanya tidak diperlukan. Ini jelas daripada peruntukan yang termaktub dalam perkara 159(3). Sungguhpun demikian, Kerajaan Persekutuan masih mengambil langkah-langkah untuk merundingi kerajaan negeri-negeri memandangkan perkara-perkara yang terkandung dalam pindaan ini khususnya berkaitan dengan air dan warisan adalah perkara di bawah bidang kuasa negeri.

Berhubung dengan negeri Sabah dan Sarawak mungkin ada yang berpendapat bahawa pindaan dalam fasal 5 dan 6 rang undang-undang ini memerlukan juga persetujuan daripada Yang di-Pertua Negeri Sabah dan Sarawak di bawah fasal 2 perkara 161E Perlembagaan. Kerajaan Persekutuan berpendapat bahawa pindaan-pindaan itu tidaklah menjejaskan perjalanan perlembagaan tentang perkara-perkara yang berkenaan dengan negeri Sabah dan Sarawak yang mengenyainya persetujuan diperlukan. Namun begitu bagi mengelakkan timbul apa-apa keraguan atau pertikaian mengenai perkara itu atau berhubung dengan tafsiran undang-undang, sukacita saya memaklumkan bahawa Kerajaan Persekutuan telah pun membincangkan cadangan pindaan itu dengan Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak. Sukacita juga saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa hasil daripada perbincangan itu, Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah

dan negeri Sarawak telah memberikan persetujuan masing-masing kepada pindaan yang dimaksudkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Timbalan menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat masalahnya di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Senator Dato' Dr. Chin Fook Weng.

10.34 pagi

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti kita telah diberi penjelasan tadi maka pindaan yang dicadangkan itu nampaknya ada banyak kebaikan. Oleh kerana itu saya dengan sukacita menyokong cadangan untuk membuat pindaan-pindaan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, di Pulau Pinang kami dapati air merupakan satu komoditi yang diuruskan dengan baik dan kami sangat berpuas hati bahawa Menteri berkenaan telah datang ke Pulau Pinang untuk melihat dengan kaca mata sendiri berkenaan dengan bagaimana kami dapat menguruskan air dengan begitu baik sehingga bayaran yang dikenakan kepada pengguna adalah paling rendah di seluruh negara. Dan kalau kita bandingkan dengan masalah yang dihadapi oleh PUAS nampaknya tidak puas kerana pihak pengurusan air Selangor itu menghadapi banyak masalah dan baru-baru ini telah diselamatkan oleh SYABAS iaitu satu lagi syarikat yang ditubuhkan oleh anak syarikat Puncak Niaga supaya menguruskan dan satu keraguan saya ialah apabila perkara ini diuruskan dengan satu perkhidmatan persekutuan sama ada kita akan menggunakan model PUAS atau model Pulau Pinang. Kalau kita menggunakan model PUAS nampaknya ada masalah dan mungkin selepas itu macam keadaan bayaran tol, maka rakyat tidak berpuas hati dan selalu ada bantahan kenapa kerajaan membenarkan konsesi itu menambah bayaran dan kalau tidak dibenarkan maka kerajaan sendiri kena bagi pampasan atau ganti rugi kepada syarikat konsesi itu.

Tuan Yang di-Pertua, kami di peringkat negeri sungguh mengalu-alukan segala bantuan yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan demi kebaikan rakyat dan air merupakan satu komoditi yang sangat penting bagi keseluruhan rakyat dan kita telah nampak bahawa

beberapa perang itu telah dimulakan akibat daripada ketidakpuasan dengan pengurusan air dan selalunya India dan Pakistan semua itu telah melawan kerana sumber air dan semakin lama air merupakan satu komoditi yang semakin dihargai oleh semua orang. Apabila kita melihat apa yang berlaku di Aceh kita dapati bahawa yang diperlukan ialah air dan banyak agensi bantuan menghantar air ke sana supaya mereka mencukupi air semasa peralatan-peralatan untuk rawatan air itu dipasang di sana. Oleh kerana itu pengurusan air bagi saya adalah satu perkara yang sangat penting.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga lihat bahawa cadangan ini tidak termasuk kawasan tadahan, tidak termasuk punca air dan tidak termasuk lembangan sungai. Jadi ini seperti yang telah diterangkan adalah masih di bawah kerajaan negeri. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, adakah ini akan menjadi satu perkara yang akan dipertikaikan nanti pada satu ketika. Adakah kerajaan negeri berhak untuk menjual air mentah ini kepada syarikat-syarikat konsesi? Adakah bantuan diberi untuk memastikan tadahan air itu masih dikekalkan oleh kerana ada banyak masalah yang dihadapi akibat daripada tekanan-tekanan pembangunan yang mungkin menjejaskan tadahan-tadahan air. Oleh kerana itu kerajaan negeri juga memerlukan bantuan untuk memberi perlindungan kepada tadahan-tadahan air ini. Dan kalau kita tidak dapat berbuat dengan baik maka mana akan datangnya air mentah untuk digunakan oleh syarikat konsesi itu Tuan Yang di-Pertua.

Pada hemat saya perkara ini sungguhpun dikeluarkan dalam cadangan tetapi juga harus diberi perhatian oleh Kerajaan Persekutuan. Dari dua segi Tuan Yang di-Pertua, satu segi ialah perlindungan tadahan-tadahan air ini dan segi yang kedua ialah memastikan air itu mencukupi untuk digunakan oleh syarikat konsesi dalam rawatan air itu. Kalau tidak cukup air mentah bagaimana mereka boleh merawatnya dan kita melihat pada masa sekarang air mentah itu menjadi satu isu di antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Singapura kerana masalah air mentah. Jadi saya tidak mahu melihat isu ini juga timbul di antara kerajaan negeri dengan Kerajaan Persekutuan. Kita mesti ada satu formula di mana oleh kerana ini adalah sumber air, maka peranan Kerajaan Persekutuan juga penting dalam membantu kerajaan negeri memastikan bahawa air mentah ini diberi perlindungan secukupnya.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya ada satu ruang kosong mengenai tugas di antara mendapatkan air mentah dengan rawatan air mentah. Mungkin Kerajaan Persekutuan mengharap bahawa selalunya air mentah akan datang tanpa apa-apa tindakan yang harus diambil.

Datuk Yaacob bin Haji Mohamed: Minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat sahabat saya Dato' Dr. Chin. Saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat Dr. Chin tentang *statement* yang Yang Berhormat sentuh kawasan tadahan air di mana saya cuba sebutkan negeri Kedah di mana terpaksa mengorbankan ribuan hektar kawasan hutan semata-mata untuk mengawal keperluan air untuk dibekalkan termasuk Kedah, Pulau Pinang dan Perlis. Ini menyebabkan Kerajaan Negeri Kedah kehilangan punca *revenue* oleh kerana tidak dapat umpamanya kawasan hutan untuk dijadikan kawasan hasil kepada Kerajaan Negeri Kedah melalui '*heli-harvesting*' dan apa pandangan Dato' Dr. Chin cara sebagaimana Yang Berhormat sentuh tadi mungkin Kerajaan Persekutuan boleh menimbangkan kerana Kerajaan Negeri Kedah kerajaan yang masuk dalam kategori yang agak kurang pendapatan dan bagaimana cara yang terbaik bagi Kerajaan Persekutuan untuk menggantikan ataupun menjadikan pampasan kepada Kerajaan Negeri Kedah kerana mereka terpaksa mengorbankan mengekalkan kawasan tadahan air. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dan adakah Parlimen diberi kuasa untuk membuat undang-undang dalam perkara tersebut.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, itulah sebabnya saya menimbulkan masalah ini kerana ini terkeluar dari dalam pindaan yang telah dicadangkan. Kalau kita tiada sumber air macam mana *downstream*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, boleh diuruskan dengan baik, kerana *upstream* pun sangat penting kerana di situlah datangnya air, air mentah, punca air dan sebagainya.

Oleh kerana itu kerajaan negeri seperti Kedah kenalah mengambil tindakan untuk mengetepikan tanah-tanah yang boleh digunakan untuk pembangunan supaya kekal sebagai tadahan air. Ini merupakan satu kos atau satu *holding cost* atau satu peluang yang penting bagi kerajaan berkenaan dan siapa akan memberi ganti rugi kepada kerajaan berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tadi kita telah mendengar Yang Berhormat Menteri menghujah dan menghuraikan bahawa Parlimen diberi kuasa untuk membuat undang-undang atas perkara-perkara yang dikatakan *downstream*. Persoalannya, ekoran daripada perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Yaakob bin Haji Mohammad tadi, adakah Parlimen juga diberi kuasa di bawah Perlembagaan untuk membuat undang-undang berkenaan dengan perkara-perkara yang dicakupi di bawah ungkapan *upstream* tadi.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya, nampaknya tidak ada. Oleh kerana itu, bagaimana kita dapat memastikan bahawa air yang datang dari bukit dan air yang datang dari tadahan-tadahan air ini, semuanya itu adalah air yang segar, baik dan sebagainya kerana pada masa sekarang ada banyak tekanan daripada penanam-penanam sayur.

Kalau kita ke Pulau Pinang kita boleh melihat di atas bukit, mereka sudah mula menanam sayur dan sebagainya dan baja daripada tanaman sayur ini kalau mencemarkan sumber air, maka itu boleh menimbulkan satu masalah yang besar. Oleh kerana itu, maka usaha untuk mengawal selia perkara ini adalah sangat penting dan kalau kerajaan negeri tidak diberi bantuan untuk melindungi kawasan-kawasan tadahan air ini, bagaimana kita dapat menguruskan *downstream*?

Tuan Yang di-Pertua, saya bimbang kalau Kerajaan Persekutuan kata, ini bukan tanggungjawab Kerajaan Persekutuan, ini terpulang kepada kerajaan negeri untuk memastikan bekalan air mentah itu selalu mencukupi, adakah kerajaan negeri berhak menjual air mentah ini kepada syarikat konsesi dengan tahap harga yang ditetapkan oleh Dewan Undangan Negeri? Adakah perkara ini telah diberi perhatian atau adakah kita hanya mengharapkan bahawa kerajaan negeri akan sentiasa menguruskan *upstream* dengan baik, memastikan semua itu mencukupi dan mungkin menambah lagi kawasan tadahan air?

Tuan Yang di-Pertua, setahu saya untuk mengawal selia satu tadahan air adalah suatu perkara yang sangat sukar, kerana saya sempat melawat kawasan tadahan-tadahan air itu dan saya melihat tindakan-tindakan yang telah diambil untuk mengawal selia tempat itu supaya kita memastikan tidak ada pencemaran yang berlaku supaya air yang segar itu sentiasa sampai ke tempat-tempat yang mana kita boleh menyalurkan kepada loji rawatan air. Perkara ini adalah suatu perkara yang memerlukan banyak perbelanjaan dan sekiranya kerajaan-kerajaan negeri itu tidak diberi bantuan, bagaimana kita dapat memastikan sumber air ini.

Ini adalah suatu perkara yang akibat daripada pindaan yang dicadangkan di mana kawasan tadahan air, punca air dan juga lembangan air sungai itu terkeluar dari bidang tugas Kerajaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang membimbangkan rakyat ialah selepas Kerajaan Persekutuan mengambil alih, adakah pihak-pihak yang sekarang ini menikmati air bersih dengan harga yang agak berpatutan, adakah selepas itu mereka kena bayar dengan bayaran yang lebih dan bagaimana kita dapat mengawal SPAN. Sungguhpun kita di Dewan

ini ada peluang lagi untuk membahaskan Rang Undang-Undang SPAN semasa ia dibentangkan tidak lama lagi tetapi

Tuan Yang di-Pertua: Apakah SPAN itu Yang Berhormat? Adakah ianya *acronym* juga? SPAN?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Ya, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara. Saya difahamkan bahawa satu rang undang-undang akan dibentangkan di kedua-dua Dewan supaya Ahli-ahli Dewan dapat memberi pandangan dan juga memasukkan perkara-perkara yang dirasai penting itu kepada apa yang telah disebutkan. Tetapi dari segi amalan, ia sangat sukar bagi kami untuk menukar satu perkataan pun dalam sebarang rang undang-undang yang dibentangkan.

Saya sudah banyak berusaha tetapi sehingga empat setengah tahun saya tidak sempat berbuat demikian sehingga akhir-akhir ini yang mana kita dapat menambah perkataan "manusia" ke dalam Akta Racun Makhluk Perosak (Pindaan) 2004.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita menunggu sehingga SPAN itu dibentangkan adakah ia sudah terlambat? Kerana semasa itu mungkin tidak dapat berbuat apa-apa lagi. Jadi, lebih baik kalau semua pendapat yang dibentangkan pada hari ini diambil kira oleh kementerian dan selepas itu apabila merancang fasa demi fasa dalam SPAN itu, maka pendapat itu diberi perhatian yang serius.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah mendengar janji demi janji bahawa kos itu akan dikawal selia tetapi kalau konsep kita ialah supaya menguntungkan syarikat konsesi itu, maka sudah timbulnya masalah. Pulau Pinang dapat mengawasi harga air dengan baik oleh kerana beberapa perkara yang telah berlaku. Pertama, semua pengguna yang membayar bil air di Pulau Pinang itu diberi hak untuk membeli saham dalam syarikat yang telah disenaraikan. Itu bermakna semua

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, mohon laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih Yang Berhormat. Mengikut Yang Berhormat tadi bahawa Pihak Berkuasa Air Pulau Pinang mengikut pandangan adalah yang terbaik. Jadi, kalaulah PBA sendiri dapat ditadbirkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan baik, kalau Sabah dan Sarawak dikecualikan daripada pindaan Perlembagaan ini kenapa Pulau Pinang tidak boleh dikecualikan daripada pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi, iaitu tadi Yang Berhormat sendiri berasa ragu tentang apabila Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara ini ditubuhkan, kita takut janji tinggal janji. Kalau ada Yang Berhormat Menteri ini kata bahawa tarif kenaikan air tidak akan naik, ini

yang kita Ahli-ahli Dewan ini takut. Kita tidak mahu Ahli-ahli Dewan hari ini hanya digelar sebagai 'kain buruk'. Apabila pindaan Perlembagaan ini dibawa kepada kita, sebab kita juga bertanggungjawab kepada rakyat, apabila tarif kenaikan air ini, maka kita juga berharap supaya kementerian dan kerajaan membawa balik kepada Dewan ini supaya kita juga hendak tahu kenapa tarif air ini dinaikkan. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Nampaknya Pulau Pinang cukup *vocal* dalam soal air ini.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih, kerana Pulau Pinang merupakan tempat yang mana rakyatnya sangat berpuas hati dengan urusan air. Sungguhpun pada pendapat saya, ada baiknya mungkin kita boleh menambahbaikkan lagi dengan bantuan Kerajaan Persekutuan. Saya tidak menafikannya tetapi dari segi janji-janji dan sebagainya yang harus diberikan itu tidak ada. Perdana Menteri sendiri telah mengumumkan bahawa kita tidak boleh janji bahawa harga air itu tidak akan naik. Tidak boleh janji, Tuan Yang di-Pertua.

Saya juga ditanya, kalau Sabah dan Sarawak itu dikecualikan, kenapa Pulau Pinang pun tidak dikecualikan? Mungkin rakan saya juga akan bertanya kenapa Terengganu dan Kelantan tidak dikecualikan nanti?

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya, Sabah dan Sarawak masih ada banyak perkara yang memerlukan persetujuan daripada mereka. Itu bermakna mereka mesti rela menerimanya kerana semasa kita mencapai kemerdekaan, ada beberapa janji yang telah dibuat. Jadi, saya berharap sungguhpun mereka diberi pengecualian mungkin mereka akan memikirkan semula dan rakan-rakan saya dari Sabah dan Sarawak juga mungkin akan memikirkan semula, bahawa kalau ini adalah satu perkara yang baik untuk rakyat Sabah dan Sarawak kenapa tidak campur bersama.

Tuan Yang di-Pertua: Ada dua perkara, Yang Berhormat. Pertama, adakah tidak mungkin sebab Pulau Pinang hanya terlibat dengan *downstream* sebab tidak ada sumber air, maka tidak harus dikecualikan. Yang keduanya, adakah ada kaitan dengan soal cemburu kuasa? *[Ketawa]*

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, tidak betul kalau kita kata Pulau Pinang tidak terlibat dengan *upstream*. Satu perkara yang menjadi pertikaian dan saya tidak mahu bawa pertikaian ini ke Dewan yang mulia ini, kalau ada nanti rakan-rakan saya dari Kedah akan membahaskan dengan saya, iaitu sumber air dari Sungai Muda.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita lihat sempadan, kita selalunya menggunakan pertengahan sungai sebagai sempadan. Jadi, kalau Pulau Pinang mengambil air dari sebelah yang terdekat dengan Pulau Pinang, adakah ini sesuatu yang boleh dikatakan mengambil daripada Kedah? Pada pendapat kami, kami hanya mengambil air dari

sempadan yang berdekatan dengan Pulau Pinang, yang bersempadan dengan Pulau Pinang sahaja.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Kalau Yang Berhormat minta laluan, sila sebut Yang Berhormat ingin laluan. *[Ketawa]*

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Saya mohon laluan. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Setakat ini adakah Pulau Pinang yang setahu kita mendapat bekalan air mentah daripada Sungai Muda tadi, dan telah disebutkan bahawa adakah Pulau Pinang jika sekiranya diambil sebelah sempadan Pulau Pinang itu bermakna Pulau Pinang telah mengambil bahan air mentah daripada Negeri Kedah, adakah selama ini Pulau Pinang pernah didakwa oleh Negeri Kedah bahawa Pulau Pinang telah mengambil air mentah daripada Kedah? Terima kasih.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini tidaklah. Tetapi kami juga proaktif. Pulau Pinang, Perlis dengan Kedah telah bersetuju bahawa satu loji rawatan air itu ditempatkan di Kedah dan pihak ini mengambil air dari Sungai Muda kemudian rawatnya dan kemudian jual kepada Pulau Pinang, jual kepada Kedah dan jual kepada Perlis.

Itu nampaknya berpatutan dan ketiga-tiga kerajaan itu boleh memegang saham dalam syarikat yang akan ditubuhkan untuk merawat air ini dan selepas itu bekal kepada tiga kerajaan. Itu pada saya adalah satu langkah proaktif yang mana kita telah menguatkan lagi perhubungan di rantau utara Malaysia di antara kerajaan Perlis, Kedah dan Pulau Pinang dan semasa itu kami juga membina satu empangan yang paling besar iaitu Empangan Telok Bahang dan sekarang di Pulau Pinang kami ada tiga iaitu Telok Bahang, Ayer Itam dan Mengkuang.

Kita sudah ada tiga empangan yang paling besar dan dengan tambahan air dari Sungai Muda itu maka nampaknya pada ketika ini boleh menampung keperluan pengguna-pengguna air di Pulau Pinang dan kami juga mengambil inisiatif supaya industri-industri yang memerlukan banyak air itu untuk pemprosesan mereka itu mungkin diletakkan di negeri-negeri lain seperti Pahang yang mana sumber air itu tidak menjadi suatu masalah. Kita juga menggalakkan dan baru-baru ini kerajaan telah memberi insentif kepada syarikat-syarikat itu supaya pindah ke kawasan-kawasan yang dikatakan koridor yang mana memerlukan aktiviti semacam itu.

Kita menggalakkan ini supaya boleh pindah dan selepas itu maka keperluan air di Pulau Pinang sendiri akan berkurangan dan nampaknya dengan usaha-usaha kami itu

nampaknya boleh. Dahulu, kita masih kena jimat air dan sebagainya. Tetapi pada masa sekarang masalah itu tidak wujud lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya nampak isu ini membangkitkan banyak perkara yang harus diberi perhatian oleh Kerajaan Persekutuan semasa mereka masukkan fasa-fasa itu dalam Rang Undang-undang SPAN yang akan dibentangkan dalam sesi Mac untuk Dewan Rakyat dan kemudian akan dibawa ke perhatian kami untuk bahaskan di Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bercakap ini adalah perkara-perkara Yang Berhormat mahu dipertimbangkan dalam penggubalan rang undang-undang yang dikatakan SPAN tadi.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Kerana hari ini kita hanya hendak setuju atau tidak setuju dengan pindaan yang dicadangkan tetapi yang penting ialah lepas kita setuju, kita sudah bagi kunci kepada Kerajaan Persekutuan dan kunci ini ialah satu kunci emas (*golden key*) yang boleh buka banyak, yang selalunya atau pada ketika ini masih dikuasai oleh kerajaan negeri.

Biarlah sebelum kita berikan kunci ini, kita bagi sedikit pendapat dahulu supaya Kerajaan Persekutuan boleh menjaga kunci emas ini dengan baik dan menggunakan kunci emas ini untuk lebih kebaikan rakyat bukan sahaja di negeri Pulau Pinang tetapi di keseluruhan. Kita mahu berkongsi pengalaman dari Pulau Pinang dan kita minta supaya contoh-contoh yang baik itu digunakan oleh Kerajaan Persekutuan supaya itu menjadi satu model kepada pengurusan air di Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, selalunya kita mendengar rancangan pada awal nampaknya rancangan ini adalah baik. Kita telah melihat Kerajaan Persekutuan telah membuat keputusan untuk memberi tugas pengurusan sampah kepada empat syarikat konsesi iaitu Northern Waste Industri, Alam Flora, Southern Waste dan satu lagi MMC di kawasan Timur. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, hanya Alam Flora sahaja yang dapat memulakan perkhidmatan. Northern Waste Industri telah tutup tirai sebelum ia dapat menjalankan sebarang aktiviti di kawasan Utara.

Sehingga hari ini Southern Waste pun ada masalah di koridor Timur itu mereka belum mula lagi. Semua ini ialah rancangan-rancangan dari Kerajaan Persekutuan dan apabila diumumkan ada dikatakan untuk kebaikan semua pihak. Tetapi bila kita bandingkan kos Tuan Yang di-Pertua, pengurusan sampah sarap di Pulau Pinang apabila dijalankan oleh pihak berkuasa tempatan dengan pengurusan kalau diberikan kepada konsesi itu jauh bezanya kos dan siapa yang untung pada akhirnya.

Adakah ini akan berlaku kepada konsesi air. Kita telah melihat bagaimana IWK telah diswastakan. Selepas itu kena diselamatkan oleh Kerajaan Persekutuan dan sekarang diambil alih oleh Kerajaan Persekutuan. Setiap kali kita di sini diminta memberi kelulusan kewangan dan bantuan kepada IWK dan kepada Alam Flora dan sebagainya dan ini adakah berpatutan.

Daripada pengalaman-pengalaman itu Tuan Yang di-Pertua, saya mahu tahu sama ada dalam pengurusan air itu mungkinkah masalah-masalah macam itu wujud lagi. Lima tahun dari sekarang mungkin Ahli-ahli dari Dewan ini diminta memberi kelulusan subsidi kepada konsesi-konsesi ini. Ini ialah satu perkara yang kita harus mengkaji dengan mendalamnya dan hari ini kita kena serahkan kunci emas ini Tuan Yang di-Pertua, tetapi sebelum kita dapat berbuat demikian, kita haraplah beberapa perkara yang dirasai penting itu akan diberikan perhatian yang cukup serius dan memastikan tindakan-tindakan boleh diambil untuk menjaganya.

Kalau tidak apakah baiknya kalau kita berkongsi dengan Kerajaan Persekutuan. Sungguhpun nampaknya niatnya baik Tuan Yang di-Pertua, niat itu baik kerana Kerajaan Persekutuan hendak beri bantuan tetapi di segi apa yang saya sebutkan itu pengawasan harus diberi.

Tuan Yang di-Pertua, biar saya ke perkara cadangan 9E iaitu pindaan kepada Jadual Kesembilan berkenaan dengan perkara pemuliharaan warisan iaitu satu nampaknya juga kebaikan kerana kos untuk memulihara sesuatu bangunan yang dianggap sebagai bangunan warisan itu amat tinggi dan ada tahun yang lepas 2003 semasa sesi September, Oktober dan November itu maka ada satu cadangan untuk meminda Akta Perancangan Bandar dan Desa yang telah dicadangkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk meminda akta Perancangan Bandar dan Desa supaya pihak berkuasa negeri itu boleh menggunakan kuasa yang diberi oleh cadangan-cadangan pindaan kepada akta ini untuk membeli bangunan-bangunan warisan dan sebagainya daripada pemiliknya sebaik sahaja sesuatu bangunan itu dikenal pasti sebagai bangunan warisan dan ini akan mengeluarkan satu isu yang besar yang berlaku pada masa ini iaitu satu tuduhan yang menyatakan kerajaan negeri selalunya membuat keputusan untuk menamakan sesuatu bangunan itu sebagai bangunan warisan.

Tetapi selepas itu tidak memberi sebarang bantuan kepada pemiliknya. Untuk memastikan bangunan itu masih kekal sebagai satu bangunan warisan dan kos peluang, *opportunity* kos yang hilang itu kepada pemilik untuk merobohkan bangunan untuk mendirikan satu bangunan besar dan tinggi itu terlepas kerana sesuatu itu telah dinamakan

sebagai satu bangunan warisan dan akta yang akan dipinda itu akan membolehkan pihak berkuasa negeri supaya mengatasi isu ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang kita mendapat jadual 9E itu akan dipinda untuk membolehkan Kerajaan Persekutuan memainkan peranan ini. Tuan Yang di-Pertua, sesama kami diberi taklimat oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan di atas cadangan yang dibuat kepada Akta Perancangan Bandar dan Desa itu. Kami telah diberitahu bahawa Pulau Pinang dan juga Melaka telah dikenal pasti sebagai dua kerajaan yang akan diberi bantuan. Setiap itu akan diberi bantuan sebanyak RM10 juta untuk membeli bangunan-bangunan warisan itu sekiranya pemilik itu akan menjual bangunan kepada kerajaan negeri dan selepas itu pada tahun ini kerana kesuntukan masa maka pindaan itu tidak dapat dibentangkan dan akibatnya kita tidak dengar apa lagi tentang perkara ini. Adakah kedua-dua pihak Jabatan Perdana Menteri dan juga Jabatan Perancangan Bandar dan Desa itu berkongsi maklumat dalam hal ini untuk membuat pindaan 9E itu.

Tuan Yang di-Pertua, nampak mekanisme untuk berbuat demikian sudah wujud dan apabila kita mencadangkan pindaan kepada 9E mungkin ia ada maksud yang bersama, hanya yang berlainan ialah mungkin sekarang perkara ini diletak di bawah satu kementerian yang baru iaitu warisan dan saya juga difahamkan bahawa semasa perbincangan menteri berkenaan telah datang untuk memberi penjelasan.

Jadi, saya ingin tahu bagaimana kedua-dua cadangan ini untuk satu perkara yang sama untuk satu tujuan yang sama dapat diselaraskan supaya apa yang kita harus buat itu boleh dibuat dengan cepat kerana semasa kita menunggu tanpa satu jalan keluar dalam mengatasi masalah ini maka kita dapati bangunan demi bangunan yang dikenal pasti sebagai bangunan warisan mungkin terjejas dengan arus pembangunan mungkin kena dirobohkan dan sebagainya dan tidak dapat diberi perlindungan.

Adalah lebih baik bahawa satu usaha bersama diambil untuk memastikan apa jua tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan Persekutuan itu maka itu dibuat dengan cepatnya supaya perlindungan-perlindungan kepada bangunan-bangunan itu dapat dibuat cepat dan khususnya di Melaka dan juga di Pulau Pinang kerana ini adalah dua negeri yang mana terletaknya banyak bangunan warisan seperti yang disebutkan dan saya juga mengalu-alukan cadangan untuk pindaan kepada jadual 9E dan saya berharap ini akan dilakukan secepat mungkin supaya perlindungan-perlindungan itu dapat beri dan perlindungan itu hanya dari segi membeli bangunan tersebut .

Tuan Tan Bon You: Beri laluan.

Tuan Yang di-Pertua: silakan.

Tuan Tan Bon You: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Chin, berkenaan dengan 9E itu yang dibahaskan. Dalam pembahasannya cuma sentuh berkenaan dengan warisan yang berkenaan bangunan, apakah pandangan Yang Berhormat Dato', berkenaan dengan warisan budaya yang merangkumi budaya atau adat resam daripada suku kaum atau kaum-kaum lain di Malaysia untuk menggambarkan satu negara yang berbilang kaum. Terima kasih.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, mungkin itu bagi pendapat saya tidak menjadi satu isu kerana di bawah undang-undang yang sedia ada menteri berkenaan boleh membuat keputusan untuk memberi lebih perhatian kepada aspek-aspek kesenian dan sebagainya. Beliau sudah ada dan semasa membentangkan bajet baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua, pada ingatan saya masih ingat bahawa saya bangkitkan satu perkara yang ada kaitan dengan itu iaitu satu peruntukan diberi kepada pelakon-pelakon atau sebarang pementasan apa *play* atau wayang dan sebagainya yang dibuat di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

Tetapi kalau itu berlaku di bandar-bandar lain tidak diberi bantuan dan itu adalah untuk mempromosikan kebudayaan dan kesenian yang diminta oleh Menteri berkenaan, jadi, saya telah bertanya kenapa tempat-tempat lain itu dikecualikan. Jadi, nampaknya beliau sudah ada kuasa, beliau sudah ada ruang untuk memberi perlindungan. Perkara ini adalah berlainan sedikit kerana bangunan ini terletak di negeri-negeri tertentu, maka pada masa sekarang adalah di bawah kuasa kerajaan negeri kerana itu, maka sukar bagi Kerajaan Persekutuan masuk dan sebagainya.

Oleh kerana itu mungkin mereka mencari satu jalan keluar dan jalan keluar ialah untuk meminda Akta Perancangan Bandar dan Desa untuk membolehkan proses ini diadakan dengan memberi bantuan kepada kerajaan negeri supaya membeli, mengambil alih bangunan-bangunan yang dikenal pasti, kawasan-kawasan pun, tanah dan sebagainya kalau dirasa itu adalah suatu kawasan yang ada banyak unsur kebudayaan, kesenian dan sebagainya. Mungkin suatu kawasan itu boleh dibeli oleh kerajaan.

Peruntukan dalam pindaan kepada Akta Perancangan Bandar dan Desa itu sudah ada. Tetapi malangnya tidak sempat dibentangkan dalam sesi yang akhir Parlimen itu, Tuan Yang di-Pertua. Selepas itu, kami telah ada pilihan raya dan sebagainya dan mungkin tidak sempatlah bagi Yang Berhormat Menteri membentangkan perkara ini ataupun mungkin Kerajaan Persekutuan telah ada pemikiran lain. Tetapi yang penting sekali ialah supaya perkara ini tidak dilambat-lambatkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak mahukah Yang Berhormat beri peluang kepada rakan-rakan seperjuangan untuk memberi pandangan mengenai pindaan ini?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Ya, ya, Tuan Yang di-Pertua, saya hanya ada satu perkara yang saya ingin habiskan, iaitu pindaan kepada Perkara 122 dan 125, di mana umur pesaraan Tuan Hakim itu ditambah daripada 65 kepada 66 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong perkara ini memandangkan pada masa ini, kerana keadaan kehidupan yang lebih baik dan juga Malaysia telah menjadi sebuah negara yang maju dan sebagainya. Maka apabila seseorang itu sampai ke umur 65, 66 atau mungkin 70 tahun pun, mereka sangat sihat lagi dan boleh menyumbang kepada negara dan sebagainya.

Saya sangat mengalu-alukan ini kerana kita memastikan bahawa satu golongan yang begitu pakar dalam urusan undang-undang itu dapat melanjutkan perkhidmatan mereka dengan kerajaan demi kebaikan negara dan saya mengalu-alukan itu. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Jins Shamsuddin.

11.24 pagi

Datuk Jins Shamsuddin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang telah membentangkan pindaan undang-undang Persekutuan yang bersangkutan dengan apa yang telah dihuraikan dengan panjang lebar oleh rakan saya iaitu Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng.

Saya ingin menyentuh beberapa perkara yang ada kaitan dengan rang undang-undang pindaan mengenai bekalan air yang saya juga merasakan telah pun disentuh secara mendalam tetapi ada beberapa perkara yang saya ingin menyokongnya kerana melihat daripada sumber air itu sendiri yang mana kita semua sedia maklum. Saya ingin menyampaikan ini di atas pengalaman kerana saya menjadi *citizen of UK* selama 36 tahun, dengan izin. UK maksudnya, Ulu Klang.

Selama 36 tahun saya berada di Ulu Klang semua kawasan tadahan air di situ telah terjejas. Jadi, ini adalah satu sumber yang harus kita pelihara, yang harus kita perhati dengan teliti apabila kita melihat bahawa ini perkara yang amat penting. Yang menjadi mangsanya ialah penduduk di sekitarnya. Kalau dilihat di kawasan tadahan air di Ulu Klang, kita mempunyai tiga buah tasik, iaitu Tasik Klang Gate, Ulu Yam dan juga di kawasan itu juga mempunyai sebuah tasik yang agak besar, di belakang Taman TAR. Daerah itu semua sekarang ini semua bukit-bukaunya telah pun dijadikan taman perumahan.

Suatu ketika dahulu bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir telah melawat ke kawasan itu melalui udara dan telah membuat beberapa komen kerana bukit-bukit, dengan izin, bukit-bukit itu telah dibotakkan dan kemudiannya telah terhenti buat seketika. Selepas itu telah dibangunkan semula, semua bukit yang berada di belakang, kebetulan kampung yang saya tinggal, bernama Kampung Ulu Klang, Kampung Pasir, Ulu Klang yang menjadi mangsa di atas pembangunan di belakang itu dan setiap kali hari hujan, maka kamilah yang akan menerima segala lumpurnya, sedangkan itu bolehlah dianggap kawasan tadahan air.

Mungkin ini juga bolehlah diberi perhatian apabila nanti, apabila kita menjadi rakan kongsi di antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri dapat memikirkan bagaimanakah sumber air ini dapat kita pelihara seperti yang katakan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng tadi bahawa ini adalah punca yang amat penting.

Saya tidak bermaksud untuk menghurai lebih panjang kerana tadinya sudah pun disampaikan, tetapi itulah yang terjadi kerana ini di antara sebab-sebabnya maka sumber air kita menjadi begitu sukar. Untuk pengetahuan kita bersama, saya telah membaca sebuah kajian bahawa manusia ini rupanya mempunyai tiga perempat air. Manusia mempunyai tiga perempat air di dalam tubuhnya yang telah dikaji oleh seorang tokoh di negara Jepun, mengeluarkan satu kenyataan, seorang doktor yang mengatakan manusia mempunyai tiga perempat di dalam tubuhnya adalah air.

Jadi, oleh kerana itu air ini sangat penting untuk kita memeliharanya. Kalau kita tidak mendapat air bersih bererti kita meminum air tiga perempat di dalam tubuh kita ini adalah air kotor. Jadi, apabila air tidak bersih, sudah tentulah kita akan mengalami pemikiran yang tidak bersih, jiwa yang tidak bersih, jantung tidak bersih dan seluruh badan ini mungkin tidak bersih kerana minum air yang tidak bersih. Maka itulah perkara air ini amat penting dalam kehidupan manusia kerana kajian telah menentukan bahawa ianya mempunyai sumber yang amat penting dalam tubuh manusia bagi menentukan kehidupan yang bersih, bukan sahaja bersih dari segi fizikalnya, bersih juga dari rohaninya kerana kebersihan itu maka kita dapat menyampaikan sesuatu yang lebih baik.

Sebab itulah baru-baru ini Perdana Menteri telah melancarkan suatu kempen "*Berbudi Bahasa Adalah Amalan Kita*". Kalau kita meminum air yang tidak bersih maka selalu kita mempunyai budi bahasa yang tidak bersih kerana segala anggota ini tidak bersih. Jadi, maka itu saya amat menyokong rang undang-undang ini.

Perkara kedua, yang juga telah disentuh tadi oleh Yang Berhormat Dato' Chin yang juga mengenai warisan negara. Warisan ini juga adalah sangat penting bukan sahaja warisan yang bersangkutan paut dengan bangunan-bangunan di seluruh negara ini yang kita

tahu ada di antara bangunan yang kita anggap sebagai satu bangunan yang mempunyai kesan sejarah yang amat penting telah pun dirobuhkan. Saya telah kemukakan perkara ini dalam sidang yang lepas, dalam Dewan ini, Dewan yang mulia ini berhubung dengan satu bangunan yang dianggap sebagai satu bangunan yang bersejarah iaitu Lapangan Terbang Subang.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Datuk Jins Shamsudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya amat terperanjat apabila melihat lapangan terbang atau bangunan Lapangan Terbang Subang itu telah roboh dan ranap sama sekali. Dan ini adalah satu bangunan yang bersejarah boleh dianggap di *airport* dengan izin pada ketika itu selain daripada Lapangan Terbang Sungai Besi.

Jadi ini perkara-perkara yang harus kita fikirkan mungkin ada lagi bangunan-bangunan yang bersejarah yang patut kita pelihara dan apabila kerajaan pusat akan meminda undang-undang ini bagi tujuan untuk memelihara bangunan-bangunan ini adalah merupakan sesuatu yang diberikan tahniah pada saya kerana ia adalah merupakan sesuatu sejarah negara.

Dan selain daripada itu juga ialah sesuatu yang harus kita pelihara warisan-warisan negara yang telah disentuh juga oleh Yang Berhormat rakan saya tadi berhubung dengan kebudayaan warisan yang semula jadi, warisan kebudayaan, warisan budaya yang hari ini kita lihat kita sudah tercicir, kita sudah dipengaruhi oleh budaya-budaya asing kerana tidak memelihara warisan-warisan budaya yang tetap ada kepada kita dan kita mempunyai berbagai-bagai budaya dalam negara ini yang amat unik dari berbagai-bagai kaum yang ada di negara ini dan ada di antaranya budaya-budaya ini telah terhakis disebabkan oleh tidak kita pelihara dengan baik.

Kita lihat juga perkara-perkara yang sama di dalam hal-hal yang bersangkutan dengan warisan budaya ini, hari ini saya telah sebutkan di dalam sidang yang lepas bahawa kita punya warisan budaya yang tercatat, yang tersimpan, yang telah dirakamkan di dalam filem-filem kita semenjak dari tahun 40-an lagi, hari ini telah hilang semuanya, telah dipindahkan bukan sahaja ke Singapura yang telah menjadi negara asing dan kemudiannya dipindah lagi ke Hong Kong yang hari ini telah menjadi sebahagian daripada negara China dan warisan budaya ini telah luput dan hilang hak kita yang pada mulanya memang ada di

dalamnya. Di dalam filem itu, kita lihat berbagai-bagai sejarah dan budaya yang telah dirakamkan sejak 40 tahun yang lalu, hari ini telah lenyap begitu sahaja.

Maka ini juga harus di ambil kira, warisan budaya yang harus kita ambil kira bahawa ada sesuatu usaha ke arah mengekalkan warisan budaya ini dengan mewujudkan arkib yang pernah saya cadangkan dan ini merupakan warisan budaya yang harus kita kekalkan di dalam negara ini supaya terpelihara dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya memang menyokong pindaan perlembagaan ini dengan memberikan penekanan kepada beberapa perkara yang telah saya sebutkan tadi, dengan adanya pindaan ini, dapatlah kedua-dua kerajaan yang - hari ini pun kita Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri, kita mempunyai berbagai-bagai parti politik yang bekerjasama, berkongsi kuasa maka tidak ada sebabnya mengapa kita tidak boleh berkongsi kuasa dengan kerajaan-kerajaan negeri bagi memelihara warisan negara kerana adanya akta yang akan digubal nanti akan menentukan masa depan anak dan generasi akan datang menikmati warisan negara yang ada, yang akan kita pelihara dari masa ke semasa.

Dan perkara yang akhir sekali ialah mengenai umur yang dinaikkan daripada 65 kepada 66 tahun adalah amat wajar kerana kita semua tahu para hakim hari ini memang mempunyai kebolehan yang luar biasa maka itulah tidak ramai yang menjadi hakim. Oleh sebab itu kita harus memberikan kesempatan ini dan menyokong dengan sepenuhnya dan saya mohon menyokong rang undang-undang. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, silakan Yang Berhormat Puan Siti Zailah.

11.35 pagi

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana turut memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Akta Perlembagaan Pindaan 2004. Terlebih dahulu saya ingin menyentuh Perkara 122 dan pindaan perkara 125 Perlembagaan Persekutuan yang menaikkan umur persaraan hakim dari 65 tahun kepada 66 tahun. Kita menyokong cadangan pindaan ini kerana pada umur 66 tahun, hakim masih berupaya dan berkemampuan untuk memberi khidmat kepada rakyat dan negara.

Saya ingin penjelasan dalam perkara ini, apakah kriteria ataupun kelayakan untuk seseorang hakim ini dilantik atau dinaikkan pangkat. Apakah prosedur yang digunakan oleh kerajaan dalam perantikan hakim sama ada dalam Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan, ataupun Mahkamah Tinggi supaya hakim yang dilantik itu benar-benar bebas dan telus dan berwibawa dan disegani kerana kita tidak mahu hakim yang ada bias kepada parti

pemerintah sebagaimana krisis kehakiman yang pernah berlaku dalam negara kita contohnya dalam mengendalikan kes Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh pindaan yang dibuat dalam Jadual Kesembilan dan Jadual Kesepuluh Perlembagaan Persekutuan di mana menyebabkan bidang kuasa eksekutif kerajaan negeri terhadap air akan diambil sebahagiannya oleh Kerajaan Persekutuan. Akibatnya kerajaan negeri akan kehilangan sumber pendapatan dan hasil air dan sekali gus menyebabkan kerajaan negeri terpaksa bergantung pada Kerajaan Persekutuan untuk mendapatkan bekalan air yang dirawat.

Pada pandangan saya, pindaan perlembagaan ini dibuat agak tergesa-gesa Tuan Yang di-Pertua, kerana ia masih walaupun kita gunakan kuasa majoriti 2/3 di Dewan Rakyat ataupun Dewan Negara tetapi kita tidak mendapat mandat daripada sidang DUN di negara masing-masing. Sebab itulah kita lihat pindaan ini seharusnya kita buat dengan kajian terperinci kerana ia melibatkan kepentingan kerajaan negeri khususnya.

Kita alu-alukan segala usaha yang dibuat oleh kerajaan untuk menyelesaikan masalah air di seluruh negara tetapi apa yang saya pertikaikan di sini ialah pengambilalihan ini menggunakan kuasa 2/3 di Dewan Rakyat dan Dewan Negara tanpa mendapat mandat dari sidang DUN di negeri-negeri masing-masing. Saya bimbang suatu hari nanti banyak lagi hak dan hasil kerajaan negeri akan diambil begitu mudah oleh Kerajaan Persekutuan. Contohnya, isu tanah. Ya, tanah sekarang di bawah kuasa kerajaan negeri. Kemungkinan pada suatu hari nanti dengan kuasa 2/3 di Dewan Rakyat dan Dewan Negara, Kerajaan Persekutuan akan menggunakan kuasa ini untuk merampas kuasa tanah dari kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan.

Jadi saya kira perkara ini seharusnya diteliti dengan sebaik-baiknya, mengambil kira suara dan mandat daripada rakyat dan negeri-negeri di bawah takluk Kerajaan Persekutuan. Saya juga ingin penjelasan....

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Yaakob

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat Siti Zailah. Saya ingin mendapat sedikit penjelasan berkaitan dengan pandangan Yang Berhormat sebentar tadi tentang persetujuan kerajaan negeri yang tidak diperolehi sebelum pelaksanaan pembentangan rang undang-undang ini di Parlimen.

Setahu saya Kerajaan Negeri Kelantan telah pun memberi persetujuan untuk dibuat pemindaan penyerahan kuasa dari segi rawatan air kepada Kerajaan Persekutuan. Apakah kerajaan negeri di bawah pimpinan Menteri Besarnya boleh dipertikaikan oleh ahli Yang Berhormat, terima kasih.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Yaakob . Apa yang kita faham persetujuan itu diambil daripada wakil, salah satu daripada wakil, ketika itu yang menjadi wakil kerajaan negeri ialah Timbalan Menteri Besar Kelantan.

Maknanya persetujuan mengambil kira pandangan satu orang tanpa mengambil keputusan mandat daripada dewan. Bukan maknanya dari pandangan saya, bukan saya pertikaikan keputusan yang dibuat. Cuma saya takut isu yang sama akan berulang menyebabkan kes pengambilalihan hak yang ada di kerajaan negeri akan berulang di masa hadapan, contohnya dari isu tanah.

Jadi sekiranya perkara ini diambil begitu mudah maka di masa akan datang, tanah yang menjadi hak kerajaan negeri akan diambil dengan begitu mudah menjadi milik Kerajaan Persekutuan. Itu sahaja yang saya pertikaikan, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh saya hendak minta laluan sekali lagi.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Sila.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Yang Berhormat Siti Zailah. Saya tidak mahu berlakunya kekeliruan di mata rakyat, umpamanya semalam, kalau kita lihat wakil kerajaan negeri Kelantan, tidak kiralah sama ada timbalannya tetapi ia merupakan kepala pemerintah di negeri Kelantan dan ini menunjukkan di antara Yang Berhormat dari Kelantan sendiri pun mempersoalkan keputusan yang telah dibuat oleh wakil kerajaan negeri sebagai wakil Yang Amat Berhormat Dato' Nik Aziz.

Dan semalam di dalam Dewan Rakyat, saya melihat semua parti pembangkang, termasuk PAS, yang turut membantah dan menentang pembentangan Rang Undang-Undang ini. Apakah persetujuan yang telah diberi oleh wakil kerajaan negeri itu hanya merupakan suatu tidak kepercayaan wakil-wakil Yang Berhormat daripada negeri Kelantan kepada Yang Amat Berhormat ataupun Yang Berhormat Timbalan Menteri Besar Negeri Kelantan. Sila beri penjelasan.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menegaskan di sini bukan sahaja wakil daripada pembangkang yang menentang pindaan ini. Kita lihat banyak wakil-wakil daripada Kerajaan Persekutuan sendiri turut

menentang. Contohnya dalam Dewan Negara tadi, sekejap tadi Dato' Dr. Chin juga mempertikaikan kenapa Kerajaan Persekutuan mengambil alih juga kuasa air daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang sedangkan di Pulau Pinang ini pengurusan airnya adalah yang terbaik.

Begitu juga negeri-negeri lain termasuk Sabah dan Sarawak. Kenapa? Maknanya ada. Kalau kita tengok dalam perbincangan semalam di Dewan Rakyat, saya juga menghadirinya, banyak wakil daripada Sabah mempertikaikan kenapa negeri mereka tidak dimasukkan sama. Adakah ini menyebabkan wakil-wakil rakyat daripada negeri yang berkenaan menentang kuasa dan apa yang dibuat dan diputuskan oleh pemimpin daripada kerajaan mereka? Itu saya kira pihak Yang Berhormat boleh fikirkan tentang perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan juga kenapa negeri Sabah dan Sarawak tidak dimasukkan di dalam pindaan ini? Siapa yang akan bertanggungjawab sekiranya berlaku permasalahan air dalam kedua-dua negeri ini? Apakah Kerajaan Persekutuan melepas tangan sebab kita tengok tujuan sebenar pindaan ini dibuat adalah untuk menyelesaikan masalah air di negeri-negeri yang bermasalah. Saya ingin penjelasan terhadap perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin penjelasan apakah pampasan akan diberi oleh Kerajaan Persekutuan terhadap kehilangan punca pendapatan kerajaan negeri dan berapakah jumlahnya? Apakah jaminan kerajaan bahawa ganti rugi yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan tidak dipolitikkan sebagaimana pemberian Wang Ehsan sebagai ganti royalti minyak yang pernah berlaku di negeri Terengganu. Apakah perkara ini akan berulang balik dalam krisis atau isu air ini pada masa akan datang.

Saya ingin juga penjelasan Tuan Yang di-Pertua, siapakah yang akan menganggotai ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan apakah ada wakil-wakil daripada kerajaan negeri yang akan menjadi anggota dalam Suruhanjaya ini. Kita ingin penjelasan juga macam mana kita hendak mengawal SPAN ini supaya ia benar-benar menjaga kepentingan rakyat dan negara?

Saya ingin penjelasan apakah kriteria syarikat-syarikat swasta ataupun operator yang akan dapat memberikan perkhidmatan air di seluruh negara? Apakah syarat-syarat perjanjian yang telah dibuat oleh kerajaan dengan operator-operator ini? Kita tidak mahu kes berulang sebagaimana yang pernah berlaku dalam syarikat konsesi lebuhraya tol dalam negara kita yang mana setiap tahun, iaitu pada tahun lepas sahaja, sebagaimana kenyataan Kementerian Kerja Raya yang menjelaskan bahawa RM200 juta wang pampasan telah dibayar kepada syarikat konsesi lebuhraya tol menggunakan dana negara, di mana dana

negara adalah wang rakyat kerana hasil kutipan tol itu tidak mencapai *target* yang dikehendaki. Apakah isu yang sama akan berlaku dalam isu air?

Sekiranya hasil kutipan, perolehan daripada hasil air ini yang dikutip oleh operator-operator ini tidak mencapai *target*, apakah Kerajaan Persekutuan sekali lagi akan membayar ganti rugi kepada operator? Saya ingin penjelasan daripada pihak kerajaan dan saya ingin penjelasan apakah perjanjian-perjanjian yang telah dibuat oleh pihak kerajaan dengan syarikat-syarikat swasta ini dan kenapa perjanjian-perjanjian ini tidak didedahkan kepada umum, syarat-syarat yang telah dikenakan kenapa tidak didedahkan kepada umum sehingga menyebabkan berlaku sebagaimana apa yang telah berlaku dan kita lihat dalam kes-kes penswastaan sebelum ini.

Saya ingin penjelasan juga apakah jaminan kerajaan agar harga tarif air tidak dinaikkan dan tidak membebankan rakyat. Apakah selepas pindaan ini harga air akan diselaraskan di seluruh negara sebab kita lihat sekarang ini di negara kita, Tuan Yang di-Pertua, lebih daripada satu juta rakyat Malaysia yang belum lagi mendapat perkhidmatan paip air. Jadi kalau kita mendakwa negara kita negara maju, membangun dan sebagainya tetapi bila kita tengok daripada jumlah penduduk negara kita, masih ada satu juta rakyat yang belum menikmati kemudahan air dengan baik.

Jadi kalau kita lihat dan kita ambil iktibar daripada pengajaran yang lepas, daripada penswastaan tenaga elektrik, dahulunya Lembaga Elektrik Negara (LLN) kemudian ditukar kepada Tenaga Nasional Berhad, sampai sekarang pun masih tidak selesai isu elektrik, masih banyak lagi kawasan- di pedalaman malah ada sekolah yang tidak ada bekalan elektrik!

Jadi apa jaminan kerajaan sekiranya berlakunya apa yang kita sedang pinda hari ini dan kuasa ini diberi kepada pihak swasta, apakah jaminan kerajaan supaya perkhidmatan air ini lebih baik kepada rakyat dan tidak berlaku sebagaimana yang berlaku dalam isu tenaga elektrik. Apakah jaminan kerajaan supaya tarif air tidak dinaikkan dan adalah tidak adil sekiranya harga tarif air disamakan antara negeri yang maju dan negeri yang kurang maju. Contohnya antara negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan, tidak adil sekiranya tarif air disamakan dengan negeri-negeri di sebelah Pantai Timur yang taraf hidupnya rendah, seperti Kelantan dan Terengganu, contohnya.

Sudah tentulah ia mempunyai tahap kehidupan dan pendapatan yang berbeza. Jadi saya ingin penjelasan daripada pihak kerajaan apa jaminan kerajaan dalam soal ini? Apakah pengawalan yang akan dibuat oleh kerajaan supaya harga ini tidak dinaikkan dan tidak membebankan rakyat?

Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad bin Haji Ahmad: Saya mohon laluan Tuan Yang di-Pertua.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Ir. Wong Foon Meng]: Silakan Yang Berhormat Datuk Haji Fuad.

Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad bin Haji Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat mengenai apa sebab kerajaan sekarang ini buat keputusan untuk membawa semua negeri bersetuju dalam menyelesaikan masalah. Kita sedar bahawa sekarang tiap-tiap negeri pun bermasalah dari segi beban kewangan. Nombor dua ialah mengenai dengan pengguna-pengguna yang selalu dengan izin, kompelin air kotor. Di negeri Kelantan pun banyak air kotor, di Selangor pun orang kompelin banyak air kotor, begitu juga dengan negeri lain - Wilayah Persekutuan, Johor, Melaka, semua. Itulah sebabnya saya rasa dan yakin bahawa pihak kerajaan cuba hendak menyelesaikan masalah. Kita hendaklah fikir panjang mengenai dengan sumber air ini. Air ini adalah satu bahan yang sangat mustahak bagi badan kita.

Oleh itu saya rasa mengenai dengan bab upstream, dengan izin, soal itu kita boleh bincang kemudian. Sekarang ini ialah berkenaan dengan downstream, iaitu masalah pengguna, masalah pengguna sentiasa kompelin mengenainya. Mengenai dengan bab pengurusan untuk menyelesaikan masalah-masalah, saya percaya dan yakin pihak kerajaan tentu ambil kira mengenai strategi jangka masa panjang supaya perkara ini tidak akan membebankan kepada pengguna-pengguna. Mungkin syarikat-syarikat swasta akan diberi konsesi untuk mentadbir dan mengurus air. Kerajaan akan buat satu pandangan, mungkin ada satu golden share dalam syarikat ini, supaya kerajaan dapat memantau standard sistem harga tarif air yang akan dikenakan kepada pengguna-pengguna. Saya percaya dan yakin kerajaan tidak akan membebankan kepada pihak pengguna.

Perkara nombor dua mengenai mentah, air mentah sekarang ini banyak kita dapat. Tetapi dalam segi rawatan air, itulah sebabnya sekarang ini syarikat-syarikat yang diberi banyak tidak menjalankan tugas-tugas mereka, sampai besi berkarat, air kotor. Itulah sebabnya kerajaan telah membuat keputusan untuk membawa undang-undang ini untuk pindaan kepada yang baru supaya kita dapat satu standard system, dengan izin diguna pakai oleh semua syarikat swasta yang diberi konsesi bagi membekalkan air.

Saya percaya dan yakin perkara ini kerajaan ambil kira untuk menyelesaikan masalah-masalah dengan negeri-negeri. Ada juga dalam perundangan yang baru dalam pindaan rang undang-undang yang memberi kuasa untuk mentadbir bersama negeri dan

Persekutuan. Ini salah satu cara penyelesaian. Oleh itu saya percaya soalan Yang Berhormat tadi mengenai dengan tidak puas hati kerajaan ambil alih pengurusan air daripada negeri tidak timbul lagi saya rasa. Sekian, terima kasih.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Yang Berhormat kerana menjawab bagi pihak Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat bahawa kita hendak meletakkan *standard system* dalam pengurusan air dalam masa akan datang. Cumanya saya memperingatkan di sini ialah supaya apa jua perubahan ataupun apa sahaja pindaan yang kita buat mestilah mengambil kira tentang kepentingan rakyat, bukan sahaja kepentingan satu syarikat yang tertentu sahaja supaya kes-kes seumpama ini yang pernah berlaku dalam penswastan dalam negara kita tidak akan berulang. Itu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga penjelasan berkenaan berapakah nilai aset daripada keseluruhan kerajaan negeri yang telah diambil alih oleh pihak Kerajaan Persekutuan setakat ini. Sekiranya berlaku kerugian, siapakah yang akan menanggung sebab kita lihat sekarang ini pun kajian mendapati bahawa pada operasi perkhidmatan air di negeri-negeri, kebanyakan yang mendapat kerugian antara 40% hingga 45% daripada punca pendapatan sebenar dan di antara faktor utama adalah daripada kebocoran paip-paip yang pecah, yang menyebabkan kehilangan 60% daripada air bersih.

Jadi kemungkinan kita pada suatu masa nanti boleh mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya air boleh kita buat kepada dua bahagian iaitu air yang bersih untuk diminum, maknanya yang dirawat dengan satu kos dan satu lagi air biasa, air yang tidak dirawat. Mungkin dengan cara ini kita boleh menyelesaikan tentang kos pengendalian yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga inginkan penjelasan apakah kerajaan membuat kajian terperinci dalam isu perjanjian penswastan air ini kerana kita lihat kebanyakan daripada pengalaman-pengalaman yang lalu banyak daripada projek-projek yang telah dikendalikan oleh pihak kerajaan yang kebanyakannya mengalami kerugian ditanggung balik oleh kerajaan, contohnya seperti MAS dan sebagainya.

Jadi apakah perkara ini akan berulang lagi, kerajaan kita terus menanggung kerugian tetapi syarikat ataupun projek yang berdaya maju kebanyakannya diberi kepada pihak swasta. Jadi apakah keuntungan kepada pihak kerajaan sebenarnya? Saya ingin penjelasan.

Saya ingin penjelasan juga, berapakah kerugian yang ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan hasil daripada penghapusan hutang daripada kerajaan-kerajaan negeri. Saya

difahami bahawa Kerajaan Persekutuan akan melupuskan semua hutang pinjaman yang berkaitan dengan air di seluruh kerajaan negeri dan setakat ini berapakah kerugian kerajaan hasil daripada pelupusan hutang-hutang ini.

Apakah jaminan kerajaan supaya krisis air sebagaimana yang pernah berlaku pada tahun 1998 tidak akan berulang dalam negara kita terutama di bandar-bandar besar? Apakah model yang diguna pakai oleh kerajaan dalam isu penswastan air ini supaya kita dapat suatu gambaran yang jelas mengenai model yang sebenar yang diguna pakai oleh kerajaan supaya ia tidak membebankan kerajaan pada satu masa akan datang?

Jadi dengan pindaan yang dibuat oleh pihak kerajaan ini, kita mengharapkan supaya kuantiti air negara kita mencukupi, kualiti air juga semakin baik, begitu juga kos perkhidmatan juga tidak membebankan rakyat. Kita juga mengharapkan dengan pindaan ini supaya perkhidmatan dalam pengurusan air akan lebih cekap dan berkesan. Jadi dengan kata-kata itu, sekian sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang saya beri peluang kepada Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani.

11.56 pagi

Datuk Hajah Dayang Mahani bin Tun Pg. Ahmad Raffae: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya kesempatan untuk sama-sama membahaskan akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan (Pindaan) 2004.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang kita semua ketahui air merupakan sumber utama bagi kehidupan manusia. Kita mampu bertahan tanpa makanan untuk berminggu-minggu tetapi tanpa air mungkin sebaliknya. Dalam kehidupan ekonomi moden, sesungguhnya air merupakan perkara asas dan utama dalam pelbagai sektor sama ada pertanian, sama ada industri, pengangkutan sehinggalah kepada pewujudan tenaga elektrik.

Oleh yang demikian, dapatlah kita lihat betapa pentingnya air dalam setiap inci kehidupan kita. Walaupun air begitu penting dan amat bernilai dalam kehidupan yang sepatutnya dimanfaatkan secara bijak, secara berhemah dan dihargai daripada pencemaran, namun kenyataannya air selalu dihamburkan begitu sahaja, dicemari dan disia-siakan. Dengan lain perkataan, air tidak diurus secara cekap sama ada oleh pihak yang berwajib mahupun oleh pengguna sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia adalah sebuah negara yang mempunyai kawasan hutan yang luas dengan secara langsung ataupun tidak langsung menjadi kawasan tadahan dan sumber air yang banyak, khususnya di negeri-negeri yang besar seperti Negeri Sabah,

Sarawak, Pahang dan Johor. Walaupun negara kita mempunyai kawasan tadahan air yang luas dan sumber yang mencukupi, namun secara amnya masih terdapat masalah-masalah yang serius khususnya bagi kes kekurangan dalam penawaran air ataupun *shortage of water supply*, dengan izin.

Ini bukan sahaja berlaku di negeri-negeri yang ekonominya membangun dan maju, namun kepada negeri-negeri yang sedang membangun. Sebenarnya terdapat beberapa masalah yang besar yang dapat kita lihat dalam isu air. Pertama ialah, semakin kurangnya kawasan tadahan air yang menjadi sumber kepada penawaran air.

Yang keduanya, ketidakupayaan bekalan air yang sedia ada dalam menampung peningkatan penduduk dan aktiviti-aktiviti ekonomi yang berkembang dan ditambah pula dengan tidak kecekapan dalam pengurusan air itu sendiri. Inilah masalah yang kita berhadapan.

Juga diketahui umum bahawa pada masa ini air adalah tertakluk di bawah bidang kuasa dan pengurusan negeri semata-mata. Ini bermakna tidaklah keterlaluan kalau saya katakan bahawa terdapat kemungkinan cara pengurusan dan prosedur dalam menangani permasalahan air ataupun permasalahan bekalan air dari pengurusan sumber operasi sehingga kepada perkhidmatan kepada pengguna adalah berbeza-beza daripada satu negeri ke satu negeri dan secara tidak langsung hasil ataupun penawaran air ataupun *water supply* juga berbeza. Mungkin di satu negeri pengurusannya baik tetapi kurang kawasan tadahan sumber air dan mungkin di satu negeri pula sumber air banyak tetapi terdapat masalah dalam menangani sumber air tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, bukanlah maksud saya untuk membanding-bandingkan sebuah negeri dengan sebuah negeri yang lain kerana kemungkinan bukan kehendak mereka untuk tidak mengurus air dengan baik. Tetapi kerana banyak masalah *typical* dengan izin yang kadangkala di luar kemampuan mereka seperti kebocoran air, kecurian air atau dengan izin *illegal connection*, ketidakupayaan loji yang sedia ada dalam memenuhi permintaan yang semakin meningkat, kekurangan peruntukan di samping faktor-faktor luaran seperti semakin banyak kekurangan hutan iaitu kawasan utama tadahan air, sungai yang tercemar, banjir dan juga kemarau. Semua masalah ini amat memberikan kesan kepada mutu air dan perkhidmatan yang diberikan kepada pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menyediakan mutu air dan perkhidmatan yang baik tentunya memerlukan perbelanjaan yang tinggi. Secara ekonomiknya selalunya perbelanjaan yang tinggi sebahagian besar perlu ditampung oleh pengguna kerana apabila kita membangunkan sesuatu kos permulaan begitu tinggi. Tetapi apabila kita menurunkan

dari segi tarif maka itu akan diambil kira maka jumlah yang akan dikenakan kepada pengguna ialah jumlah yang telah digunakan untuk membangun. Jadi penerima kepada perbelanjaan yang tinggi itu ialah pengguna.

Oleh yang demikian dengan meningkatkan mutu air yang lebih tinggi, maknanya kalau kita mahu perkhidmatan yang baik, air yang bersih, perमितnya akan tinggi maka kosnya juga akan meningkat. Jadi masalahnya pada akhir ayat nanti apa sahaja kita hendak bincangkan di dalam Dewan ini akhirnya *the end result* apa sebenarnya yang kita hendak, kita hendak supaya apa sahaja tindakan yang dibuat oleh kerajaan, apa sahaja kaedah dan pendekatan yang digunakan oleh kerajaan akhirnya kita hendak supaya ianya dapat meringankan beban rakyat. Itu yang paling penting.

Sebab kita mesti ingat kemampuan rakyat kita berbeza-beza. Berbeza bukan sahaja dari segi kedudukan, intelektual, pendapatan, daripada negeri ke negeri, peluang untuk mendapatkan hasil juga berbeza-beza. Jadi kita tidak boleh memberi satu bilangan jumlah yang mungkin tidak ada masalah kepada penduduk di Kuala Lumpur tetapi mungkin masalah besar kepada penduduk-penduduk mungkin di Kelantan, Terengganu ataupun di Sabah.

Jadi sementara kita berharap kepada kualiti yang baik dan dengan kemampuan yang berbeza-beza ini kita perlu ingat pada masa ini kita bersyukur dan saya mengambil kesempatan ini sebenarnya untuk merakamkan ribuan terima kasih kepada kerajaan dan juga kementerian di atas tindakan positif yang diambil untuk membuat pindaan. Yang pertama saya lupa hendak sebut saya tidak berhajat untuk membahaskan perkara Fasal 3 iaitu bertujuan untuk meminda Perkara 125 Perlembagaan Persekutuan bagi menaikkan umur persaraan hakim dari 65 tahun kepada 66 tahun selaras dengan kenaikan satu tahun sahaja. Memang seperti mana yang telah disampaikan dan juga dibahaskan oleh rakan-rakan yang terdahulu daripada saya memang wajar kerana kita tahu perbezaan hanya setahun.

Saya mencadangkan kalau boleh tambah lima tahun pun tidak mengapa. Tetapi yang dipinda cuma satu tahun. Satu tahun ini adalah satu masa yang singkat yang mana hakim-hakim ini adalah orang yang sudah menjalankan tugas dan mempunyai pengalaman yang begitu banyak, sayang kalau mereka ini disarakan dengan umur di mana mereka masih boleh menjalankan tugas. Jadi, pada peringkat yang pertama saya bersetuju, tidak perlu dibahas.

Yang kedua ini seperti mana yang sekarang saya bahaskan ialah Fasal 4 yang bertujuan untuk meminda jadual ke sembilan kepada Perlembagaan Persekutuan untuk

menjadikan bekalan dan perkhidmatan air dan pemeliharaan warisan kepada perkara yang pertama.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini seperti mana yang saya katakan kita bersyukur kerana kerajaan amat prihatin atas kebajikan rakyat dengan mengenakan kadar tarif sedia ada di samping mutu air dan perkhidmatan semakin dipertingkatkan. Namun dengan kadar tarif sedia ada, mampukah kerajaan negeri menanggung kos operasi dan kos mengurus yang semakin mahal dan semakin membebankan. Ini persoalannya. Ramai ataupun banyak negeri yang kini sudah bermasalah dan berhutang beribu-ribu juta ringgit untuk cuba menyelesaikan tetapi juga tidak dapat diselesaikan.

Walau bagaimanapun, jika bidang kuasa tersebut dikongsi bersama saya juga ingin bertanya bagaimana pula kebajikan negeri-negeri tersebut dapat juga dipelihara terutamanya seperti mana disuarakan tadi tentang hasil. Apa cara mereka akan dapat sama-sama menikmati hasil itu. Kedua, untuk peruntukan sebab ada perkara-perkara yang tidak dimasukkan dalam jadual ini yang kerajaan negeri masih memerlukan bantuan daripada Persekutuan dan saya sebenarnya ingin menumpukan kepada perkara yang telah disebutkan oleh Dato' Dr. Chin Fook Weng iaitu tentang hutan simpan dan juga kawasan tadahan air yang tidak dimasukkan.

Saya cuma keliru di sini kalau kita hendak ambil kuasa bersama daripada kerajaan negeri untuk disatukan dengan kuasa Persekutuan untuk mentadbir sehingga ada niat untuk mewujudkan satu badan iaitu yang digelar sebagai SPAN untuk mengurus permasalahan air ini. Kalau kuasa tanah masih lagi di tangan kuasa negeri dan memang kita risau kalau pula kuasa tanah itu diambil alih keseluruhannya oleh Kerajaan Persekutuan.

Tetapi yang ini saya cadangkan ialah sepatutnya yang meliputi ataupun ruang lingkup yang melibatkan tanah tadahan air sahaja sepatutnya dimasukkan bersama sebab kalau tidak diwartakan dan mempunyai kuasa bersama, takut-takut nanti kawasan ini dicerobohi ataupun kerajaan negeri mungkin bagi kuasa pembalakan atau sebagainya dan akan mengakibatkan mengurangkan lagi kawasan tadahan air. Kalau puncanya sudah tidak ada apa yang hendak diuruskan oleh SPAN? Ini satu masalah. Punca itu *very important*. Tadahan air sama ada daripada hutan ataupun menjalankan tadahan air sama ada *lake* atau apa sahaja itu perlu diwartakan mempunyai kuasa bersama.

Oleh kerana akta ini akan diperbahaskan kita cuma sekadar untuk berbahas Perlembagaan dahulu. Saya ingin mencadangkan ini diberi keutamaan. Saya berharap kerana takut-takut ia juga nanti akan menimbulkan masalah. Kita selesai satu perkara satu

perkara lain pula yang boleh mengakibatkan perkara yang pertama dengan niat baik terhalang. Ini perkara yang harus kita ambil berat.

Kedua yang mesti kita ingat ialah dalam mengurus air ini ada tiga peringkat. Pertama daripada punca ataupun *production*. Kedua daripada *distribution* iaitu pengagihan dan ketiga *billing*. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menimbulkan satu perkara iaitu apabila kita menswastakan sesuatu projek ataupun sesuatu perusahaan apa sebenarnya harapan kita apabila kita hendak menswastakan. Biasanya kita berharap mudah-mudahan dengan penswastakan ini akan dapat meringankan beban kerajaan. Biasanya itulah niat di sebalik penswastakan. Saya ingin berkongsi pandangan seperti mana tadi Dato' Dr. Chin, dia berkongsi pandangan beliau berkenaan begitu baiknya, begitu cemerlangnya pentadbiran air di Pulau Pinang.

Saya ingin berkongsi pula malangnya apa yang berlaku di Sabah. Sungguhpun hari ini pindaan ini tidak melibatkan Sabah dan Sarawak, saya berdoa kalau boleh memasukkan Sabah dan Sarawak seperti apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat Senator Siti Zailah tadi. Ini kerana di Sabah, saya bukanlah menimbulkan ini orang kata hendak menghina ataupun *to question* kewibawaan pentadbiran, tidak. Kadang-kadang oleh kerana kurang pengalaman, perkara ini berlaku sebab ini juga disuarakan oleh masyarakat di Semenanjung tentang tol yang mana pada satu ketika apabila *agreement* ini *disign*, saya rasa mungkin ada lagi masalah lain yang tidak dihalusi yang mengakibatkan hari ini walaupun dijanjikan toll tidak akan naik, ia tidak melibatkan Dayang sebab saya tidak payah bayar tol, sesekali sahaja masa melawat negeri-negeri.

Tetapi maknanya, kerajaan tidak boleh bertahan dengan harga yang rendah seperti mana yang dinikmati beberapa tahun yang lalu sekarang ini terpaksa ditingkatkan, kalau tidak kerajaan pula terpaksa menanggung kerugian sehingga RM700 juta, ya. Jadi maknanya memang ada kelemahan yang mungkin pada ketika itu tidak disedari. Memang saya pun bercerita dengan Ahli Yang Berhormat di luar, apakah caranya untuk mengatasi ini? Ada pula satu cadangan yang mengatakan apa kira kita dedahkan kepada rakyat masalah ini kalau setiap warganegara ataupun kalau ada satu juta pengguna jalan raya, tiap satu pengguna sumbang RM1 ribu, mungkin kita terus boleh selesaikan masalah ini. Apakah dengan menyelesaikan RM700 juta ini, tidak payah lagi kita hendak membayar tol lagi?

Saya hendak balik pada cerita, maknanya adalah kelemahan sehingga kerajaan terikat dengan keadaan ini. Begitu jugalah apa yang berlaku di Sabah tentang air. Di Sabah, kelemahannya ialah cuma punca air sahaja *diprivatized*, bayangkan. Maknanya you

can collect all the water, masukkan dalam loji dan setiap titik yang dikeluarkan daripada loji itu terpaksa dibeli oleh Kerajaan Sabah daripada *concessionaire*. Kita mempunyai tiga *concessionaires*; kita mempunyai *concessionaire* Jetama, Lahad Datu *Concessionaire* dan juga Timage. Ketiga-tiga ini cuma di peringkat *production* sahaja.

Kita jangan lupa pula keadaan di Sabah yang mana paipnya ada dalam 40 tahun, 50 tahun semasa koloni lagi yang mana bocor, yang berkarat dan kita pun tahu tadi dalam pembentangan Menteri yang mana dahulu mereka menggunakan Simen Asbestos. Bayangkan, perkataan “asbestos” sahaja sudah menakutkan dan kita tahu akibatnya kepada kesihatan manusia tetapi itulah kemudahan yang ada pada ketika itu. Di Sabah banyak yang bocor.

Jadi, saya dalam bercerita dengan kawan-kawan, mereka kata macam di Kelantan, mana orang hendak pakai punca air daripada paip? Senang sahaja, dia kata korek tiga kaki sudah dapat punca air. Dalam fikiran saya, barangkali betul juga, lagi senang, lagi baik, lagi elok mungkin daripada yang dikorek tiga kaki ini. Ini sebab, Tuan Yang di-Pertua, bayangkan rakyat apabila dicaj, kita bayar konon-konon, bukan lagi konon, memanglah air sudah dirawat. Setelah dirawat, ia akan melalui paip yang sudah lama, yang sudah berkarat, yang dibuat oleh asbestos dan sebagainya. Sampai pada yang menerima, ia lebih tercemar daripada air yang asal sebelum dirawat. Bayangkan bahayanya itu.

Jadi, kalau bilangan cuma *production* sahaja yang *diprivatizide*, dia punya *distribution*, itu yang pertama; *distribution* dan dia punya *billing* dibuat oleh kerajaan. Pertama, bocor, kedua, *illegal connection*. Siapa yang tidak tahu, berapa ramai *illegal* di Sabah? Orang *illegal* berapa ramai? Dia punya *illegal connection* itu supaya tidak ada bayar apa-apa, mereka pakar pula, pakar pembinaan yang datang daripada Filipina, Indonesia; sumbat sahaja pasang, lepas itu percuma – *illegal connections*.

Ketiga, meter-meter yang sudah tidak berjalan, sudah rosak; apa yang hendak dibaca kalau sudah rosak? Itu sebabnya, kalau hendak terima bilangan rekod daripada Sabah dia punya Non-Revenue Water (NRW) 70%. Tengoklah rekod. Jadi, sekarang ini apabila kita hendak membayar kepada *concessionaire*, kita membayar tidak kurang daripada RM200 juta lebih setahun dan berapa tahun yang kita tidak boleh mampu, ia seakan-akan separuh daripada jumlah pengurusan negeri hanya untuk hendak membayar *concessionaire* sahaja. Jadi saya minta maaf kerana dedahkan ini tetapi yang saya hairan, apabila Sabah mempunyai masalah yang begitu rumit pula dan ditambah beban yang begitu besar, Sabah pula tidak termasuk dalam cara penyelesaian yang elok ini.

Saya sebenarnya berharap, kalau boleh perkara ini diambil kira dan yang saya hairan kadang-kadang, saya minta maaf, mungkin inilah tidak ada ketelusan dalam membuat *agreement* ataupun perjanjian. Saya mohon kepada kerajaan - saya ahli kerajaan - saya tidak menentang tetapi saya merayu sebab kelemahan ini kadang-kadang berlaku, bukan disengajakan. Niat baik, apa yang tersurat tidak seperti apa yang tersirat.

Jadi perkara-perkara yang boleh membawa implikasi yang begitu besar, jangka masa yang panjang kepada rakyat seharusnya dibuka dan dibincangkan secara meluas terlebih dahulu. Ini di antara perkara yang berlaku di Sabah umpamanya. Sekarang ini, macam mana rakyat hendak selesaikan? Pertama, sudahlah kita tidak mendapat air yang elok sedangkan kita tidak ada masalah dari punca air. Punca air tidak ada masalah. Sabah *my goodness, mountainous*, hari-hari hujan di mana air banyak, tetapi air itu tidak bererti. Kita tengok sahaja sebab kita tidak boleh minum, hendak makan dan apa semua sebab takut ia tercemar. Tetapi yang melalui paip ini lebih tercemar saya rasa oleh kerana paip-paip yang lama.

Jadi, dalam program seperti ini ia dapat dipertingkatkan; pertama mesti ada sistematik punya *approach* yang mana mungkin paip dahulu diperbaiki ataupun *simultaneously*, loji disediakan dan kita mesti merancang mengikut *scale of 50* tahun daripada sekarang. Loji itu mestilah cukup untuk beberapa. Ini banyak di Sabah sekarang, bangunannya tidak habis; *new schools, new hospitals* dan apa lagi, beribu rumah-rumah kos rendah, paip ada, tetapi buka, angin yang keluar, air tidak ada. Inikan satu masalah besar juga?

Jadi saya tadi hendak sentuh tentang *agreement* yang perlu didedahkan ataupun kita mesti tahu apa yang telah kita persetujui kerana ia tidak begitu telus, akibatnya kita yang terikat, rakyat yang terikat. Jadi saya merayu sebab sebelum ini saya yakin apa sahaja *privatization* yang dibuat oleh kerajaan, mesti drafnya dibuat ataupun dihantar kepada AG Chambers. Kita mesti ada peguam negeri di peringkat negeri, mesti ada peguam negara di peringkat negara dan saya juga berkeyakinan bahawa seperti mana hari itu semasa *briefing*, Tan Sri Ghani Patail mengatakan, "*We are being briefed by the government officers, this is how it should done, so we follow the instructions.*"

Kalaulah kita ikut kepada *instructions* yang mungkin akan membawa kepada permasalahan, saya juga merayu supaya AG Chambers *warn in advance*. Ertinya memberi kita amaran awal sekiranya benda-benda ini kita draf cadangan ini, kemungkinannya apa? Kadang-kadang ada juga AG yang telah bagi nasihat pun tetapi terus juga tandatangan. Yang Berhormat itu saya curiga dan saya persoalkan sebab kalau sudah tahu *agreement* itu

lopsided, one-sided lah, kenapa diteruskan? *In the case of Sabah* saya mempersoalkannya, *in the case of Sabah*, tahu cuma *production* sahaja, tidak ada logik. *Production is privatized, distribution* tidak, *billing* pun tidak. Sepatutnya syarikat yang sama mestilah mengambil alih *first production*, kedua dia punya *distribution* dan ketiga dia punya bilik. Cara begitu sekurang-kurangnya syarikat itu akan menanggung risiko kerugian dan keuntungan dan terpulang kepada kebijaksanaan syarikat itu, kecekapannya, bilangan kemahiran dia untuk mendapat keuntungan yang lumayan. Ini tetap lumayanlah kalau *production* sahaja, sebab dia tidak ada tanggungan pun. Jadi, saya merayu dan berharap dengan pindaan-pindaan terutamanya daripada pindaan Perlembagaan ini, seperti mana Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng kata, kita memberi kunci emas dahulu. Kita bagi kerajaan masa untuk mendengar pandangan-pandangan yang kita luahkan ini.

Apabila kita mengemukakan pindaan dalam masa yang akan datang ini untuk mewujudkan SPAN dan sebagainya, perkara-perkara seperti ini diambil kira. Sebab, apabila sudah dibentangkan, kadang-kadang seperti beliau kata juga, kita sudah tidak boleh pinda. Notis perlu diberi lebih awal dan kalau memandangkan Bil itu lambat datang kepada kita, lambat pula kita melihatnya, memang tidak ada notis yang dapat kita sampaikan kepada kerajaan. Jadi, kita menegur ini untuk niat kebaikan. Baik untuk kerajaan dan baik juga untuk rakyat. Sebab pada akhirnya, kalau kerajaan benar-benar prihatin dan tujuannya ikhlas untuk menjaga dan melindungi dan saya yakin itulah semangat Barisan Nasional sebenarnya. Maka, perkara-perkara seperti ini harus diambil kira supaya kerajaan akan kekal kerana rakyat akan berterima kasih kepada kerajaan yang begitu prihatin yang mengambil kira kepada kepentingan rakyat. Pada akhirnya memang tidak ada rakyat mengharapkan semuanya percuma. *In this world nothing is free*. Memang kita terpaksa membayar sedikit. Tetapi, janganlah sampai ia membebankan. Sekarang kita sudah tahu kos air jauh lebih mahal daripada kos petrol. Satu liter petrol baru berapa? You boleh bawa sekarang air, sudah sampai RM3, RM4 dengan botol yang sama sedangkan dengan botol yang saiz sama, baru 80 sen kalau ia petrol. Untuk kita hendak menggali untuk mendapat minyak, jauh lebih susah untuk kita hendak mencari punca air. Tetapi malangnya kita pula sekarang membayar air jauh lebih mahal daripada kita membayar petrol.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, dengan kesempatan itu sekali lagilah saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan dan tahniah kepada kementerian. Mudah-mudahan pandangan daripada kita di peringkat Senat ini juga diambil kira dalam membentangkan dan saya berdoa mudah-mudahan, apa sahaja niat baik kerajaan ini dapat dilaksanakan dan insya-

Allah akan disambut baik oleh rakyat. Dengan kata-kata yang sedemikian, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Datuk Haji Roslan Awang Chik.

12.22 tgh.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengambil kesempatan ini untuk memberi sokongan yang sama kepada pihak kerajaan, khususnya kepada menteri yang telah membentangi rang undang-undang ini, yang telah membawa tiga perkara. Di mana kita lihat perkara yang pertama dari segi had umur hakim yang telah dicadangkan supaya dinaikkan daripada 65 tahun kepada 66 tahun. Saya jangka ini merupakan satu pendekatan yang begitu baik, sejajar dengan kehendak kerajaan. Oleh kerana kalau kita lihat dari segi untuk membentuk ataupun memberi sesuatu perkhidmatan yang baik, khususnya pengalaman yang telah dilalui oleh seseorang hakim itu amatlah banyak sekali.

Kalau kita lihat pepatah yang dikatakan bahawa *there is no substitute to experience* iaitu dengan izin, bahawa tidak ada cara boleh kita bandingkan ataupun belikan sesuatu pengalaman itu dengan pengalaman yang telah dilalui. Maka, sudah tentu pengalaman yang telah dilalui oleh pihak hakim ini iaitu amat tinggi dan berharga sekali. Saya memberi contoh di dalam kita membina ataupun membentuk seseorang doktor. Saya telah diberitahu bahawa kerajaan membelanjakan tidak kurang daripada RM500,000 daripada dia masuk sekolah, sampai dia bertauliah untuk menjadi seorang doktor, kerajaan telah membelanjakan tidak kurang daripada setengah juta ringgit. Apakah lagi untuk membentuk ataupun mengeluarkan seorang hakim. Sudah tentu kos pengeluarannya begitu banyak dan pengalaman ini sudah tentu akan memberi satu kemanfaatan yang begitu baik terhadap kerajaan.

Seterusnya, saya ingin juga memberi pandangan terhadap rang undang-undang mengenai warisan yang telah juga dicadangkan oleh pihak menteri tadi, di mana banyak perkara yang begitu berharga, yang tidak langsung ada penilaiannya, banyak telah dirobahkan, bukan sahaja di Selangor ataupun di Kuala Lumpur ini, bahkan di seluruh negara ini, banyak perkara yang tidak dapat kita nilai dari segi sejarahnya, telah dirobahkan dengan sewenang-wenangnya kerana untuk mengejar keuntungan yang begitu sedikit sahaja.

Oleh yang demikian, dengan rang undang-undang ini, dengan perlembagaan yang akan dipinda ini, sudah tentu sedikit sebanyak perkara-perkara yang menjadi warisan kepada kita, kalau melihat di negara-negara luar, banyak tempat warisan akan menjadi tempat pelancongan untuk dikunjungi oleh pelancong-pelancong baik dari segi luar mahupun dari segi tempatan. Saya kira dua perkara ini sudah tentu akan mendapat sokongan yang begitu baik daripada pihak Dewan ini dan para yang ketiga iaitu berkaitan dengan perlembagaan pindaan mengenai air ini, sudah tentu akan membawa juga satu perbahasan yang begitu banyak, yang telah diberi oleh pihak-pihak Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya sebagaimana yang telah dikatakan bahawa air merupakan salah satu bahan komoditi yang begitu penting dan di dalam kita mengejarkan kesihatan yang begitu baik di dalam dunia ini, sudah tentulah air yang menjadi punca utama di dalam kita melihat bahawa kesihatan itu tidak ada benda yang boleh kita tukarkan dengan apa-apa sekalipun. Oleh yang demikian, kalau kita lihat tujuan dan hasrat kerajaan yang begitu baik dan murni untuk memberi satu perkhidmatan kepada rakyat, supaya air yang kita minum tiap-tiap hari ini, air yang kita masak tiap-tiap hari ini, air yang kita gunakan tiap-tiap hari ini, akan mengalir dalam tubuh kita supaya kita menjadi seorang yang sihat.

Sebagaimana yang kita tahu, *prevention is better than cure* dengan izin. Sudah tentulah salah satu *prevention* yang boleh kita berikan kepada rakyat Malaysia ialah dengan memberi air yang sihat, air yang baik, air yang bersih. Dengan pendekatan yang dibawa oleh pihak kerajaan, sudah tentu ianya akan memberi satu benda yang sudah tentu akan memberi suatu perkhidmatan yang baik, sebagaimana yang sering dialu-alukan dan menjadi slogan kepada Kerajaan Barisan Nasional. Saya juga ingin menyentuh bahawa dari segi kos rawatan ini, sudah tentulah akan menjadi satu perbahasan di masa-masa yang akan datang. Di dalam kita memberi khidmat kepada rakyat ataupun mana-mana pihak, sudah tentu khidmat yang terbaik yang ingin dilakukan. Apabila khidmat yang terbaik ini tidak ada tempat, tidak ada benda yang boleh berikan dengan percuma. Daripada setahun ke setahun, kosnya sudah tentu naik dan saya jangka kos rawatan ini juga akan naik. Harga *chemical-chemical* yang begitu tinggi dari semasa ke semasa dan dari semasa ini, pihak yang saya dengar bahawa hendak diminta daripada kerajaan supaya kos ini tidak dinaikkan harga di masa-masa yang akan datang. Agak mustahil bagi pendapat saya oleh kerana di dalam masa-masa yang akan datang, kalau kita lihat diri kita sendiri pun, tiap-tiap kali yang kita minta ialah tentang diri kita hendak minta naik gaji, hendak minta naik elaun, hendak

minta ini. Tetapi, dari segi hal khidmat yang diberi oleh pihak kerajaan, melalui swasta, sudah tentu hendak kita turunkan agaklah tidak munasabah.

Oleh yang demikian, saya menjangka dan memohon kepada kerajaan supaya merangka, supaya kenaikan ini sedikit demi sedikit, supaya ianya tidak terasa oleh pihak pengguna. Oleh kerana air yang merupakan satu benda yang amat penting sekali di dalam kehidupan kita. Maka, sudah tentu ianya akan digunakan tiap-tiap hari dan akan membelanjakan kos yang begitu banyak. Hanya dari segi kalau kita lihat, sekarang ini dari segi pihak pentadbiran pihak kerajaan dalam pengurusan air ini, kita bahagikan bahawa sumber air ini datangnya daripada kerajaan negeri dan rawatan ini akan dikendalikan oleh Kerajaan Pusat.

Saya percaya dalam pengendalian ini, akan timbul lagi satu penswastaan yang akan dijalankan oleh pihak kerajaan. Ini ramalan sahaja. Apabila ramalan ini yang menjadi ketakutan kepada pihak pengguna ataupun orang-orang yang meramalkan sebagaimana yang dilakukan oleh pihak kerajaan sebelum ini seperti IWK yang diterangkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Chin Fook Weng tadi, ataupun pembuangan sampah ataupun *road maintenance* yang telah dibuat oleh pihak kerajaan dan sebagaimana ini semua sekali, akhirnya tidak menjadikan satu penswastaan yang begitu baik.

Saya memberi contoh sebagaimana *road maintenance* yang telah diberikan oleh pihak kerajaan kepada tiga penjur, yang utara, di selatan dan di timur, di mana diberi kerja-kerja selama 15 tahun *road maintenance* ini tetapi dengan tujuan untuk membentuk kontraktor-kontraktor di bawah payungnya. Akhirnya dibuang dengan begitu sahaja dan dikendalikan dengan secara mereka sendiri, secara terperinci dan mahu menubuhkan anak-anak syarikat mereka. Ini, yang kita bimbang. Saya percaya di dalam pengurusan, pelaksanaan sistem air ini, akan timbul syarikat-syarikat yang akan mengendalikan pembersihan air ini, akan menimbulkan anak-anak syarikat mereka pula.

Apabila anak syarikat mereka keuntungan dan taburan-taburan supaya peluang kerja-kerja ini dapat diberi kepada kontraktor-kontraktor kecil dengan sewenang-wenangnya akan dimonopoli oleh anak-anak syarikat mereka. Sebagaimana yang berlaku di PLUS, *maintenance road* di PLUS diberi kepada 'PROPEL' dan sebagainya. Inilah yang menjadi kebimbangan dan akhirnya keuntungan ini akan disalurkan kepada anak-anak syarikat ini.

Saya memohon dan merayu kepada pihak kerajaan supaya mengawasi, supaya anak syarikat ini tidaklah dibenarkan untuk ditubuhkan dan terus disalurkan kepada kontraktor-kontraktor yang berkelayakan dan berkemampuan untuk mengendalikan kerja-kerja seperti ini. Hanya dari segi satu ini, kita lihat pihak kerajaan sekarang ini mengambil

centralization dengan izin, iaitu kita *centralizekan* kerja-kerja ataupun pengendalian ataupun pengurusan ini yang menjadi satu pendekatan yang agak mungkin menjadi satu perkara yang rumit di masa-masa yang akan datang.

Saya tidak tahu dari segi sistem yang telah dijalankan di negara-negara lain. Ada *centralization* sekarang ini, ia telah membawa satu pendekatan yang terdahulu iaitu *decentralization* pula dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Dengan *decentralization* ini, maka sudah tentu pembaikan kerja-kerja yang *emergency*, kerja-kerja kecemasan untuk memperbaiki keadaan-keadaan semasa yang berlaku di tempat-tempat seperti di luar-luar bandar sudah tentu akan menjadi lebih berkesan daripada keadaan yang ada sekarang ini.

Saya juga ingin memberi ataupun memohon penjelasan ataupun kemampuan pihak kerajaan nanti apabila sesuatu kampung di peringkat di luar bandar, apabila sesuatu tempat itu mempunyai hanya penduduk yang sebilangan kecil sahaja, umpamanya mempunyai hanya 10 ataupun 20 buah rumah sahaja. Dari segi jauhnya untuk hendak tab *distribution water* ini, mungkin merangkumi lebih kurang dalam 10, 20 kilometer dan kosnya sudah tidak ekonomi untuk memberi, menyalurkan air-air ini.

Siapakah yang sepatutnya menanggung kos-kos ini ataupun adakah kita akan memberi khidmat ini kepada penduduk-penduduk yang menjadi tempat mereka ini jauh daripada *main line* ataupun saluran utama air itu diadakan. Saya, semasa di Dewan Undangan Negeri dahulu, mengalami masalah-masalah ini di mana TNB tidak mahu menyalurkan elektriknya kerana tidak ekonomi dari segi hendak mengendali, hendak membekalkan elektrik ini kepada kawasan yang hanya mempunyai 20 ataupun 30 buah rumah sahaja. Ini sudah tentu akan dilalui juga di masa-masa yang akan datang oleh pihak SPAN ini dan inilah yang perlu juga diambil kira supaya *cost of economy of state* ini perlu juga diketepikan demi untuk menyalurkan air-air ini kepada penduduk-penduduk di Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga mengatakan bahawa air di seluruh Semenanjung ini merupakan masalah-masalah yang begitu rumit sekali yang dikendalikan oleh peringkat negeri-negeri, dikatakan hanya di Pulau Pinang sahaja yang mempunyai satu pengurusan yang begitu baik. Tetapi, saya percaya niat kerajaan yang begitu baik di dalam kita mengendalikan kos-kos air ini ataupun penyaluran air ini yang banyak mempunyai masalah-masalah khususnya dari segi *distribution* yang telah begitu lama.

Dari segi saluran paip *asbestos cement* yang begitu juga menjadi satu *health hazard* kepada rakyat dan kita sendiri, sudah tentu diambil kira oleh pihak kerajaan dan jangka jumlah yang begitu banyak akan disalurkan oleh pihak kerajaan, dibelanjakan oleh pihak

kerajaan nanti, kita mengharapkan supaya *fair distribution* daripada kontrak-kontrak ini akan juga disalurkan kepada peringkat negeri-negeri supaya tidak lagi dirangkumi oleh satu syarikat besar sahaja sebagaimana yang sering dilakukan untuk menjimatkan kos dan dengan keadaan yang sekarang ini di mana pihak-pihak kontraktor tidak ada kerja, dengan pendekatan ini, mungkin sudah tentu ianya meringankan sedikit sebanyak beban. Saya mungkin mendahului daripada Perlembagaan ini oleh kerana tujuan asas ialah meluluskan Perlembagaan ini sahaja. Susulannya kemudian ialah akta di dalam kita mengendalikan secara terperinci apakah yang akan dilakukan oleh pihak kerajaan.

Dengan kata-kata itu juga, saya sekali lagi menyokong supaya Perlembagaan ini ini dipinda dan memberi kemanfaatan yang lebih lagi kepada pihak Kerajaan Persekutuan untuk mengendalikan air dengan lebih sempurna, dengan lebih baik khusus kepada rakyat, khusus kepada penduduk-penduduk di Malaysia ini agar mereka akan terus sentiasa menikmati air-air yang bersih dan jangka masa hidup mereka akan lebih sempurna, akan lebih dilanjutkan umurnya oleh Allah S.W.T. Sekian Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi.

12.38 tgh.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin membahaskan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2004 khususnya yang berkaitan dengan pindaan Jadual Kesembilan dan juga pindaan Jadual Kesepuluh mengenai dengan isu air ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa air adalah merupakan suatu isu yang memerlukan strategi pengurusan jangka panjang sebenarnya. Disebabkan oleh beberapa faktor, iaitu yang pertama ialah masalah sumber air yang semakin terhad.

Yang kedua ialah, keperluan mendesak kepada orang ramai khususnya untuk mendapatkan air yang berkualiti dan sistem pengurusan yang lebih efisien.

Yang ketiga ialah, masalah yang dihadapi oleh negeri-negeri khususnya mengenai dengan *manpower*, dengan izin terutamanya untuk mendapatkan *expertise* dalam bidang teknikal dan juga masalah kewangan.

Oleh kerana itu, saya menyokong penuh cadangan untuk meminda Perlembagaan supaya air dimasukkan dalam senarai bersama dalam Perlembagaan kita supaya pengurusan air di negara kita ini akan bertambah baik khususnya untuk memberikan perkhidmatan kepada orang ramai untuk mendapatkan air yang lebih berkualiti. Dengan

pindaan ini, pastinya apa yang akan berlaku ialah air di seluruh negara akan diswastakan dan yang menimbulkan kebimbangan apabila air diswastakan ini ialah yang hangat diperbahaskan bahawa tarif air akan naik, itu yang pertama.

Dan kebimbangan yang kedua ialah apakah masalah air ini akan dapat diselesaikan.

Tadi kita mendengar bahawa syarikat-syarikat seperti TNB, Telekom dan sebagainya masih gagal memberikan perkhidmatan yang terbaik apabila tenaga elektrik dan sebagainya ini diswastakan. Maka inilah dua perkara yang diperbahaskan, yang dibangkitkan, yang menimbulkan kebimbangan apabila perkara ini dilakukan, iaitu air di seluruh negara diswastakan. Iaitu yang pertama ialah apakah tarif air ini akan naik dengan mendadak dan yang kedua, apakah hasrat kita untuk memberikan perkhidmatan air yang berkualiti ini akan dapat diselesaikan di seluruh negara kerana apa yang berlaku, pihak swasta sudah tentunya, kita sering melihat swasta ini kurang mempunyai sosial obligasi yang tinggi sebenarnya dan yang mereka utamakan ialah dari segi keuntungan semata-mata.

Kita berharap selepas perkara ini berlaku, di seluruh negara kita air akan diswastakan maka kerajaan tetap dengan pendirian yang tegas supaya jangan pihak swasta ini menaikkan harga air dengan sewenang-wenangnya dan jangan pihak swasta ini mencari pelbagai alasan untuk menaikkan tarif air. Sebab apa yang kita dengar, ada di negeri-negeri yang air sudah pun diswastakan, pihak swasta berhujah bahawa tarif air ini boleh dinaikkan kerana tarif air di negara kita ini adalah yang termurah dan apa pernah didengar, ada satu pihak pernah mengatakan bahawa di negara kita ini, setiap individu menggunakan air sebanyak 350 liter seorang dalam tempoh sebulan.

Berbanding dengan *benchmark* dunia, setiap individu hanya mampu menggunakan air sebanyak 100 liter seorang dalam masa sebulan. Ini menunjukkan bahawa di negara kita penggunaan air oleh setiap individu adalah tinggi berpunca kerana tarif air yang murah. Sebab itu mereka mengatakan bahawa tarif air ini boleh dinaikkan sebenarnya dengan menggunakan *benchmark* yang ada itu tadi. Sebab itulah kita berharap pihak kerajaan di dalam melakukan pindaan ini, maka mestilah mengawal penswastaan ini supaya jangan pihak swasta ini nanti dengan sewenang-wenangnya menaikkan tarif air ini seperti mana yang berlaku di dalam perkara-perkara lain yang dibangkitkan sebelum ini. sebagai contohnya, kenaikan harga tol.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua adalah peranan yang akan dimainkan oleh SPAN yang menjadi sebagai *centre regulatory body* ini dengan izin. Kita berharap dengan adanya SPAN ini, maka SPAN yang akan mempunyai tugas yang penting ini mestilah mempunyai polisi yang efektif dan tegas dari segi melakukan *monitoring* terhadap syarikat-syarikat air

yang akan mengambil alih ataupun yang menswastakan air di setiap negeri yang terlibat itu nanti.

Tuan Yang di-Pertua, kita berharap SPAN ini nanti akan dianggotai oleh mereka yang mempunyai *knowledge* ataupun pengetahuan yang tinggi dalam bidang air ini supaya jangan nanti akhirnya SPAN ini tidak dapat melakukan kawalan terhadap syarikat-syarikat yang mengendalikan air di setiap negeri nanti, iaitu pihak swasta ini.

Sebab itulah kita berharap dari segi pemilihan anggota yang akan duduk di SPAN ini mestilah mereka yang *credible*, yang *highly knowledge* tentang isu air ini. Sebab itu kita berharap nanti bahawa SPAN ini juga mempunyai *manpower* yang mencukupi kerana kita tahu, antara punca yang dihadapi oleh kerajaan negeri terhadap air yang sudah diswastakan ini ialah kekurangan dari segi *manpower* khususnya *expertise* yang boleh melakukan *monitoring* terhadap syarikat-syarikat air yang ada, yang wujud, yang sudah pun menswastakan air di negeri-negeri berkenaan. Ini yang berlaku.

Sebab itu kita berharap SPAN ini mempunyai *manpower*, *expertise* ini yang mempunyai *credible* yang tinggi.

Yang kedua, kita berharap bahawa SPAN ini juga menyediakan terma-terma yang *holistic*, iaitu terma-terma yang telus, yang diketahui oleh orang ramai supaya nanti jangan berlaku seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Senator Dayang Mahani tadi, bahawa ada beberapa kekurangan yang tidak telus, yang menyebabkan kita tidak boleh berbuat apa.

Sebagai contohnya, saya berharap SPAN ini akan mengkaji semula penswastaaan-penswastaaan yang hanya melakukan penswastaaan terhadap *water treatment*, iaitu sepertimana yang berlaku di Sabah, seperti mana yang berlaku di Perak dan ada juga berlaku di negeri Johor, iaitu bahawa ada air yang diswastakan hanya dari segi *water treatment* sahaja, tetapi dari segi *distribution*, paip bocor dan sebagainya, tidak diswastakan.

Sebagai contohnya, kalau lihat di negeri Johor, *Southern Water Management*, mereka hanya melakukan *water treatment* sahaja, tetapi yang lain-lain tidak mereka lakukan, yang menyebabkan Kerajaan Negeri Johor terpaksa melakukan sekali lagi proses penswastaaan iaitu mewujudkan Syarikat Air Johor. Tetapi Kerajaan Negeri Johor tidak boleh melakukan apa-apa kepada *Southern Water* ini, dan perjanjian yang ada kepada *Southern Water* ini ialah selama 90 tahun mereka membekalkan air bersih dan tidak boleh dilakukan apa-apa.

Sebab itu kita berharap SPAN apabila mengambil alih tugas ini sebagai *central regulatory body* ini, kita berharap mereka akan mengkaji semula perjanjian-perjanjian seperti

ini dan kalau boleh dibatalkan. Kerajaan Negeri Johor pernah mencadangkan kepada Kerajaan Pusat untuk membatalkan perjanjian dengan *Southern Water* ini, yang menyediakan *water treatment* bersama dengan *joint venture* ini, tetapi Kerajaan Pusat memberikan nasihat iaitu, jangan dilakukan pembatalan ini kerana ia melibatkan pelabur-pelabur daripada luar negara, khususnya dari France, sebab itulah akhirnya, *Southern Water* ini tidak dapat dilakukan apa-apa dan mereka sekarang ini hanya menyediakan air bersih sahaja dan mereka mengaut keuntungan untuk selama 90 tahun dan kita tidak boleh berbuat apa-apa.

Akhirnya masalah yang sama timbul seperti mana yang berlaku di Sabah, maka Kerajaan Negeri terpaksa melakukan satu lagi *exercise*, iaitu mewujudkan Syarikat Air Johor untuk menyelesaikan masalah *piping*, masalah pembayaran bil dan sebagainya. Oleh itu saya amat berharap bahawa, apabila pengurusan air ini diambil, maka Kerajaan Persekutuan mestilah mengambil tindakan yang tegas mengenai SPAN ini iaitu untuk membatalkan perjanjian-perjanjian penswastaan hanya untuk *water treatment* ini sahaja supaya dengan cara ini barulah nanti kita akan mendapat pengurusan air yang bersih dan orang ramai akan mendapat air yang lebih berkualiti dan saya berharap Tuan Yang di-Pertua, bahawa model penswastaan ini juga mestilah dibentangkan secara telus untuk kita mengetahui seperti mana yang disebut oleh salah seorang daripada Ahli Yang Berhormat tadi bahawa model apakah yang akan kita gunakan?

Apakah maksudnya kita akan memberikan monopoli kepada satu syarikat sahaja untuk mengambil alih penswastaan di seluruh negara ini dan apakah yang akan terjadi kepada syarikat-syarikat swasta yang sudah ada seperti Syarikat Air Johor dan sebagainya yang sudah ada di negeri-negeri yang menjalankan kerja-kerja penswastaan air ini. Jadi sebab itulah kita mahu tahu apakah model yang akan digunakan dan model itu biarlah telus dan kita berharap supaya ia tidak akan dimonopoli oleh satu pihak sahaja. Sekarang ini pun kita sudah mendengar berita-berita yang mengatakan bahawa ada satu syarikat yang sudah pun berminat untuk mengambil alih penswastaan air di seluruh negeri ini dan kita berharap perkara ini tidak akan berlaku. Saya berharap bahawa kerajaan mestilah menyediakan terma-terma yang *holistic* melalui SPAN ini dan SPAN mempunyai sistem *back up strategy* yang kukuh supaya pengurusan air ini adalah benar-benar berkualiti tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang pengurusan ini, saya ingin membangkitkan tentang pembekalan air hubungan kita dengan Singapura sebenarnya. Jadi apakah SPAN ini nanti mempunyai bidang kuasa di dalam menguruskan isu-isu yang tertanggung iaitu dari segi pembekalan air kepada Singapura dan kita pula membeli air bersih daripada Singapura

kerana sehingga hari kita belum dapat menyelesaikannya sebab Singapura membeli air dari negara kita dengan harga tiga sen untuk 1,000 gelen dan mereka menjual kepada rakyat mereka sendiri dengan harga RM15.25 untuk 1,000 gelen. Jadi mereka mengaut keuntungan, dan kerajaan negeri seperti negeri Johor tidak mendapat apa-apa. Apakah SPAN ini nanti akan diberikan peranan untuk membincangkan isu ini dan apa yang kita bimbang sekarang dan apa yang kita dengar, salah satu daripada penyelesaiannya nanti ialah air yang ada di negeri Johor ini akan dikendalikan bersama oleh syarikat swasta di Johor dan syarikat swasta di Singapura.

Saya merasakan bahawa perkara ini perlu diberi perhatian. Kalau benar-benar ini berlaku, apakah kesan dari segi imejnya maruah kita apabila ada satu syarikat asing daripada Singapura menguruskan air di negeri Johor ini bersama syarikat swasta yang sedia ada untuk menyelesaikan isu-isu yang tertangguh ini. Saya harap ini diberi perhatian

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua yang ingin saya bangkitkan ialah dari segi pindaan Perkara 122 dan 125 iaitu mengenai dengan umur hakim. Saya menyokong penuh dengan cadangan pindaan ini untuk menaikkan umur persaraan hakim daripada 65 tahun kepada 66 tahun kerana kita tahu bahawa seorang hakim ini melalui proses-proses pengalaman yang berterusan kerana kita tahu banyak *precedent* baru yang akan berlaku ketika beliau menjalankan tugas sebagai hakim. Oleh kerana itu wajar hakim ini dinaikkan umur persaraan mereka kepada 66 tahun kerana pengalaman-pengalaman mereka itu akan menyebabkan mereka ini dapat mengendalikan kes-kes yang rumit berdasarkan pengalaman-pengalaman yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja dan saya mohon menyokong. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah.

12.52 tgh.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin ikut sama dalam perbahasan mengenai Akta untuk meminda Perlembagaan mengenai tiga perkara ini, sukalah saya dengan ringkas menyatakan beberapa perkara.

Yang pertama Tuan Yang di-Pertua, kita berhadapan dengan rakyat sebuah negara yang memberikan mandat dan kepercayaan serta amanah yang besar kepada kerajaan kita sekarang khususnya di dalam pilihan raya yang baru lalu. Rakyat yang menyokong dan memilih kita ini mempunyai *expectation*, dengan izin, yang tertentu. Mereka mengharapkan,

mereka *expect* dengan izin supaya sekian banyak khidmat dan barangan yang disediakan, yang dijual dan dipasarkan di negara kita ini biarlah terdiri dari khidmat dan barangan yang baik dengan harga yang juga baik. Maksud saya dengan harga murah. Ini bukanlah suatu perkara yang mudah hendak memenuhi *expectation* yang seumpama itu.

Begitulah juga dengan hal masalah air. Sebenarnya dalam sejarah perbekalan dan pembahagian air di negara kita ini, secara umumnya tidak banyak berlaku kenaikan takrif atau kenaikan harga. Jadi rakyat kita merasa senang dengan keadaan yang seumpama itu. Sebarang desas desus yang didengar untuk menaikkan tarif seumpama ini dengan segera akan mendapat tentangan walaupun itu hanya merupakan desas desus sahaja. Tetapi pada masa yang sama, kehendak dan harapan rakyat pengguna untuk mendapatkan bekalan air yang bersih, yang mencukupi, dan yang tidak tergendala bekalannya, bertambah dari masa ke semasa. Pertambahan ini terasa dengan pertambahan jumlah penduduk di negara kita sendiri sedangkan punca-punca bekalan air dalam keadaan yang tertentu tidak bertambah. Inilah perkara yang dihadapi oleh kerajaan kita di peringkat Persekutuan mahupun di peringkat negeri.

Alhamdulillah, kita dipimpin oleh pemimpin-pemimpin yang sabar menghadapi kerenah dan harapan rakyat ini di peringkat negeri dan di peringkat negara. Walaupun pemimpin-pemimpin itu mewakili beberapa buah parti yang antara satu sama lain kadang-kadang bertentangan tetapi apabila sampai kepada masalah-masalah yang penting, masalah keselamatan negara, masalah barang-barang penting seperti air dan sebagainya, mereka mudah sedar diri dan bersatu.

Walaupun dalam Dewan Rakyat yang bersidang dua hari yang lalu terdapat 17 suara, kalau saya tidak salah, yang membangkang pindaan Perlembagaan ini tetapi kalau ditanya hati kecil mereka, jelas kepada mereka bahawa mereka memerlukan suatu kaedah dan suatu pendekatan untuk menyelesaikan masalah pembekalan air ini. Kalau diberi peluang kepada mereka pun untuk mengusahakannya, ertinya diberi peluang kepada mereka duduk di tempat kita kerajaan yang ada sekarang, tidak ada banyak pilihan kepada mereka sebenarnya selain daripada apa yang dibuat sekarang.

Saya percaya Tuan Yang di-Pertua, pemimpin-pemimpin kita di peringkat Pusat dan di peringkat negeri telah pun bermesyuarat, berbincang dan berunding mengenai perkara yang penting ini. Akhirnya mereka sepakat menetapkan untuk mendapat satu kaedah yang baik memenuhi kehendak rakyat dalam berbagai-bagai hal mengenai barangan atau khidmat yang baik dengan harga yang munasabah. Maka tidak ada lain caranya mestilah hal ini,

khususnya hal air ini diletakkan di bawah penyeliaan dan penguasaan satu badan yang di dalam pindaan ini disebut SPAN ataupun Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara.

Ada yang mengatakan bahawa pindaan ini dibuat secara tergesa-gesa tetapi kalau kita meneliti dan saya ada sedikit sebanyak pengalaman di peringkat negeri, sebenarnya masalah air, masalah kawalan, punca air, masalah rawatan air, masalah pembahagian air dan masalah-masalah yang timbul berhubung dengan bekalan air di beberapa buah negeri dan tempat di negara kita ini jelas menunjukkan bahawa perkara ini sebenarnya telah lama difikirkan.

Jadi, saya rasa tidak kena pada tempatnyalah sekarang kita mempersoalkan bahawa ada kumpulan yang tidak dirundingi, ada kumpulan yang tidak diminta fikirannya, ada mandat yang diberikan, tidak mewakili dan sebagainya. Saya rasa pengetahuan mereka cukup tentang perkara ini dan kesedaran pemimpin kita juga tentang hak-hak negeri pun yang sebenarnya cukup. Pemimpin-pemimpin kita mempunyai hati yang mulia, yang menghormati hak-hak rakyat sesebuah negeri kerana negeri ini sebuah negeri *federation*. Cuma yang kurang baik sedikit barangkali dalam satu hal kita mempunyai *federation* atau federalisme yang kuat. Pada waktu-waktu tertentu kita memerlukan satu bentuk federalisme yang kuat dan pada waktu-waktu yang tertentu pula kita rasa *a loose federation* itu yang lebih baik. Tetapi dalam hal untuk mengawal sesuatu perkara seperti air ini, pada hemat saya kita memerlukan satu *federalisme* yang kuat. Kalau tidak, kita tidak akan dapat berbuat apa-apa.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat disambung semula. Ingin saya memaklumkan bahawa Majlis Mesyuarat hari ini ada menerima usul daripada Yang Berhormat Menteri. Silakan, Yang Berhormat.

USUL**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT****2.32 ptg.**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahas dan diputuskan Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 2004 yang dijadualkan dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga ke satu tarikh yang ditetapkan”

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Dato' Wong Kam Hoong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Usul disetujui.

[Perbahasan disambung semula]

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya minta Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah untuk menyambung perbahasan.

2.33 ptg.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Tuan Yang di-Pertua, menyambung ucapan saya suka saya sekali lagi menegaskan bahawa alhamdulillah bersyukur kita kerana kerajaan sekarang dipimpin oleh pemimpin-pemimpin yang mulia hatinya, yang tidak mudah menggunakan kekuatan dalam Dewan lebih 2/3 untuk merampas hak-hak orang tertentu, merampas hak kerajaan negeri dan sebagainya. Jadi, tentulah tidak adil mengatakan bahawa kerajaan sekarang menggunakan kekuatan 2/3 untuk meminda Perlembagaan kerana matlamat-matlamat yang tertentu seperti dengan apa yang kita pertimbangkan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, ramai yang bercakap mengenai perkara-perkara yang mungkin berlaku. Ini sebenarnya kerana sebahagian besar daripada Ahli Dewan Rakyat dan termasuklah Ahli Dewan Negara terdiri daripada mereka yang cukup berpengalaman. Dan kerana pengalaman itu mereka menjadi serik, misalnya kerana mendengar dan mengetahui fakta bahawa, sebagai contoh, kalau kerajaan tidak bersetuju menerima kenaikan 10% tol kerajaan terpaksa membayar sebanyak RM174 juta misalnya.

Jadi, ada yang mengatakan bahawa keadaan-keadaan ini menunjukkan dengan jelas bahawa apabila kita menimbang perkara-perkara yang seumpama itu, perjanjian-perjanjian hendaklah ditimbang seberapa cermat yang boleh, hendaklah mereka diberi pandangan dan diberi peluang untuk menyuarakan sesuatu. Begitulah halnya ingatan-ingatan yang disebut dalam perbincangan selama dua hari Dewan Rakyat dan saya percaya hal yang sama pun pada pagi ini telah disebut oleh Yang Berhormat sahabat-sahabat saya di sini dan mungkin selepas ini pun akan ada beberapa orang Yang Berhormat yang akan menyebut perkara-perkara yang sama, termasuklah ingatan kepada kerajaan supaya Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara ini dianggotai oleh orang-orang yang berwibawa. Sebenarnya begitulah. Apabila sesuatu suruhanjaya itu hendak kita jadikan satu suruhanjaya yang berwibawa, maka anggota-anggotanya seharusnya orang yang berwibawa.

Dalam banyak hal kita bercakap berhubung dengan suruhanjaya kerajaan ramai yang berkehendakkan supaya suruhanjaya ini bebas, dilantik oleh kerajaan dan dibentuk oleh kerajaan tetapi bebas menjalankan tugasnya. Sehingga kadang-kadang oleh kerana terlalu bebas apa yang kita perhatikan beberapa suruhanjaya, kerajaan sendiri tidak mampu mengawalinya.

Saya tidak bersetuju melihat SPAN ini menjadi satu suruhanjaya yang terlalu bebas. Apa yang saya mahu dan saya harapkan ialah satu suruhanjaya yang dianggotai oleh orang-orang yang berwibawa tetapi tidak mudah lupa kepada tujuan-tujuan kerajaan dan hasrat orang-orang yang mewakili rakyat – Wakil-Wakil Rakyat bagi Dewan Negeri dan Dewan Rakyat - mengenai apa yang telah mereka janjikan dan apa yang mereka dengar tentang hasrat dan kehendak-kehendak rakyat.

Jadi, kalau suruhanjaya itu terdiri daripada orang yang seumpama ini yang bukan sahaja bersedia untuk mengemukakan pandangan-pandangan profesional mereka tetapi tidak menutup mata mereka dan tidak menutup telinga mereka daripada melihat dan mendengar kenyataan-kenyataan yang ada di sekeliling mereka mengenai perkara-perkara

yang ditimbangkan itu, dan tentulah insya-Allah perkara-perkara yang menyebabkan kita menjadi serik tidak akan berlaku lagi pada masa-masa yang akan datang.

Dalam hal ini saya rasa tindakan kerajaan meminda Perlembagaan adalah satu tindakan yang telah difikirkan semasak-masaknya dengan bertujuan yang sangat baik iaitu untuk memberi khidmat yang sebaik-baiknya kepada rakyat negara kita ini. Sesiapa pun, saya rasa, seperti yang ditegaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak dapat menjamin bahawa tarif ataupun harga air tidak akan naik pada suatu masa yang akan datang sebab ini semua banyak dipengaruhi oleh faktor-faktor yang kadang-kadang di luar kemampuan kita.

Yang mustahak di sini barangkali, apa yang diharapkan agar sebahagian besar daripada Wakil-wakil Rakyat, Ahli Dewan Undangan Negeri di peringkat negeri, Ahli Dewan Rakyat dan Ahli Dewan Negara kita ini ialah bahawa kerajaan tidaklah begitu mudah untuk menerima cadangan-cadangan untuk menaikkan tarif dan sebagainya dan kalau pun perlu mereka dirundingkan. Inilah yang perlu bagi mereka untuk menunjukkan ada semacam kira bicara di antara orang yang mencadangkan ataupun syarikat yang mencadangkan yang diberi kuasa untuk menguruskan air dan orang yang akan bertanggungjawab akan berhadapan dengan rakyat untuk memberikan jawapan yang sebaik-baiknya.

Mengenai perkara yang hampir sama iaitu warisan negara Tuan Yang di-Pertua, kita merasa pindaan Perlembagaan memberi peluang yang sangat baik kepada Kerajaan Persekutuan untuk menolong kerajaan-kerajaan negeri untuk memulihara warisan-warisan yang sebenarnya kalau dijaga dengan sebaik-baiknya boleh dijadikan produk pelancongan yang sangat baik.

Satu contoh Tuan Yang di-Pertua, satu keluarga miskin yang diwariskan dengan sebilah keris yang mengikut pendapat ahli-ahli keris sangat bagus. Ia patut menyimpan keris itu kalau boleh buat selama-lamanya diwariskan dari suatu keturunan kepada suatu keturunan lain. Tetapi keluarga ini sebenarnya tidak dapat berbuat begitu walaupun mereka faham bahawa ini adalah suatu amalan yang baik. Ada tawaran yang cukup menarik. Oleh kerana ada desakan kemiskinan ditambah pula dengan tawaran yang menarik, maka tidak hairan kalau keris itu bertukar tangan daripada keluarga itu kepada keluarga yang lain.

Inilah mungkin terjadi di peringkat negeri, negeri-negeri yang tidak mempunyai hasil yang banyak, yang hanya mempunyai peruntukan yang terlalu sedikit untuk menjaga dan memulihara warisan-warisan ini. Mungkin dalam prioritinya Tuan Yang di-Pertua, nombor 10 ataupun lebih daripada itu. Ertinya ada keperluan-keperluan lain yang lebih mendesak daripada hanya memberikan perhatian kepada perkara-perkara atau benda-benda yang

tidak bernyawa ini. Walaupun pada penelitian dan pandangan orang-orang yang ahli adalah warisan yang sangat berguna.

Dalam hal inilah Tuan Yang di-Pertua, saya rasa pindaan rang undang-undang ini sangat *releven* untuk memberi kuasa, kemudahan untuk menyediakan kepakaran, untuk menyediakan peruntukan-peruntukan bagi menyelamatkan dan memulihara sebahagian daripada warisan kita yang sangat penting, yang tidak mampu diselamatkan dan dipelihara oleh kerajaan negeri. Kita sepatutnya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan tahniah kepada Kerajaan Persekutuan.

Satu perkara lagi berhubung dengan umur persaraan. Pada hemat saya Tuan Yang di-Pertua, melihat kepada keadaan sekarang dan mengingatkan bahawa keadaan kemudahan-kemudahan kesihatan yang ada di negara kita ini bertambah baik, orang yang berumur 70 tahun dan ramai mereka yang berumur 70 tahun termasuklah orang profesional dan sebagainya boleh hidup sihat lebih dari 70 tahun.

Sepatutnya untuk hakim, dia boleh dilanjutkan umur persaraan mereka bukan kepada umur 66 tahun tetapi sepatutnya kepada 70 tahun sebab 70 tahun, mereka masih boleh berkhidmat, fikiran mereka masih segar, penelitian mereka masih baik dengan pengalaman-pengalaman mereka, kita mempunyai satu barisan hakim-hakim yang berketerampilan, yang berwibawa di negara kita ini.

Dengan menyebut dua tiga perkara ini, saya rasa tidak ada sebab mengapa pindaan Perlembagaan yang dikemukakan kepada kita ini hendak kita tolak. Saya mohon mencadangkan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Datuk. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Dr. S. Vijayarajam.

2.45 ptg.

Dato' Dr. S. Vijayarajam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang berucap sedikit tentang Rang Undang-Undang DR 30/2004.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan segala hormatnya ingin merujuk kepada pindaan Jadual Kesembilan. Dengan mengambil kira keperluan yang mendesak timbul untuk Kerajaan Persekutuan menguruskan dan mengawal selia bekalan air, pindaan tersebut harus diberi sokongan.

Tuan Yang di-Pertua, air adalah suatu komoditi yang perlu untuk kehidupan dan kecekapan pembekalannya ialah sesuatu yang tidak boleh dikompromi. Tiada suatu benda hidup pun

atau *living organism* dengan izin dari makhluk unisel seperti binatang-binatang atau manusia boleh wujud dan hidup tanpa air.

Tuan Yang di-Pertua, kos pembekalan air di negeri-negeri Malaysia terus meningkat tahun demi tahun. Ada juga negeri-negeri yang gagal mentadbir dan menjalankan sistem bekalan air dan melibatkan kerugian yang besar. Oleh kerana demikian, keputusan kerajaan minta Parlimen meminda Perlembagaan supaya sistem bekalan air di negara dapat ditingkatkan taraf dan meningkat kecekapannya adalah suatu tindakan yang bijaksana.

Mengikut kenyataan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi untuk mengurangkan kos tinggi air, rawatan dan pengedarannya harus diasingkan. Mengikut dasar kini atau dasar yang diikuti sekarang, pembersihan air dijalankan oleh syarikat-syarikat swasta dan pembekalan air ialah tanggungjawab kerajaan-kerajaan negeri. Akibatnya ialah kerajaan-kerajaan negeri menghadapi kos yang tinggi oleh kerana sebahagian besar daripada air yang diedarkan itu adalah air tidak berhasil atau *Non Revenue Water*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, anggaran perbelanjaan untuk perkhidmatan air dan pemetungan najis untuk lima tahun ke hadapan ialah lebih kurang RM50 bilion, satu angka lebih kurang 30% kos Rancangan Malaysia Kesembilan. Oleh yang demikian, Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi mencadangkan satu rancangan mengikut pelan penswastan air bentuk United Kingdom dan sedikit dari sistem di negara Perancis.

Di United Kingdom, sektor swasta menjalankan perkhidmatan air dan pemetungan najis dari mula sampai penghabisan termasuk puncanya iaitu tadahan-tadahan, rawatan, pengedaran, pemetungan najis, sistem bil dan pengutipan bayaran. Di negara Perancis, hanya operasi dan penyenggaraan dilaksanakan oleh sektor swasta. Ini menunjukkan juga bahawa untuk mengurangkan kos pembekalan air, sistem pemetungan najis juga terpaksa dijalankan bersama-sama.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan menubuhkan satu badan bebas untuk maksud melaksanakan pemantauan dan meningkatkan taraf bekalan air pun harus diterima dan disokong.

Suruhanajaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) akan mengawal selia perkhidmatan air termasuk pemetungan najis. Tanggungjawab suruhanjaya tersebut adalah besar di mana ia akan menetapkan tarif atau kadar pembayaran atau pun kos kepada pengguna-pengguna. Memilih syarikat-syarikat yang sesuai dan cekap melalui proses tender dan di sini saya harap ini adalah proses tender terbuka dan menentukan taraf mutu dan taraf teknikal pembekalan air.

Saya menghargai juga kenyataan oleh Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik bahawa panel suara air atau Water Voice, dengan izin, yang terdiri daripada kumpulan pengguna-pengguna dan kumpulan mereka yang berminat akan di masuk juga di dalam SPAN.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha Kerajaan Persekutuan untuk membaiki dan meningkatkan perkhidmatan air peranan-peranan kerajaan-kerajaan negeri pun penting dan di sini Tuan Yang di-Pertua, saya harap negeri-negeri akan memberi kerjasama dan persetujuannya kepada usaha-usaha Kerajaan Persekutuan tentang masalah pembekalan air.

Saya harap mereka akan buat kajian dan mencari jawapan bahawa mengapakah kewujudan 20 hingga 60 peratus air tidak berhasil ataupun *non-revenue water* dengan izin, adakah ini disebabkan oleh paip-paip buruk atau salah guna meter atau pun meter *tempering*, dengan izin, pencurian air atau sistem bil yang tidak betul, yang tidak telus. Diharap kakitangan-kakitangan sistem bil disiasat oleh kerana amaunnya besar berjuta-juta telah pun hilang. Jika ada bekalan air tetapi bayaran kurang tentu ada satu masalah atau kesalahan, perlukah jemput PBR siasat perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya sebut apa yang dikatakan oleh seorang pakar ekonomi di Malaysia Encik Charles Santiago dan saya minta sabar saya akan terjemah ini dari dalam bahasa Inggeris. Encik Santiago mengakui bahawa "penswastaan itu bukan selalu beri satu gambaran negatif yang tidak baik. Ada juga contoh-contoh di mana penswastaan itu telah meningkatkan bekalan dan membawa manfaat, tetapi keputusan iaitu mahu atau tidak kita swastakan sesuatu harus melibatkan satu kajian yang terperinci, yang teliti mengapa ada juga dasar-dasar sekarang yang telah gagal, kita mesti membuat kajian itu dulu sebelum tindakan selanjutnya akan diambil."

Tuan Yang di-Pertua, dengan pindaan Perlembagaan yang akan memberi kuasa kepada Kerajaan Persekutuan mengawal selia dan mentadbirkan aspek-aspek tertentu pembekalan air termasuk isu penswastaan. Saya harap pihak berkuasa khasnya SPAN akan menguruskan kesemuanya supaya pengguna-pengguna tidak akan menghadapi kos yang tinggi dan keberatan bayaran ataupun *burden of payment*, dengan izin. Kita mengakui bahawa pembiayaan perkhidmatan air pada masa sekarang meningkat tahun demi tahun, bukan macam dulu.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga perkhidmatan perubatan di klinik-klinik dan hospital-hospital kerajaan. Kita terima bahawa kos sudah naik di dalam sepuluh tahun yang lepas,

begitu juga dengan air. Pengguna harus menerima bahawa mereka mesti bayar sedikit tetapi bukan amaun besar atau beberapa kali ganda daripada kadar sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya sekali lagi sebut ucapan Prof. Chan Ngai Weng, Presiden Penang *Water Watch* dengan izin, ini pun saya cuba terjemah dari bahasa Inggeris, “apa yang penting di Pulau Pinang bukan penswastaan sahaja tetapi selepas penswastaan air kerajaan sentiasa mengawal semua proses di mana keputusan-keputusan diambil untuk memastikan bahawa orang-orang awam ataupun utamakan keperluan orang-orang awam, keperluan itu mesti diberi *priority* bukan sahaja peningkatan tarif dan sebagainya.”

Jika kita hendak memastikan satu pembekalan air yang betul, tumpuan mesti diberi kepada pencegahan pembaziran, itu yang penting. Jika kerajaan hendak minta kaji semua kadar pembayaran ataupun tarif air pada masa ini untuk mengutip lebih duit untuk menggantikan paip-paip lama ataupun untuk membina tadahan-tadahan ataupun *catchment area*, dengan izin, yang baru, semua ini mesti memberi tumpuan kepada penjimatan air juga. Satu cara untuk mencapai ini Tuan Yang di-Pertua, ialah melaksanakan satu kadar bayaran *sliding scale* di mana pengguna-pengguna diminta bayar kadar yang lebih untuk satu meter kiub air lebih dari satu standard untuk tiap-tiap rumah. Standard yang diberi oleh beliau ialah 20 meter kiub untuk tiap-tiap rumah. Kita mesti dakwa mereka yang membazir bukan pengguna-pengguna biasa.

Tuan Yang di-Pertua, SPAN, juga diminta berwaspada di atas operasi syarikat-syarikat pembekalan air supaya mereka bukan sahaja cekap tetapi tidak sampai satu tahap di mana mereka hutang berjuta-juta. Kita sedia menerima dan lulus pindaan tersebut jika kerajaan dan SPAN memastikan bahawa sistem bekalan air berfaedah kepada negara dan tidak akan membawa kerumitan kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta kebenaran untuk sentuh sedikit pada pindaan berkenaan dengan kenaikan umur persaraan Yang Arif Tuan-tuan Hakim. Kita mengakui bahawa negara menghadapi kekurangan tuan-tuan hakim di mahkamah-mahkamah dengan akibat *back log cases*, dengan izin, dan tindakan ini akan melanjutkan perkhidmatan mereka setahun sahaja dan pada pandangan saya ini adalah baik tetapi sebagai satu langkah sementara.

Tuan Yang di-Pertua, satu punca hakim-hakim ialah daripada perkhidmatan mahkamah-mahkamah rendah. Kerajaan diminta memberi tumpuan untuk melantik hakim-hakim Mahkamah Tinggi daripada kumpulan ini. Maksud saya, prioriti harus diberi kepada hakim-hakim Mahkamah Sesyen untuk naik ke Mahkamah Tinggi oleh kerana mereka ini

mempunyai pengalaman di dalam bidang kehakiman walaupun dari satu peringkat rendah. Khasnya pertimbangan yang sewajarnya harus diberi kepada hakim-hakim Mahkamah Sesyen yang akan bersara pada umur 56 tahun supaya mereka diberi peluang melanjutkan pengetahuan dan perkhidmatannya kepada sistem kehakiman dan kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu, dengan sukacitanya saya terus menyokong akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Puan Safinah binti Jusoh.

3.02 ptg.

Puan Safinah binti Jusoh: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengambil bahagian di dalam membahas Rang Undang-Undang DR.30/2004 yang bernama suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan. Pindaan-pindaan yang menarik perhatian saya ialah pindaan Jadual Kesembilan dan pindaan Jadual Kesepuluh yang berhubung kait dengan kuasa-kuasa kerajaan negeri dan Persekutuan ke atas sumber air.

Izinkan saya, Tuan Yang di-Pertua, membaca maksud firman Allah S.W.T. di dalam kitabnya yang suci:

“Wahai manusia! Sembahlah kamu kepada Tuhan yang menjadikan kamu dan orang-orang sebelum kamu, semoga kamu bertakwa. Dialah yang menjadikan untuk kamu bumi sebagai hamparan, langit sebagai suatu binaan dan diturunkan dari langit itu air yang daripadanya maka keluarlah biji-bijian sebagai rezeki untuk kamu. Maka janganlah kamu menjadikan Tuhan itu berbilang-bilang, sedangkan kamu mengetahuinya.” Iaitu daripada surah Al-Baqarah, ayat 21-22.

Tuan Yang di-Pertua, air adalah keperluan asas kepada manusia. Daripada air hujan kita memperoleh sumber-sumber air yang melimpah ruah, yang mengisi sungai, tasik dan juga takungan-takungan air. Selama ini telah menjadi amalan menurut undang-undang Perlembagaan Persekutuan Jadual Kesembilan, iaitu Senarai Negeri (Senarai II), air adalah di bawah kawalan dan penyeliaan kerajaan negeri.

Justeru itu peruntukan baru dalam senarai bersama, Senarai III, seperti dalam 9D iaitu tertakluk kepada Senarai Persekutuan, bekalan dan perkhidmatan air. Jadi, pada hemat saya, Tuan Yang di-Pertua, peruntukan yang seumpama ini akan memberikan kesan

penghakisan kuasa kerajaan negeri terhadap mengawal selia penggunaan air yang mana kita tahu bahawa sumber air itu adalah datang daripada negeri yang berkenaan.

Bekalan air paip ke rumah-rumah kediaman dan juga ke kawasan perindustrian, sekian lama telah diuruskan oleh kerajaan negeri, yang mana ia menjadikan satu punca pendapatan kerajaan negeri. Baru-baru ini kita telah pun didedahkan oleh laporan Ketua Audit Negara yang menyebutkan bahawa setengah-setengah kerajaan negeri itu menghadapi masalah kewangan. Sekiranya sumber kewangan yang diperolehi oleh kerajaan negeri melalui hasil air mahu diuruskan oleh pihak Persekutuan, maka saya lihat bahawa kerajaan negeri akan bertambah lagi berhadapan dengan masalah kewangan.

Bagi saya, Tuan Yang di-Pertua, sekiranya Kerajaan Persekutuan mempunyai, dengan izin, *good intention*, niat yang baik untuk menolong kerajaan negeri maka sepatutnya sumber air yang menjadi salah satu sumber pendapatan bagi kerajaan negeri tidak diganggu-gugat. Kita tadi telah pun mendengar pembentangan oleh pihak Menteri untuk penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) yang telah pun disebutkan kewajaran dan rasionalnya ditubuhkan SPAN ini.

Tetapi pada hemat saya, masalah-masalah yang disebutkan itu kalau diletak di bawah kawal selia SPAN, masalah itu tetap akan timbul - masalah *non-revenue water*, masalah modal untuk membuat loji-loji baru dan sebagainya. Masalah ini, masalah perbelanjaan yang mesti dibelanjakan, tidak kira sama ada kerajaan negeri ataupun Kerajaan Persekutuan akan dibelanjakan. Saya nampak bahawa masalah ini tetap berbangkit. Yang perlu bagi kita adalah untuk kita mengemaskan dan kita selaraskan perjalanan pengurusan air itu. Walaupun pengurusan air ini diuruskan oleh pihak negeri tetapi *human resource* - kakitangan dan sebagainya yang berkaitan dengan negeri itu, dapat diselaraskan, dapat diberikan tunjuk ajar oleh Kerajaan Persekutuan, ia masih dapat, insya-Allah, berjalan dengan baik.

Sebagaimana dalam pengurusan-pengurusan pentadbiran negeri dan juga Persekutuan dengan dijalankan dasar *good governance* dengan diadakan pusat-pusat latihan seperti INTAN dan sebagainya itu, maka kita nampak perkara ini dapat diselaraskan pentadbiran-pentadbiran. Jadi, saya rasa dalam mentadbirkan air ini, sekiranya Kerajaan Pusat dapat memberikan tunjuk ajar yang sebaik-baiknya kepada *human resource* yang berada di peringkat negeri, perkara-perkara yang disebut oleh Menteri untuk merasionalkan penubuhan SPAN itu adalah tidak perlu.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, tentang kepenggunaan air. Kita tahu bahawa sebahagian besar yang menggunakan air itu nanti ialah rakyat jelata yang mana pada rakyat

jelata ini apa yang perlu kepada mereka ialah dia tidak kira siapa yang mentadbirkan air, siapa yang menguruskan air. Yang penting bagi mereka, berapa kadar, berapa tarif air yang akan dihadapkan kepada mereka sebagai pengguna. Yang penting kepada pengguna-pengguna, pertamanya pengguna-pengguna di rumah ini, bukan industrilah, pengguna-pengguna di rumah kediaman, mereka mahu melihat bahawa tarif air itu berada dalam keadaan mampu bayar, dalam keadaan murah.

Saya mengikuti penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi sendiri bahawa dikatakan bila ada SPAN ini *review* tarif air itu tidak dibuat dengan awal sekurang-kurangnya dua tahun kemudian. Tetapi kita tahu apabila tarif air ini di *review*kan, kita faham apabila di *review*kan, dikaji semula memang akan berlaku kenaikan tarif, kenaikan kadar air itu sebagaimana kita faham, rakyat telah pun faham apabila tol itu di *review*kan, memang tol tidak turun tetapi tol sentiasa naik.

Walaupun yang terkemudian sekali ini, *the latest one*, dengan izin, walaupun Ahli-ahli Parlimen membantah 10% kenaikan tol PLUS, tetapi pihak Kabinet tetap menaikkan harga tol itu. Jadi itulah sahaja daripada saya, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Kita dengarlah sekali lagi suara daripada Sabah. Silakan Yang Berhormat Datuk Haji Karim Ghani.

3.12 ptg.

Datuk Haji Karim Ghani: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan meminda Perlembagaan Persekutuan. Ada tiga perkara yang kita diminta mempersetujui pemindaan.

Pertama, menambah umur hakim daripada 65 ke 66, ini suatu perkara yang baik cuma saya sudah hampir ke umur itu, saya tidak tahulah apakah hakim satu kumpulan manusia yang lain daripada yang lain. Saya merasakan apabila hampir ke umur 65, 66 itu, banyak perkara-perkara yang sudah berubah, pelupa, lekas penat dan sebagainya. Jadi adakah tidak masalah-masalah ini akan menghantui hakim-hakim yang kita tambah umur dia berkhidmat.

Yang kedua, apakah tidak nanti hakim-hakim yang di bawah hakim yang ditambahkan umur ini tidak marah apabila ditambah umur dia berkhidmat, orang lain yang naik pangkat tersekat. Kalau ini tidak menjadi masalah "alhamdulillah", saya tidak membantah pemindaan supaya umur dilanjutkan setahun.

Yang ketiga, pemindaan ini tentang masalah air. Masalah air ini adalah hak kerajaan negeri. Apa yang kita diminta supaya mempersetujui Kerajaan Persekutuan

mengambil alih soal pentadbiran air daripada kerajaan negeri. Apakah ini tidak satu *wake up call* kepada kerajaan negeri bukan saja dalam segi perkara air tetapi perkara-perkara lain harus ditadbirkan dengan baik dan lancar. Kalau tidak nanti perkara-perkara lain dalam bidang kuasa kerajaan negeri juga diambil alih oleh Kerajaan Pusat.

Mungkin masalah tanah, masalah kewangan, dan beberapa perkara yang lain. Apabila kita bersetuju dengan pindaan ini, walaupun pada ketika ini Sabah dan juga Sarawak tidak terlibat, satu badan akan diwujudkan dan satu undang-undang akan dibawa ke Dewan Rakyat dan Dewan Negara untuk meluluskan pula undang-undang yang menyusul daripada persetujuan kita meluluskan Pindaan Perlembagaan ini.

Saya percaya Kerajaan Pusat telah pun berunding dengan kerajaan negeri dan kerajaan negeri sudah bersetuju supaya pemindaan ini diluluskan. Jadi, kalau kerajaan negeri sudah bersetuju tidak ada sebab kita di Dewan Negara ini tidak bersetuju untuk meluluskan pindaan rang undang-undang ini. Saya cuma sedikit tidak faham bagaimana Kerajaan Pusat tidak dapat meminta persetujuan dari Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak supaya perkara ini juga Sabah dan Sarawak bersetuju untuk dibentuk badan yang dicadangkan ini.

Mungkin kerana perkara air adalah di dalam bidang kuasa kerajaan negeri, tetapi kalau kerajaan negeri bersetuju tidak ada masalah untuk ditadbirkan melalui badan yang dicadangkan. Masalah air bukan masalah tarif yang akan kita bayar tetapi masalah penyeliaan dan masalah pentadbiran air. Di Sabah umpamanya, pembekalan air mengalami kerugian yang beratus juta, oleh sebab air telah diswastakan dan penswastakan itu kita harus ambil perhatian bahawa penswastakan air di Sabah adalah suatu perkara yang pelik. Ia swastakan air setakat *production*, bila air telah di *produce* oleh syarikat yang menswastakan itu, seberapa banyak air yang dikeluarkan oleh pihak swasta, kerajaan bayar. Ia tidak ambil kira berapa banyak wang yang dipungut daripada air yang diguna.

Jadi *Non Revenue Water*, air dicuri, orang tak bayar air, itu bukan urusan syarikat swasta, itu urusan kerajaan negeri. Jadi seberapa banyak air yang di pam keluar daripada loji swasta, itulah yang dibayar oleh kerajaan negeri tanpa mengira berapa banyak pungutan daripada penggunaan. Jadi kalau setelah kita luluskan Pindaan Perlembagaan ini, dan badan penswastakan, badan mentadbir urusan air dilaksanakan nanti, apa yang perlu kita ambil perhatian ialah *cost of production*, kita hendak tahu, hendak jaga benar-benar berapa *cost of production* air itu dan berapa keuntungan yang harus diberikan kepada pengusaha air supaya selepas itu, kerajaan tidak perlu membayar subsidi yang terlalu banyak.

Kalau kita tidak jaga *cost of production* atau *cost of production* dibiarkan, kontrak yang melebihi-lebih, pembekalan *chemical* yang harga dua tiga kali berlipat ganda daripada seharusnya, tentulah harga air akan tinggi dan rakyat akan membayar harga yang mahal. Penyerahan kuasa daripada negeri kepada Federal harus diteliti dengan baik sebab Sabah mempunyai pengalaman, pada zaman Kerajaan Berjaya, Sabah serahkan Pulau Labuan kepada pentadbiran Kerajaan Federal. Lulus oleh kerajaan negeri, lulus oleh Dewan Undangan Negeri tetapi rakyat merasa tidak senang hati. Akibatnya dalam pilihan raya yang berikutnya Kerajaan Berjaya tumbang dalam pilihan raya.

Jadi saya tidak mahu perkara ini berlaku kepada kerajaan kita. Kajilah baik-baik supaya tidak berlaku rakyat.....

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan.

Datuk Haji Karim Ghani: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Ir. Wong Foon Meng]: Silakan Yang Berhormat.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih sahabat saya Datuk Karim. Menyentuh soal penyerahan Labuan, tidakkah Yang Berhormat nampak hari ini dengan penyerahan Pulau Labuan kepada Kerajaan Federal walaupun terpaksa mengorbankan sebuah kerajaan telah memberi manfaat yang begitu banyak kepada penduduk Labuan? Saya kira sebaiknya soal Labuan tidak boleh dijadikan contoh di dalam perbincangan kita pada petang ini. Terima kasih. Apakah pandangan Yang Berhormat?

Datuk Haji Karim Ghani: Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat Datuk Senator, sahabat saya. Memang betul, tetapi kalau penyerahan atau tindakan tidak dijelaskan seluas-luasnya kepada rakyat, rakyat boleh membuat keputusan yang tidak mendatangkan kebaikan. Memang betul di bawah pentadbiran Kerajaan *Federal*, Labuan lebih maju daripada kerajaan Sabah dan daripada Sabah sendirinya. Sabah mengalami banyak masalah yang sudah-sudah. Kerajaannya tidak stabil, ketua menteri yang bergilir-gilir yang menyebabkan Sabah yang dahulunya satu negeri yang sungguh mashyur dan kami banggakan, lebih maju daripada Sarawak dan sekarang sudah ketinggalan jauh daripada Sarawak, malahan dari segi kemiskinan kita ketinggalan juga daripada Kelantan. Jadi dalam segi penyerahan ini saya merasakan sebagaimana saya katakan tadi mungkin satu *wake-up call* daripada Kerajaan Pusat mengingatkan semua Kerajaan Negeri supaya tadbirlah kerajaan negeri itu dengan baik supaya perkara serupa ini tidak perlu Kerajaan Pusat campur tangan dalam urusan kerajaan negeri yang hak negeri. Kerajaan Federal memang satu kerajaan kita yang bertanggungjawab dan tidak biarkan dari segi air dan dari

segi perkara-perkara lain yang kalau dibiarkan boleh merosakkan kerana air ini adalah satu perkara yang paling penting dalam penghidupan manusia.

Dalam lawatan kami ke India dahulu sampai ke Rajasthan, kita tengok bagaimana istana yang besar-besar terpaksa ditinggalkan kerana tidak ada air. Jadi di Malaysia ini kita banyak air tetapi barangkali cara mentadbirkan air dan cara mentadbirkan penswastan tidak dijalankan dengan betul malahan menjadi satu beban. Saya tidak tahu kenapa. Umpamanya Kerajaan Negeri Sabah tidak terlibat atau Kerajaan Federal tidak berminat kerana masalah air di Sabah kerajaan kita berhutang lebih RM800 juta kepada syarikat swasta yang mengendalikan *water production*. Saya tidak nampak penyelesaian yang akan berlaku dalam masa yang panjang.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, niat Kerajaan Federal memang baik mengawal air seluruh Malaysia yang sangat penting dalam hidup kita dan sesudah berunding dan dipersetujui oleh kerajaan negeri, tidak ada sebab kenapa kita tidak sokong pindaan Perlembagaan ini.

Tentang bangunan-bangunan warisan memang perlu dijaga. Kita tidak ada identiti kalau bangunan-bangunan warisan atau khazanah-khazanah warisan yang lain tidak dijaga kerana apabila kita pergi melawat ke negara-negara lain kita tengok macam-macam bangunan-bangunan yang bersejarah ada tetapi di Malaysia ini bangunan-bangunan sejarahnya, kalau kita lihat, cuma barangkali Melaka sedikit, Penang sedikit, di Sabah cuma dua, tiga perkara sahaja, sedangkan negara kita ini wujud ratusan tahun. Apa dia peninggalan sejarah kita? Dongeng banyak sehinggakan barang kali warisan daripada Hang Tuah pun kita tidak dapat buktikan benda itu benda itu betul ada atau dongeng. Dan juga kalau di Sabah cuma bangunan-bangunannya sedikit sahaja iaitu bangunan tugu Mat Salleh dan bangunan jam yang dibina pada zaman kolonial. Selain daripada itu tidak ada. Itu sahaja. Jadi untuk generasi akan datang adalah perlu dan betul tindakan kita seperti yang dicadangkan di dalam pindaan Perlembagaan yang sedang kita bahaskan.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pindaan Perlembagaan ini, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri.

3.26 ptg

Tuan Hassan bin Haji Shukri: *Bismillahir Rahamnir Rahim. Assalamualaikum Wbt.* Salam sejahtera Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih

kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah memberikan peluang kepada saya untuk turut serta membahaskan suatu akta yang dinamakan Akta Perlembagaan (Pindaan) 2004.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah banyak mendengar ucapan dan perbahasan serta teguran-teguran daripada ahli-ahli Yang Berhormat dan anggota Dewan Negara ini terhadap usul pindaan yang telah dibawa dan usul pindaan Perlembagaan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri pada pagi tadi. Di antara sahabat-sahabat kita dan ahli-ahli Yang Berhormat, sepanjang penilaian saya, saya dapati walaupun pada penghujung hujah mereka, mereka memberikan sokongan terhadap pindaan Perlembagaan ini, walau bagaimanapun ada banyak peringatan-peringatan yang telah diberikan oleh sahabat-sahabat kita ahli Dewan yang mulia ini kepada kerajaan yang telah mengemukakan cadangan pindaan ini.

Bagi saya ada sedikit kesukaran sebenarnya untuk membahaskan pindaan ini kerana pindaan ini dikemukakan sekali gus pertama sekali tentang pindaan Perlembagaan satu perkara, 122 dan juga 125 yang mana cadangan pindaan ini adalah untuk menukar perkataan, umur perkhidmatan bagi yang arif hakim-hakim daripada 65 kepada 66. Saya rasa dari sudut ini semua ahli Dewan ini bersetuju, tetapi apabila sampai kepada pindaan tentang jadual kesembilan dan juga kesepuluh maka di sini ada pandangan-pandangan yang pada perkiraan saya walaupun pada penghujung hujah mereka memberikan sokongan tetapi ada banyak keraguan yang timbul apabila pindaan ini diluluskan.

Oleh yang demikian, saya ingin memberikan beberapa contoh. Saya berpandangan bahawa pindaan ini tidak perlu lagi dikemukakan pada waktu ini dan saya kira ada ruang-ruang di dalam Perlembagaan kita itu seperti menggunakan perkara 76 Perlembagaan kita di mana ianya pernah dibuat pada Kanun Tanah Negara, kalau tidak silap ingatan saya. Saya harap Yang Berhormat Menteri akan memberikan teguran kepada saya kalau apa yang saya sebutkan tadi adalah silap.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ini satu pendekatan yang baik tanpa kita seakan-akan seperti yang disebutkan oleh sesetengah sahabat tadi mengganggu walaupun tidak banyak, sedikit, kuasa-kuasa yang telah diperuntukkan dalam Jadual Kesembilan itu kepada kerajaan-kerajaan negeri. Walaupun tujuan pindaan ini hanyalah untuk mengambil alih soal yang berkaitan dengan pengurusan air, tetapi ianya juga melibatkan kuasa-kuasa yang dahulunya adalah di bawah kerajaan negeri.

Tuan Yang di-Pertua, yang lebih meragukan saya lagi ialah kenapa negeri Sabah dan negeri Sarawak seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri ketika membentangkan rang undang-undang ini, bahawa Sabah dan Sarawak telah dirunding, Yang di-Pertua Negeri Sabah dan Sarawak telah dirundingi dan kedua-dua mereka bersetuju supaya pindaan Perlembagaan ini tidak dimasukkan Sabah dan Sarawak.

Tetapi sepanjang perbahasan yang kita ikuti seakan-akan sahabat-sahabat kita Yang Berhormat dari Sarawak dan Sabah mereka tidak tahu ataupun mereka tidak dimaklumkan tentang cadangan pindaan ini. Maka dengan sebab itulah misalnya, Datuk Hajah Dayang Mahani seakan-akan beliau bersetuju kalau pindaan Perlembagaan ini dimasukkan juga negeri Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh beberapa perkara di sini, sebenarnya tidak sepatutnya saya sentuh kerana ianya berkaitan dengan soal-soal teknik seperti yang juga disebutkan oleh sahabat-sahabat saya. Tetapi walau bagaimanapun saya ingin menyebutkan satu dua perkara di sini seperti dalam pindaan ini, air mentah masih lagi dikuasai oleh kerajaan negeri, tetapi persoalannya apabila syarikat konsesi yang akan diberikan nanti oleh Kerajaan Pusat kepada syarikat-syarikat tertentu yang menguruskan air di negeri-negeri dan air mentah itu adalah hak negeri, adakah negeri berhak untuk menjual air mentah itu kepada syarikat-syarikat konsesi.

Jika sekiranya negeri berhak menjual kerana ada disebutkan, bahawa air ini adalah salah satu daripada sumber kewangan negeri jika sekiranya ia berhak menjual misalnya, kita katalah 1,000 gelen macam Singapura – saya tidak tahu harganya, saya tidak ingat – dia jual 5 sen. Kemudian setelah diproses, inilah barangkali yang dibimbangkan oleh sahabat-sahabat kita dari Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian diproses, kemudian termasuklah macam-macam belanja yang terlibat. Kemudian ianya nanti dijual.

Saya tidak tahu sama ada macam di Sabah, dijual kepada kerajaan negeri, misalnya yang harga 30 sen dijual jadi RM1.50 ataupun nanti apabila sampai kepada pengguna, harganya lebih mahal walaupun kerajaan negeri masih ada hak dan boleh mendapat sedikit sebanyak sumber kewangan daripada jualan air mentah itu, itu yang pertama.

Yang kedua tadi telah disebutkan, inilah dia Allah S.W.T yang menjadikan kita ini disiapkannya air. Kalau Tuhan tidak turunkan air ataupun Tuhan turunkan ombak besar, jadi kacau juga. Jadi Tuhan turunkan air dan semua kita mengaku bahawa air itu adalah menjadi kepentingan, bukan sahaja kita. Tetapi kalau negara kita ini maju, banyak industri tetapi air tidak ada, saya rasa industri pun tidak boleh berjalan.

Saya difahamkan di Pulau Pinang, industrinya baik ialah kerana kilang-kilang di Pulau Pinang itu menggunakan air yang banyak, maka kerajaan atau syarikat di Pulau Pinang ini dapat menguruskan air di Pulau Pinang itu dengan baik kerana kilang-kilang industri yang banyak di Pulau Pinang itu telah membeli air-air daripada syarikat konsesi itu – itu di antaryalah.

Jadi kalau di negeri-negeri yang tidak ada kilang, ia tentulah akan menjual air ini hanya kepada pengguna-pengguna di kampung-kampung. Jadi kalau dia jual air dengan harga yang mahal seperti yang berlaku antara Johor dengan Singapura – ini bukan saya bermaksud untuk melagakan Johor dengan Singapura – tetapi masalah air Johor dengan Singapura ini sudah sekian lama tidak selesai. Persoalannya ialah kerana Singapura membeli air mentah daripada Johor dengan harga yang murah, kemudian dijual balik kepada Johor dengan harga yang tinggi.

Itu persoalan yang menyebabkan pengguna-pengguna air ini terpaksa membayar harga air dengan mahal tetapi air itu daripada Johor, bawa ke Singapura, diproses di Singapura, Singapura pula jual kepada Johor. Saya bimbang hal ini akan berlaku. Rupa-rupanya bukan Johor sahaja, Sabah pun macam itu juga seperti mana yang telah diterangkan oleh Senator Datuk Hajah Dayang Mahani tadi dan juga oleh sahabat saya, Datuk Haji Karim Ghani, itu yang kedua.

Yang ketiga, oleh kerana air ini memerlukan kawasan tadahan air, hutanlah, hutan kayu balak itu lebih senang disebut dan hutan kayu balak ini adalah hak kerajaan negeri. Jika sekiranya Kerajaan Pusat melalui SPAN atau melalui apa-apakah besok, ia meminta kerajaan negeri supaya memperuntukkan kawasan tadahan air ini terlalu luas, maka ini juga akan menyebabkan kerajaan negeri kekurangan hasil kerana kawasan itu tidak boleh dibalak, misalnya, kerana dengan pembalakan itu mungkin pertama sekali mengurangkan air dan yang keduanya merosakkan lagi keadaan air di kawasan yang berhampiran.

Saya mencadangkan kalau ini berlaku, saya ingin tahu apakah tindakan Kerajaan Pusat, ianya kuasa negeri, tetapi saya mengharapkan supaya kerajaan negeri tidak kesukaran untuk mendapatkan sumber kewangan, kita mengharapkan Kerajaan Pusat memberikan pampasan kepada kerajaan negeri. Begitu juga sekiranya air mentah ini, kita juga mengharapkan supaya Kerajaan Pusat memberikan pampasan kepada kerajaan-kerajaan negeri.

Saya tidak kira negeri mana, Pulau Pinang atau Kedah, kerana sekarang ini yang banyak kawasan tadahan air ini dan hutan-hutan yang tebal ialah misalnya Pahang, Kedah dan Perak. Besok saya yakin bahawa sesungguhnya kawasan Wilayah Persekutuan dan

juga negeri Selangor mungkin akan mengharapkan air daripada negeri Pahang dan sekiranya kawasan pemprosesan air ini ataupun pengurusan air ini dilakukan oleh syarikat konsesi yang dibuat di negeri Pahang, mungkin harga air yang akan dijual ke Wilayah Persekutuan ini agak tinggi daripada negeri Pahang sendiri. Ini pun satu persoalan juga yang perlu kita ambil perhatian.

Yang keempat yang saya ingin sebutkan di sini ialah mengenai syarikat-syarikat swasta yang sudah menguruskan air di negeri-negeri, yang mana syarikat-syarikat ini kita difahamkan telah ada kerajaan negeri yang terhutang kepada syarikat-syarikat swasta ini seperti negeri Sabah tadi, bukan RM10 juta atau RM20 juta tetapi ratusan juta.

Baiklah, jika sekiranya Kerajaan Pusat ambil alih pengurusan air ini dan kita katakan syarikat-syarikat ini tidak mahu lagi menguruskan air di negeri itu, apakah kerugian yang ditanggung oleh syarikat-syarikat ini akan ditanggung oleh Kerajaan Pusat. Ini satu persoalan yang saya rasa walaupun mungkin ianya agak jauh boleh berlaku tetapi tidak mustahil ianya boleh berlaku.

Oleh yang demikian saya melihat bahawa pindaan yang kita buat ini, saya bersetuju, itu yang susah hendak saya katakan – bersetuju sebahagiannya, tetapi saya tidak berapa senang dengan bahasa lembutnya, dengan sebahagian daripada pindaan-pindaan ini. Jadi apa pendirian saya, saya pun tidak tahulah, tetapi saya tidak berapa senang dengan pengambilalihan kuasa negeri kepada Pusat. Walaupun saya tahu dan saya faham baik-baik bahawa bukanlah niat Kerajaan Pusat hendak menggunakan kuasa dia, maknanya mengambil hak-hak kerajaan negeri. Tetapi saya difahamkan bahawa sesungguhnya kalau di negeri Sabah dan Sarawak, Yang Berhormat Menteri menyebutkan ada perundingan. Saya difahamkan bahawa dengan negeri-negeri lain, negeri-negeri yang ada di Persekutuan ini, dia belum ada lagi barangkali perundingan dengan pihak yang tinggi, Duli-duli Yang Maha Mulia Sultan walaupun tadi telah disebutkan ianya tidak memerlukan persetujuan daripada Duli-duli Yang Maha Mulia Sultan melalui Majlis Raja-raja, tetapi saya rasa kita ambil yang manis supaya di belakang hari nanti tidak akan berlaku, maknanya pandangan-pandangan yang tidak sedap didengar ataupun hujah-hujah dan pendapat-pendapat yang tidak sedap kita dengar, sepatutnya kerajaan negeri dirundingi terlebih dahulu barulah pindaan ini dikemukakan kepada Dewan Rakyat dan juga kepada Dewan yang mulia ini.

Lagipun ada jalan-jalan, saya rasa Kerajaan Pusat boleh memberikan pandangan kepada kerajaan-kerajaan negeri dalam banyak hal, misalnya, kita lihat Kanun Tanah Negara. Ada banyak perkara yang boleh dirunding oleh Kerajaan Pusat, walaupun waktu membuat Kanun Tanah Negara itu saya difahamkan tidak dibuat pindaan ke atas

Perlembagaan walaupun ianya adalah hak negeri. Oleh yang demikian itu, saya mengharapkan semoga perkara-perkara ini diambil perhatian yang bersungguh-sungguh oleh pihak Kerajaan Pusat.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu kita juga ingin mendapat tahu tentang pinjaman yang telah dibuat oleh kerajaan negeri. Apakah apabila nanti ditubuhkan sebuah suruhanjaya bebas, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara dan sekarang ini belum sampai kepada suruhanjaya tetapi saya difahamkan ada Majlis Air Negara namanya. Jadi sekarang ini apakah fungsi Majlis Air Negara itu dan apakah Majlis Air Negara ini pernah mengadakan perbincangan atau perundingan dengan pihak kerajaan negeri.

Timbalan Yang di-Pertua: Majlis Sumber Air Negara, Yang Berhormat.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Majlis Sumber Air Negara ya. Saya tertinggal sumber itu minta maaf. Ini telah dibentuk dan Majlis Sumber Air Negara ini tentulah kalau sudah ada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara mungkin Majlis Sumber Air Negara ini tidak akan berfungsi lagi.

Oleh yang demikian itu, kita mengharapkan supaya Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara ini, ketika ianya digubal hendaklah mengambil perhatian yang bersungguh-sungguh terhadap pandangan-pandangan dan juga teguran-teguran yang telah dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sama ada di Dewan Rakyat mahupun di Dewan Negara. Sebab saya dengar ucapan-ucapan Yang Berhormat daripada Dewan Rakyat misalnya, ada juga yang lebih kalau saya hendak kata lebih keras pun tidak boleh juga, maknanya lebih hebat daripada apa yang disampaikan oleh sahabat-sahabat kita Ahli Dewan Negara ini. Mereka juga seakan-akan tidak membantah tetapi semacam membuat bantahan. Semacam membuat bantahan ke atas pindaan akta ini tetapi mereka tidak katakan kami membantah hujungnya mereka kata kami menyokong, saya menyokong.

Jadi persoalan-persoalan yang saya rasa semua sahabat-sahabat Ahli Yang Berhormat di sini mengharapkan kepada pihak Kerajaan Pusat yang mengemukakan pindaan ini supaya mengambil kira pandangan-pandangan yang telah diberikan oleh sahabat-sahabat Ahli-ahli Dewan Negara ini pada waktu menggubal dan seterusnya mengemukakan suatu akta yang berkaitan dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara ini. Kita mengharapkan oleh kerana tadi banyak dibincangkan tentang tarif air dan ada juga yang menyebutkan bahawa keadaan yang ada sekarang ini misalnya di Negeri Selangor iaitu PUAS yang menjadi tidak puas. Ini ialah kerana banyak paip-paip bawah tanah itu pecah.

Tuan Yang di-Pertua, tempat saya seminggu dua kali pecah. Saya pun sudah sebut pada Yang Berhormat Timbalan Menteri, pecah itu di dalam kawasan rumah orang. Pecah sembur habis semua siling rumahnya pecah, nasib baik siling sahaja. Tetapi kalau ini berlaku sampai dua tiga malam, saya rasa dengan rumah-rumah sekali akan pecah.

Ini juga saya harapkan supaya apabila ditubuhkan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara ini mengambil kira supaya paip-paip yang sudah buruk ini digantikan dan ini perlulah juga tentulah memerlukan kepada perbelanjaan. Soal seperti yang telah ditimbulkan oleh sahabat-sahabat kita tadi, perbelanjaan ini walaupun pada peringkat mulanya dikeluarkan oleh syarikat yang menguruskan air, tetapi akhirnya ianya ditanggung oleh pengguna seperti yang disebutkan tol tadi.

Akhirnya pengguna juga yang kena bayar, tetapi yang kita bimbang rakyat akan bayar dua kali, sekali dia bayar tol kemudian bila hutang tidak selesai kerajaan pula minta kelulusan supaya Dewan ini meluluskan suatu peruntukan tambahan bagi membiayai syarikat yang mengendalikan tol-tol di Malaysia ini. Kebimbangan ini saya dengar dua, tiga Ahli Yang Berhormat telah suarakan di dalam Dewan yang mulia ini, maka dengan sebab itu kita mengharapkan supaya mudah-mudahan perkara ini tidak akan berlaku apabila pengurusan air ini nanti diambil alih ataupun dicampur tangan oleh Kerajaan Pusat.

Bagi saya sebenarnya sekarang ini pun Kerajaan Pusat boleh berunding dengan kerajaan negeri bagi sama ada membantu ataupun Kerajaan Pusat menubuhkan syarikat bagi menguruskan air di negeri itu. Kalau ada saya ingat kerajaan negeri boleh terima, saya yakin Kerajaan-kerajaan Negeri boleh terima. Tetapi saya tidak tahu kenapa perundingan-perundingan ini tidak sampai kepada peringkat itu bahawa kerajaan maknanya soal pengurusan sahaja, air itu tetap hak negeri tetapi menguruskannya dibantu oleh Kerajaan Pusat.

Jadi bagi saya, kalau perundingan diwujudkan pindaan perlembagaan ke atas Jadual Kesembilan dan Kesepuluh ini tidak perlu tergesa-gesa, supaya ianya dirundingkan dahulu dengan pihak negeri dan saya yakin negeri-negeri saya tidak kira negeri manalah maknanya macam negeri Sabah dan Sarawak. Saya rasa kalau dirunding dengan baik tentulah ia akan menuntut macam-macam kerana sekarang ini Sabah terpaksa bayar harga air kepada syarikat yang mengeluarkan air itu dengan harga yang mahal. Mungkin Sabah akan menuntut supaya Kerajaan Pusat kalau hendak campur pengurusan air di Negeri Sabah ini maka Kerajaan Pusat kena menanggung sebahagian daripada hutang Kerajaan Negeri Sabah misalnya. Tetapi saya tidak tahu apakah perundingan-perundingan atau

perbincangan yang seperti ini pernah dilakukan oleh pihak Kerajaan Pusat dengan Kerajaan-kerajaan negeri di Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin menyentuh juga tentang walaupun akta Suruhanjaya itu belum dikemukakan tetapi sahabat-sahabat kita telah mendahului akta itu. Kita tidak tahu lagi berapa orang ahli suruhanjaya itu, tetapi di sini sudah disuarakan supaya ahli-ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara itu hendaklah dilantik daripada orang-orang yang berwibawa, orang-orang yang berkemampuan, yang berkebolehan yang tahu tentang soal air dan sebagainya.

Cuma saya ingin mengingatkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, air ini ia boleh tidak ada. Kalau Tuhan tidak turunkan hujan, ini saya ingatkan mengambil sempena kejadian yang kita bertafakur tadi supaya kita dengan cermat maknanya merasa bahawa apabila kita boleh semua, kita seakan-akan macam boleh hendak turunkan air hujan daripada langit. Sampai begitu, maknanya kefahaman kita ini adalah suatu kefahaman yang sangat berbahaya kerana kita melihat, saya mohon izin, kalau kita melihat kisah-kisah daripada Al-Quran ada satu surah Zilzalah namanya. Gempa bumi gempa yang hebat dan manusia kemudiannya tertanya-tanya mengapa ini boleh berlaku dan ini boleh berlaku kerana kemungkaran yang telah dilakukan oleh manusia itu sendiri.

Oleh yang demikian itu, saya mengingatkan Dewan yang mulia ini, walaupun kita diberi kuasa untuk mengurus air ini tetapi kita hendaklah memelihara juga supaya kita tidak akan melakukan sebarang bentuk penindasan, kezaliman terutama sekali kepada rakyat. Apabila rakyat tidak mampu membayar misalnya, ada rakyat nanti pula mencuri. Mencuri itu kerana harga air mahal. Jadi ini pun melibatkan kita juga. Sesungguhnya apabila kita meluluskan ini berlaku hal-hal yang seperti ini, maka kita sedikit-sebanyak bertanggungjawab terhadap persoalan-persoalan yang seperti ini.

Oleh yang demikian itu, kita mengharapkan walaupun kita ini banyak pakar bijaksana tetapi seperti yang berlaku baru-baru ini, semua kepakaran yang ada sama ada dari Amerika, Jepun, Indonesia itu sendiri atau Singapura tidak dapat hendak menggunakan kepakaran mereka bagi mengawal ombak besar yang telah berlaku itu. Ini saya ingatkan bukan apa, supaya kita melihat bahawa sebarang malapetaka yang telah diturunkan oleh Allah S.W.T ke muka bumi ini dan kepada manusia ini ada sebab-sebab daripada tangan manusia itu sendiri.

Kerosakan air misalnya adalah sebab-sebab usaha tangan manusia sendiri. Mereka menebang kayu balak di hulu, kemudian air yang turun jadi kotor, dan tadi disebutkan paip air itu sendiri pun sudah berumur 50 tahun lebih bersih daripada air yang kita ambil di bumi,

lebih bersih daripada air yang disalurkan melalui paip-paip air yang digunakan oleh para pengguna.

Jadi hal ini saya peringatkan mudah-mudahan sebarang apa jua langkah yang kita ambil, kita tidak lupa terhadap tanggungjawab kita dan juga beban kita yang meluluskan; kalau kita luluskanlah pindaan ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Okay, terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi. Sebelum pada itu, boleh saya tahu berapa ramai lagi Ahli Yang Berhormat yang ingin mengambil bahagian dalam perbahasan ini? Ramai lagi ya? Silakan Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi.

3.52 ptg.

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di sini saya hendak bahas satu akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan. Pertamanya saya hendak berbahas berkenaan dengan Fasal 3 iaitu berkenaan dengan kenaikan umur persaraan hakim daripada 65 tahun kepada 66 tahun. Kenaikan umur yang diberitahu oleh Menteri pagi tadi adalah berikutan dengan kenaikan umur persaraan kakitangan kerajaan dari 55 tahun kepada 56 tahun.

Dengan kualiti hidup yang meningkat, apakah polisi kerajaan jangka panjang berkenaan dengan umur persaraan kakitangan dan juga hakim? Adakah umur persaraan kakitangan itu akan meningkat lagi kelak? Dan juga kalau umur persaraan hakim itu ditingkatkan ke 66 tahun, adakah umur persaraan kakitangan kerajaan itu dikaji semula lagi? Saya hendak tanya, adakah satu jurang sepuluh tahun antara umur persaraan hakim dengan umur persaraan kakitangan kerajaan itu adalah satu polisi kerajaan? Bila umur persaraan kakitangan kerajaan dinaikkan nanti, adakah kita akan datang ke sini lagi untuk meminda Perlembagaan untuk meningkatkan umur persaraan hakim?

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak juga membahaskan Fasal 4 dan 5 berkenaan dengan kuasa bekalan air yang kita tahu air itu adalah satu keperluan harian, satu keperluan yang asas dan bukan seperti barangan yang lain dan juga bekalannya adalah dimonopoli dan kita tidak dapat memilih siapa yang membekalkannya melainkan mengadakan telaga di rumah sendiri. Dengan masalah-masalah yang dihadapi oleh perbekalan air ini, kita dapati banyak masalah yang mendesak.

Isu yang pertama adalah berkenaan dengan air mentah. Di negara kita, terdapat negeri-negeri yang tidak mempunyai sumber air mentah yang mencukupi seperti negeri Melaka, negeri Selangor, Wilayah Persekutuan dan dengan rancangan yang mana sumber

air mentah dari negeri Pahang itu akan dipindahkan dan dibawa ke negeri Selangor. Mengikut kajian Sumber Air Negara bagi tahun 2000 hingga tahun 2050 yang disiapkan pada Mac 2000, dekat RM52 bilion diperlukan untuk Program Pembangunan Bekalan Air di Semenanjung Malaysia hingga tahun 2050. Itu adalah satu jumlah yang amat tinggi.

Isu kedua yang saya hendak sentuh ialah isu kewangan berkenaan dengan bekalan air. Setakat 31 Disember 2002, Kerajaan Pusat telah mengeluarkan pinjaman bagi sektor bekalan air berjumlah RM7.1 bilion kepada kerajaan-kerajaan negeri – satu jumlah yang besar juga.

Isu ketiga berkenaan dengan Perlembagaan ialah isu perkhidmatan pengguna yang mana kita mendengar komplain-komplain oleh pengguna-pengguna tentang kualiti bekalan air. Antara aduan yang diterima dari pengguna adalah seperti ;

- (i) bekalan air yang kotor dan tidak berkualiti;
- (ii) bekalan air yang sering terganggu;
- (iii) tekanan air yang tidak cukup;
- (iv) masalah-masalah bil air yang tidak tepat dan silap, kena bayar dengan jumlah yang besar.

Kita juga menghadapi isu operasi dan kawal selia air di mana kita dengar non-revenue water (NRW) yang agak besar dan juga kecekapan dan operasi kawal selia, iaitu berbeza-beza di antara negeri-negeri yang ada di negara kita.

Dalam usaha untuk meminda kuasa bekalan air kepada Kerajaan Persekutuan, saya ingin tahu, adakah kajian dibuat tentang perubahan ini? Kajian adakah dibuat tentang perubahan pendapatan negeri-negeri yang terlibat terhadap pertukaran kuasa bekalan air ini.

Pada tahun 2001, terdapat enam negeri yang mana kutipan hasil air mereka adalah kurang daripada kos operasi. Ini bermakna enam negeri mengalami kerugian dalam pengurusan bekalan air. Adakah kerajaan hendak buat perbandingan terkini bagi setiap negeri dalam perubahan ini yang mana apakah perubahan hasil dan pendapatan setiap negeri? Kalau ada, boleh dibentangkan di sini.

Satu lagi yang saya hendak sentuh ialah kita dapati pindaan kali ini tidak termasuk Sabah dan Sarawak dan saya tengok data-data yang ada, yang agak teruk adalah negeri Sabah. Negeri Sabah dalam Kajian Air Tidak Berhasil – *Non Revenue Water* pada tahun 2003 adalah tertinggi sekali di antara negeri-negeri yang lain, iaitu sebanyak 62% pengeluarannya adalah tidak berhasil – satu jumlah yang amat tinggi. Dalam satu lagi kajian 2001 di mana Sabah juga mengalami kerugian dalam pengurusan air yang besar. Dan juga tarif air domestik bagi pengguna-pengguna Sabah adalah antara satu tarif yang tertinggi di

Malaysia. Dengan Sabah dikeluarkan dan dikecualikan dalam pindaan ini saya ingin tahu apakah pertolongan dan bantuan Kerajaan Persekutuan kepada Sabah untuk memulihkan keadaan di Sabah supaya rakyat dan pengguna-pengguna di Sabah dapat

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan Yang Berhormat.

Tuan Lee Sing Chooi: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tahu dengan pengecualian Sabah dalam pemindaan ini, apakah pertolongan dan bantuan Kerajaan Persekutuan kepada Sabah supaya penduduk Sabah dapat bekalan air yang berkualiti dan dengan tarif yang sederhana kerana bekalan air tiada alternatif. Ini adalah industri yang dimonopoli di mana tarif air dan air itu juga bukan satu barangan untuk dijual beli dan boleh dijual beli di mana-mana. Untuk bekalan ke rumah saya harap tarif air itu tidak diambil kira seperti *services* yang lain seperti lalu lintas, telefon dan lain-lain kerana air adalah satu keperluan harian yang asas dan juga kontrak-kontrak yang akan dibuat nanti saya harap ada transparensinya. Sebarang turun naik tarif air dalam kontrak itu mesti ditentukan oleh kerajaan, bukan syarikat konsesi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, boleh saya diberi laluan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, berapa lamakah Yang Berhormat jangkakan Yang Berhormat akan mengambil masa untuk menjawab dan menggulung setelah mendengar hujah-hujah yang diketengahkan?

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, saya bercadang untuk menjawab kemudian daripada Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi dan juga Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan. 20 minit, 20 minit dan saya lebih kurang setengah jam. Kami bertiga hendak menjawab.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Maka saya akan beri peruntukan satu jam untuk menjawab dan menggulung.

Dato' Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad: Mungkin lebih sedikit daripada satu jam. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingin bertanya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, siapa lagi yang hendak berucap? [*Beberapa orang Ahli Yang Berhormat bangun*]. Sila teruskan Yang Berhormat. Bolehkah ringkaskan sedikit ucapan.

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dengan pemindaan ini maka kuasa bekalan air itu dipindahkan kepada Kerajaan Persekutuan. Saya harap dengan pengurusan yang lebih cekap dan NRW yang minimum maka kos air itu boleh diturunkan. Dengan penurunan kos itu boleh juga memberi manfaat kepada pengguna dengan menurunkan tarif air terutama tarif air domestik pada setiap beberapa M3 utama.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak membahaskan berkenaan dengan pembinaan dalam senarai bersama senarai 39(e) pemeliharaan warisan. Saya harap dengan pembinaan ini warisan budaya semula jadi seperti Mulu Caves, bangunan-bangunan yang bersejarah dan lain-lain dapat dipelihara dengan lebih baik dan budaya yang berlainan dan kaya di Malaysia ini boleh menjadi satu aset.

Budaya juga saling bertindak, berinteraksi dan juga memunculkan satu lagi budaya baru yang unik. Budaya baru yang unik seperti budaya Baba-Nyonya adalah satu budaya yang unik yang muncul dari interaksi antara kaum di sini dan juga budaya-budaya yang lain seperti budaya Orang Asli, budaya penduduk-penduduk minoriti seperti budaya rakyat Siam dan Portugis harus juga dibela dan dipelihara untuk memperkayakan lagi warisan budaya tanah air kita.

Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pembinaan ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Rhina Bhar.

Dato' Rhina Bhar: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu....

Tuan Yang di-Pertua: Selepas ini Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak. Habis.

Dato' Rhina Bhar: Saya merakamkan ucapan terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang memberi peluang kepada saya mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perlembagaan Persekutuan 30/2004 yang baru dibentangkan pagi tadi oleh Yang Berhormat Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad.

Tuan Yang di-Pertua, pada dasarnya saya menyokong pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan seperti yang terkandung dalam Rang Undang-undang Perlembagaan Persekutuan 30/2004. Ini termasuk langkah kerajaan Persekutuan mengambil alih pengurusan air. Saya berharap dengan pengambil alihan itu negara kita akan mempunyai satu sistem pengurusan air yang lebih cekap dan berkesan dan akan mengakibatkan kepada bekalan air yang bersih, bermutu tinggi, sihat dan bekalan yang berterusan tanpa apa-apa gangguan lagi. Ia juga akan mengatasi masalah kewangan negeri-negeri untuk terus membangun, menyelenggara dan membekal air di peringkat negeri. Demikian juga dengan pengalihan itu ia akan mengelakkan atau mengurangkan

kerugian berikutan masalah air yang tidak mendatangkan hasil (*Non-Revenue Water*), dengan izin, akibat kebocoran paip, kecurian dan kerosakan meter.

Sebaliknya Tuan Yang di-Pertua, dalam keghairahan pengambil alihan itu saya khuatir seperti juga yang telah disuarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat lain iaitu pengambilan pengurusan air tidak dijadikan alasan untuk menaikkan tarif air. Saya cukup bimbang jika pengurusan air diserahkan bulat-bulat kepada mana-mana syarikat konsesi. Saya bimbang syarikat itu akan menaikkan tarif air dengan sewenang-wenangnya dengan berbagai alasan seperti isu tol. Ini saya cukup bimbang kerana kamilah yang akan dibanjiri oleh rungutan rakyat tentang tol air dan bukannya syarikat konsesi itu.

Oleh itu untuk memastikan syarikat konsesi tidak menaikkan tarif air sewenang-wenangnya atas apa-apa alasan termasuk alasan gagal mendapat keuntungan, saya mencadangkan apa-apa kenaikan tarif dikemukakan kepada Parlimen sebelum ia dipersetujui dan dikuatkuasakan. Prosedur yang sama yang dilakukan dalam urusan bajet, iaitu melalui Rang Undang-Undang Perbekalan boleh dilakukan apabila tarif air hendak dipinda. Dengan adanya cara ini, tindakan menaikkan tarif air akan lebih telus, bertanggungjawab dan akan mencerminkan suara rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berapa yakin Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) yang akan ditubuhkan selepas ini boleh menangani soal tarif air pada masa-masa hadapan. Pada hakikatnya, SPAN akan mudah terpengaruh dengan alasan-alasan oleh syarikat konsesi itu. Justeru itu, saya berpendapat apa-apa tindakan untuk menaikkan tarif air hendaklah mendapat kelulusan Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, lain-lain isu telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini dan tidak payalah saya ulangi, tetapi saya merayu kepada kerajaan mengambil berat di atas implementasinya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya menyokong rang undang-undang yang dibahaskan ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Dato' Ikhwan Salim.

4.12 ptg.

Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana mengizinkan saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan pindaan Perlembagaan. Mungkin saya cuba mengkhususkan pandangan saya terhadap perkara-perkara yang belum dibangkitkan sebab kita ini berdepan dengan satu perkara yang paling penting pada hari ini, iaitu perkara air ini yang ramai rakan-rakan Yang Berhormat membahaskannya.

Kalau kita tengok masalah di antara negeri-negeri memang berbeza. Saya yang datang dari Selangor sebenarnya merasakan mungkin PUAS itu boleh memuaskan rakyat Selangor kalaulah rakyat Selangor itu masih lagi berjumlah satu juta atau dua juta. Tetapi oleh kerana kita ramai penduduk yang datang juga daripada negeri-negeri lain sehingga ke empat juta termasuklah negara-negara lain, serta dengan masalah kecurian air dan masalah NRW, ini sudah tentu memberi masalah kepada mereka yang sekarang ini menguasai tentang pengedaran air di Negeri Selangor.

Kalau kita bandingkan pula Selangor dengan negeri-negeri lain, Selangor dengan begitu pesat membangun sudah tentu antara yang menjadi keperluan ramai ialah air dan juga perumahan. Jadi, timbullah masalah di mana terpaksa dibuat keputusan sama ada air atau rumah menjadi *priority* dan sudah tentulah kedua-duanya adalah perkara-perkara kemudahan asas bagi semua rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasakan sebenarnya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan, kerana pada pandangan saya sudah sampai masanya, kalau dahulu kerajaan negeri yang mengendalikan air, sebenarnya pada saya masalah air ini kini sudah menjadi satu masalah dengan izin, *cross border* atau pun langkah sempadan di mana sesebuah negeri mungkin ada sumber-sumber air dan ada sesetengah negeri di mana kita tahu sumber air sudah berkurangan atau langsung tiada. Jadi, bayangkan satu situasi kalaulah masalah ini berterusan, adakah kemungkinan perbalahan di antara negeri mungkin berlaku kerana air.

Pada masa yang sama juga, kalau kita mengambil kira *economic model*, dengan izin, sudah tentu antara lain kos untuk mengedar air sekarang sudah tentu tidak mengizinkan tarif yang sedia ada. Saya merasakan antara lain oleh kerana kerajaan-kerajaan negeri, alhamdulillah setakat ini dapat menentukan tarif yang agak selesa tetapi akhirnya kos untuk membina semula sistem pengedaran menerusi *re-piping* dan sebagainya terpaksa di ambil kira seperti di Selangor selepas hampir 50 tahun di paip-paip yang lama.

Jadi, sudah sampai masanya apabila kita tengok, dengan izin *economic model*, sebegini mungkin kita kena tengok air sebagai satu model makro di peringkat negara di mana kos bolehlah direndahkan ataupun masih lagi di tahap yang boleh kita terima apabila kita mengambil kira perbezaan negeri-negeri kerana kita tahu ada negeri di mana kosnya lebih tinggi dan ada negeri pula kosnya yang rendah sedikit. Oleh kerana itu, dengan harapan dapat kita gabungkan di bawah satu badan mungkin kita akan dapat menentukan tarif air berterusan dengan kadar yang agak boleh diterima.

Selain daripada itu, kita tengok di dalam masalah air ini, hanya teguran yang ingin saya buat satu-satunya adalah apabila kita bezakan dengan izin, pemprosesan dan pengedaran dengan *production* ataupun di peringkat tadahan air, saya merasakan kalau tidak dijaga betul mungkin akan ada masalah di mana ataupun syarikat yang akan mengendalikan pengedaran ini akan menyalahkan pihak yang menjalankan tadahan air dan sebaliknya, kalaulah pada penghujungnya peringkat pengguna akan *complaint*, dengan izin tentang kualiti air dan sebagainya. Sebagai contoh, katakanlah keju, sama ada kita hendak salahkan susu ataupun kita hendak salahkan pemprosesan susu itu, di manakah yang harus kita lihat apabila dalam masalah air ini kita bezakan di antara yang adakan tadahan dan juga yang adakan pengedaran.

Ini adalah satu perkara yang saya rasa kerajaan harus melihat dengan teliti supaya menentukan tidak ada masalah ataupun kesempatan yang diambil oleh syarikat-syarikat tertentu untuk meningkatkan kos dengan itu mungkin untuk menaikkan tarif kepada pengguna dan rakyat.

Jadi, adalah pada pandangan saya sebenarnya air ini menjadi suatu perkara yang harus kita tengok secara makro tetapi dalam kita berbuat demikian hanya dari segi kita membezakan pemprosesan dan juga tadahan itu supaya tahap kos dapat ditentukan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, hanya sedikit masalah tentang kenaikan umur kepada 66 tahun juga saya menyokong. Dan teguran saya hanya kalaulah profesion kehakiman ini dikatakan memerlukan pengalaman, dengan pengalaman ini diharapkan dengan izin, *backlog* yang banyak itu dapat dikurangkan.

Yang ketiga tentang bab warisan bangunan. Saya juga menyokong hanya dengan satu pandangan dalam kita menentukan bangunan-bangunan warisan ini dijaga, kita mahu juga menentukan dia tidak menahan mana-mana negeri untuk membangunkan negeri-negeri mereka. Kita juga harus mengadakan satu polisi yang dipersetujui oleh semua supaya bangunan-bangunan tertentu sahaja yang boleh kita lihat sebagai bangunan warisan, kalau tidak mungkin adakah situasi segala bangunan yang lama mungkin dikatakan bangunan warisan.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong rang undang-undang pindaan Perlembagaan Persekutuan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Minta maaf Yang Berhormat. Datuk Hajah Sharifah Aminah, terima kasih.

4.21 ptg

Datuk Hajah Sharifah Aminah binti Syed Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah membentangkan Akta Perlembagaan (Pindaan) 30/2004.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membuat sokongan serta memohon keizinan memberi beberapa syor dan pertanyaan agar bekalan perkhidmatan air di Semenanjung Malaysia lebih sempurna dalam pelaksanaannya selepas pindaan ini dipersetujui.

Tuan Yang di-Pertua, dalam proses penyerahan perkhidmatan air kepada Kerajaan Persekutuan, saya amat menyokong penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara sebagai sebuah agensi kawal selia Kerajaan Persekutuan yang akan mengawal selia industri pembekalan dan perkhidmatan air secara seragam bagi Semenanjung Malaysia. Bagi menentukan keberkesanan agensi kawal selia ini, ianya hendaklah mempunyai pegawai-pegawai serta Ahli Lembaga yang mahir dan pakar dalam beberapa bidang dalam industri pembekalan air oleh sebab tanggungjawab SPAN adalah berat selepas pindaan ini.

Ahli-ahli SPAN perlulah pengetahuan kepentingan syarikat pembekal air dan juga kepentingan pengguna dapat diimbangi dengan sewajarnya. Perlu ada kepakaran seperti pihak akauntan, juru audit dan pentadbiran untuk memantau selain daripada pegawai-pegawai teknikal yang pakar dalam bidang ini. Kita tahu mahu SPAN menjadi sebuah badan kawal selia yang lemah yang boleh dipermainkan oleh syarikat-syarikat air, dengan izin *at the expense of* rakyat atau pengguna. Kita tidak hendak *regulatory capture* terjadi kepada SPAN. *We don't want regulatory capture to happen*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa negeri yang telah menswastakan bekalan airnya sedang menghadapi masalah kerugian yang besar kecuali Pulau Pinang. Ini mungkin disebabkan kegagalan perancangan yang tidak teliti yang tidak mengambil kira implikasi keseluruhannya. Kepada negeri-negeri yang belum menswastakan bekalan air, bagi mengelakkan kerugian dan hutang terlalu tinggi, saya ingin mengesyorkan agar mereka menyerahkan aset-aset bekalan air mereka kepada sebuah syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan.

Sebagai balasan penyerahan aset-aset tersebut, Kerajaan Persekutuan haruslah *write-off*, dengan izin, pinjaman yang diberinya kepada kerajaan negeri untuk membangunkan aset-aset tersebut. Pinjaman tersebut sudah boleh *diconvert* kepada saham dalam syarikat yang ditubuhkan oleh Kerajaan Persekutuan seperti Tenaga Nasional Berhad. Dengan cara begini syarikat tersebut mempunyai potensi untuk memperolehi sumber kewangan pada kadar lebih rendah berbanding sekiranya ia adalah *private own*

company, dengan izin. Dengan ini kos pembangunan aset bekalan air adalah lebih rendah dan tarif yang akan dikenakan lebih munasabah dan tidak akan membebankan pihak pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, bagi negeri-negeri yang telah menswastakan bekalan airnya, kita ingin mengetahui apakah telah berlaku selain bekalan air kotor, tidak mencukupi bekalan dan kos yang tinggi telah berlaku sehingga memerlukan pindaan Perlembagaan ini. Beberapa soalan tercetus di minda saya adakah cara penswastakan ini dilakukan secara *direct nego* yang menyebabkan timbulnya beberapa masalah atau berapakah projek penswastakan bekalan air ini dilakukan secara *competitive bidding* dan berapa melalui *direct nego*.

Adakah pihak kerajaan negeri tersebut tahu kadar pulangan yang diraih oleh syarikat-syarikat yang telah diberi konsesi tersebut. Kalau diizinkan pihak menteri, kita perlukan jawapan dalam penggulungan beliau nanti supaya masalah ini tidak berulang apabila penswastakan ini berlaku. Dalam pada saya menyokong pindaan perlembagaan ini, soal tahap tarif juga perlu diambil kira. Janganlah ianya terlalu rendah sehingga tidak dirasai perit oleh pengguna sehingga mengakibatkan berlakunya pembaziran air. Jangan juga terlalu tinggi sehingga membebankan rakyat. Kesedaran kepada rakyat perlu diberikan betapa pentingnya air bagi kehidupan harian kita semua.

Tuan Yang di-Pertua, peningkatan bilangan kependudukan dan *supply* bekalan air ini kian meruncing di mana kawasan-kawasan tadahan air berkurangan disebabkan oleh pembangunan yang pesat di setiap negeri tanpa mengambil kira keperluan yang penting ini. Sebab itulah kita menghadapi masalah banyak dari segi pengeluaran air.

Walaupun saya menyokong pindaan ini, saya juga perlukan jawapan-jawapan yang telah diminta tadi. Dengan ini saya pohon menyokong. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Hamzah Zainudin.

4.28 ptg

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberikan peluang kepada saya membahaskan dan juga akta yang dibawa Yang Berhormat Menteri tadi. Saya juga seperti kawan-kawan yang lain tidak mahu menyentuh perkara-perkara yang telah dibangkitkan. Cuma saya hendak tanyakan tentang isu yang dibawa tentang umur bagi hakim-hakim dinaikkan daripada 65 tahun ke 66 tahun.

Kita sedar bahawa hakim ini bukanlah *government servant*, dengan izin. Mereka adalah merupakan satu *profession* yang dianggap sebagai satu *profession* yang *noble* yang dianggap tinggi di negara kita. Kalau kita bezakan mereka dengan pegawai-pegawai

kerajaan kita yang ada, dengan contohnya seperti Tan Sri Ketua Setiausaha Negara kita dan beberapa KSU yang ada dalam negara kita, tahap umur pencen mereka bila sampai umur 56 tahun kita kata mereka dipencenkan secara *automatic*. Maknanya peruntukan yang telah diberikan dalam negara kita ini.

Tetapi, oleh kerana kita naikkan pegawai-pegawai kerajaan untuk meningkatkan kemampuan mereka berkhidmat dalam negara kita daripada 55 tahun kepada 56 tahun, kita beranggapan seolah-olah hakim juga harus dinaikkan. Apakah itu isunya ataupun kerana kita rasa kita sudah tidak mencukupi hakim-hakim yang ada dalam negara kita. Ini persoalan saya kerana kalau kita hanya semata-mata hendak mengikut tentang umur yang kita naikkan kepada pegawai-pegawai kerajaan daripada 55 tahun kepada 56 tahun apakah perbezaan di antara 65 tahun ke 66 tahun untuk hakim-hakim yang ada.

Kalau hendak ikutkan perbezaan umur di antara pegawai kerajaan 56 tahun ke 65 tahun – sembilan tahun bezanya. Tadi salah seorang daripada rakan saya Yang Berhormat daripada Sabah tadi ada mengatakan, saya tidak tahulah belum sampai umur ke tahap 60 tahu., Katanya, kalau sudah sampai umur 60 tahun lebih ini sudah mula lupa dan sebagainya.

Apakah hakim-hakim dilantik ini mereka merupakan satu golongan yang telah pun kita periksa dari segi kesihatan mereka, dari segi kedudukan mereka? Bagaimana caranya? Ini yang saya hendak tanya kepada kerajaan. Walaupun ia merupakan satu tindakan yang baik tetapi kalau kita rasakan kita tidak cukup hakim-hakim yang ada, mengapa institusi kehakiman yang ada dalam negara ini tidak kita teruskan supaya mereka boleh menjadi hakim sampai umur 70 tahun. Sebagai satu contoh, mengapa 66 tahun? Mengapa setahun sahaja, apa bezanya 65 tahun dengan 66 tahun?

Adakah dengan setahun itu boleh cukup untuk menyelesaikan masalah-masalah kehakiman yang ada dalam negara kita? Itu persoalan saya, dan saya hendak tanya sebab institusi kehakiman yang ada dalam negara kita - kita ada Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan, Mahkamah Tinggi dan sebagainya, tentang pelantikan-pelantikan hakim-hakim yang ada juga, kita tengok kadang-kadang melibatkan mereka-mereka yang tidak ada dari segi *seniority* umur yang kita lihat apabila kita hendak melantik mereka untuk ke Mahkamah Persekutuan ataupun ke Mahkamah Rayuan ataupun Mahkamah Tinggi.

Maka ini bermakna bahawa dalam pemilihan kita untuk menentukan mereka itu naik menjadi hakim-hakim di mahkamah-mahkamah tertinggi dalam negara kita, kita fikirkan tentang kemampuan mereka. Itulah sebabnya pelantikan mereka tidak mengikut umur yang ada tetapi dari segi kemampuan mereka. Kalau itu menjadi satu alasannya maka pada saya 66

ataupun 65 tahun tidak ada bezanya. Kalau itulah sebabnya kita melantik mereka untuk menjadi hakim-hakim dalam negara kita sehinggakan umur 65 tahun tidak diambil kira, mengapa tidak kita tambahkan menjadi 70 tahun untuk menyelesaikan masalah yang benar-benar wujud kalau adalah dalam negara kita tentang kedudukan masalah dalam mahkamah yang ada dalam negara kita ini. Itu satu persoalan yang saya hendak tanyakan kepada kerajaan. Walau bagaimanapun, saya percaya sudah tentu ada sebab-sebab tertentu mengapa kita menaikkan tahap umur ini daripada 65 ke 66 tahun.

Satu perkara lagi dalam akta ini yang kita dibicarakan pada hari ini adalah tentang warisan pemeliharaan warisan dalam negara kita. Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada kerajaan kerana benar-benar telah melihat bahawa ini adalah salah satu tanggungjawab Kerajaan Federal yang mana akhir-akhir ini banyak perkara-perkara yang telah pun kita lupa, contohnya dari segi bahasa, dari segi permainan tradisional. Banyak perkara ini hari ini sudah tidak diambil kira sebagai satu budaya ataupun *heritage* dalam negara kita.

Cuba kita lihat dari segi budaya bahasa, pada saya orang Perak kalau saya panggil *grandfather*, minta maaf Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, saya panggil Tok, tetapi orang Kedah, kalau Tok itu bukan untuk sebelah lelaki sahaja, Tok itu juga untuk sebelah perempuan. Tok Wan, Tok Ki, ini ada perbezaan di negeri-negeri tertentu. Maka bagaimana apabila kita mengambil pemeliharaan warisan dalam negara kita ini, apakah budaya-budaya tentang bahasa-bahasa yang digunakan oleh budaya negeri masing-masing juga akan dipertahankan ataupun bagaimana untuk kita menggabungkan supaya warisan yang ada dalam negara kita ini menjadi warisan negara untuk keseluruhan kita yang ada dalam negara ini.

Ada rakan-rakan kita tadi yang mempersoalkan, ada warisan-warisan yang tertinggal seperti warisan budaya orang Portugis dalam negara kita, warisan orang-orang Baba Nyonya yang ada dalam negara kita. Ini juga seharusnya dipelihara oleh kerajaan. Kerajaan mana, Kerajaan Federal ataupun kerajaan negeri? Jadi, ini juga saya minta supaya kerajaan melihat supaya tidak ketinggalan budaya-budaya kelompok kecil-kecil yang ada dalam negara kita ini.

Seperti permainan tradisional sebagai contoh, kalau saya sebut tarian kuda kepang, ini adalah merupakan permainan tradisional untuk rakyat negeri Johor. Kalau saya tanya orang, betul atau tidak? Ramai yang kata mungkin negeri Johor. Tapi kalau saya tanya permainan wayang kulit, ada yang mengatakan ianya daripada Kelantan, ada mengatakan juga ianya mungkin daripada Johor ataupun Melaka kerana yang mengatakan mungkin ini

datangnya daripada India melalui Sumatra lalu ke Melaka, Johor ataupun di Kelantan ataupun Terengganu.

Jadi, sementara kita hendak memelihara warisan kita yang ada hari ini, kita harus mengkaji itu semua sebelum kita melihat bahawa ini adalah tanggungjawab Kerajaan Federal untuk mengatakan inilah dia warisan permainan tradisional kita daripada dahulu hinggalah sekarang. Kita tidak mahu lagi permainan-permainan tradisional yang selama ini kita katakan merupakan warisan bangsa kita juga sudah tidak ada lagi dalam negara kita hari ini.

Sebab itu saya minta, walau pun kita bersetuju untuk kita berikan kuasa kepada Kerajaan Federal untuk memelihara warisan ini tetapi jangan lupa bahawa budaya negeri masing-masing juga harus dipertekankan supaya kita tidak mahu mengambil ianya terus menjadi satu warisan yang dikatakan warisan Malaysia sebagai satu contoh. Jadi, sebab itulah saya minta tadi dilihat, dan kadangkala dari segi pemeliharaan warisan walau pun dia diambil alih kuasanya oleh Kerajaan Federal tetapi biarlah sesuatu tradisi, permainan tradisi atau warisan tradisi peringkat negeri itu juga biar dilihat supaya Kerajaan Federal dan kerajaan negeri sama-sama mempertahankannya untuk negeri masing-masing. Jadi barulah ada nanti kalau kita membuat buku sejarah untuk masa depan kita nanti, kita lihat ini sebagai satu kelompok-kelompok kecil negeri-negeri, warisan negeri-negeri, budaya negeri-negeri yang boleh kita pertahankan.

Itu dua perkara dan satu perkara lagi adalah tentang air yang saya hanya hendak cakap pendek sahaja dari segi ini. ..Saya kadang-kadang merasa hairan bila Kerajaan Federal mengambil alih dengan menubuhkan besok satu Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara, ia seolah-olah selesailah masalah yang ada di peringkat negeri-negeri. Cuba kita lihat hari ini, apabila kita adakan penswastan air di peringkat negeri-negeri seperti Selangor pada dahulunya kita berikan kepada syarikat yang kecil. Hari ini syarikat yang kecil itu telah menjadi sebuah syarikat gergasi pada hal air, sumber air datangnya daripada negeri Selangor, diberikan kepada sebuah syarikat yang kecil sehingga menjadi syarikat yang boleh kita katakan syarikat gergasi yang boleh memakan semula sumber penswastan yang asalnya daripada negeri tersebut. Di mana salahnya?

Apakah salahnya apabila kita berikan penswastan kepada syarikat tersebut ataupun salahnya apabila kita sendiri tidak tahu bagaimana untuk mentadbirkan air dalam negeri kita. Jadi soalan saya hari ini, saya tidak mahu lagi melihat perkara ini terjadi. Apabila kita menubuhkan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara, satu badan yang besar, sudah tentu kita tidak mampu untuk menjalankan pengurusan air seluruh negara kita maka

kita *outsorce* ataupun kita akan swastakan beberapa loji-loji air yang ada di seluruh negara kita.

Kalau ini terjadi maka apa bezanya di antara Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara dengan jabatan-jabatan air negeri-negeri yang ada hari ini, kerana kalau kita tengok, yang berjaya adalah mereka yang hari ini diberikan penswastakan mencuci air ataupun loji-loji air yang ada dalam negeri masing-masing. Yang ruginya Jabatan Air negeri-negeri yang menjual air-air yang telah pun dirawat di loji-loji yang ada. Jadi di sini saya minta ..

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat menyentuh satu perkara yang menarik perhatian saya. Segala yang dikatakan kepincangan yang dihuraikan oleh Yang Berhormat itu adalah wujud di bawah suasana perundangan yang ada sebelum ini.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih..

Tuan Yang di-Pertua: Ini kita berdepan dengan rang undang-undang yang akan sedikit mengubah suasana perundangan tersebut. Adakah Yang Berhormat bermaksud mengutarakan bahawa kepincangan yang berlaku di bawah suasana perundangan yang sedia ada itu akan bertambah atau akan berkurangan dengan suasana perundangan yang akan diwujudkan oleh pindaan-pindaan ini.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Untuk menjawab soalan yang Tuan Yang di-Pertua,.....

Tuan Yang di-Pertua: Saya timbulkan perkara tersebut kerana adakah kepincangan berlaku sebab perundangan atau sebab dasar atau sebab pelaksanaan.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Ini yang saya hendak masukkan semula untuk peringatan kepada kerajaan. Kalau kita lihat tadi apabila dibentangkan akta ini melalui Yang Berhormat Menteri, saya sudah kata tadi seolah-olah apabila kita meluluskan undang-undang ini maka selesailah masalah air dalam seluruh negara. Maka, dalam dua hari yang dibincangkan, yang dibahaskan di dalam Dewan Rakyat semua Ahli-Ahli Dewan Rakyat mengatakan kita tidak mahu harga tarif air ini nanti dinaikkan dengan sewenang-wenangnya.

Pada saya bukan itu masalahnya, masalah undang-undang yang ada dalam negara kita, sama ada diluluskan di peringkat negeri ataupun di peringkat Parlimen, di peringkat di sini, yang pentingnya keadilan yang selama ini kita buat sama ada di peringkat negeri ataupun di peringkat sini. Kedua-duanya adalah mementingkan keadilan. Saya rasa undang-undang yang ada itu sudah adil bagi pihak yang menjalankan tugas, sama ada untuk menswastakan air di mana peringkat sekali pun. Itu sudah jelas, Tuan Yang di-Pertua.

Dari segi pelaksanaannya yang saya risau hari ini, yang saya hendak bangkitkan hari ini, saya sudah katakan tadi, apabila kita mengambil alih keseluruhan masalah air di seluruh

negara, sudah tentu kita tidak akan menang, kita tidak cukup tangan untuk menjalan dan melaksanakan tugas yang selama ini dibuat oleh Jabatan Air Negeri masing-masing. Maka, sudah tentu kita akan mengikut cara yang selama ini dijalankan di peringkat negeri masing-masing dari segi pelaksanaannya. Yang penting yang saya hendak beritahu, kalau itu sama, maka bermakna saya persoalkan. Ini yang persoalan saya tadi.

Mengapa sebuah syarikat yang diswastakan begitu kecil boleh menjadi satu syarikat gergasi yang boleh makan semula Jabatan Air Selangor kerana hanya disebabkan kita beri penswastan merawat air di loji-loji yang ada. Apa fasal

Tuan Yang di-Pertua: Di bawah suasana undang-undang yang lama!

Dato' Hamzah bin Zainudin: Suasana undang-undang, saya ingat sama, cuma yang kita hendak beri hari ini bukan undang-undang itu berbeza, pada saya. Cuma kita hendak berikan kuasa untuk menjalankan pengurusan air itu, kita berikan kepada Kerajaan *Federal*. Itu sahaja. Dari segi undang-undang di sini, saya tidak nampak ada perbezaannya, kerana kalau dari segi sistem penswastan yang dijalankan oleh kerajaan negeri dengan sistem penswastan yang dijalankan oleh Kerajaan *Federal*, tidak banyak perbezaannya. Jadi, persoalannya pelaksanaan yang dijalankan, apakah cara yang dijalankan itu betul. Kalau caranya tidak betul, maka pada saya, yang saya hendak mengingatkan apabila kita memberikan kuasa ini balik kepada Kerajaan *Federal*, biarlah sesuatu yang kita buat hari ini bukan hanya ditanggung oleh kita hari ini, tetapi juga biarlah ia boleh mengambil, memakan masa yang panjang. Maksud saya kalau kita rasakan saluran paip-paip air itu semuanya bocor, maka tarifnya, bukan selepas dua tahun syarikat itu mesti buat untung, tarifnya mungkin mesti kita anggar supaya memakan masa 40 atau 50 tahun daripada sekarang.

Maka barulah, kerana paip yang digunakan itu boleh digunakan selama 40 atau 50 tahun. Ini yang menjadi persoalan kita hari ini. Kita buat tol jalan sebagai satu contoh, bila selepas tiga tahun kita kaji, dia tidak untung. Sudah tentu tidak untung kerana jalan boleh digunakan hampir 100 tahun daripada sekarang. Mengapa kita tidak kira bahawa jalan-jalan yang telah pun kita buat itu boleh memakan masa setahun, bagi anggaran tarif yang digunakan juga biarlah yang panjang masanya.

Sebab jawapan yang telah diberikan oleh kerajaan, dalam masa dua tahun kita tidak akan naikkan tarif. Seolah-olah tahun ketiga, tarif akan naik. Apakah tahun yang ketiga sudah boleh kita tentukan bahawa pada saya, pada hari pun kita boleh tentukan, dalam masa dua tahun, syarikat itu tidak untung, dalam masa tiga tahun, syarikat itu tidak akan boleh untung, lima tahun, tidak akan boleh untung, kerana yang kita tengok hari ini, masalah yang paling besar, masalah air adalah *non-revenue water*.

Non-revenue water ini adalah kerana bocor, kecurian air yang berleluasa dan kalau bocor, maknanya kita terpaksa memaasang paip yang baru. Untuk memasang paip yang baru, harga yang begitu besar ini sudah tentu dalam masa tiga tahun tidak boleh mendapat keuntungan. Untuk mengambil balik, kapasitinya besar, yang terpaksa kita anggarkan, mungkin 30, 40, 50 tahun yang akan datang barulah boleh insya-Allah, kita dapat balik kos yang kita gunakan untuk memasang paip tadi.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah saya minta apabila kita berikan balik kuasa ini kepada kerajaan, biarlah apa sahaja yang kita buat ini demi untuk kepentingan rakyat bukan hanya boleh menggunakan air, tetapi juga boleh menggunakan air yang baik dengan kadar harga yang mampu untuk kita sama-sama menikmati dalam negara kita, kerana saya percaya kerajaan yang ada hari ini adalah kerajaan yang benar-benar adil untuk rakyat jelata dan rakyat yang ada dalam negara kita.

Dengan itu, saya ingin menyokong, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput, ya, yang akhir ya. Yang Berhormat Tuan Osman bin Bungsu.

4.47 ptg.

Tuan Osman bin Bungsu: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Panjangkah ucapan Yang Berhormat?

Tuan Osman bin Bungsu: Saya rasa sedikit sahaja. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi laluan kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 2004.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana bersetuju merakamkan ucapan tahniah kerajaan serta memberi sumbangan terhadap mangsa Tsunami yang berlaku pada 26 Disember 2004. Saya juga merakamkan ucapan terima kasih kepada media kerana dapat menimbulkan suasana sensitiviti masyarakat untuk turut membantu.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun baru-baru ini kita terlepas pandang bahawa kejadian banjir besar juga berlaku di perkampungan Orang Asli di jajahan Gua Musang iaitu di Kampung Pasek, Sabak, Reng, Yong yang melibatkan 138 keluarga, yang mana mengakibatkan hampir keseluruhan rumah kediaman, bangunan rumah kakitangan kerajaan, jambatan, tanaman yang mana kosnya melimpah mencecah sehingga RM3.4 juta. Sehingga lawatan saya pada 16 Januari 2005 baru-baru ini, saya sungguh sedih bahawa

belum ada inisiatif lagi diberikan kepada penduduk yang menghadapi malapetaka ini, yang mana air meningkat dari aras sungai hampir 60 hingga 80 kaki tingginya.

Saya berharap dengan pendedahan ini juga, kita memberi kepercayaan kepada kerajaan untuk sama-sama kita membantu masyarakat ini yang sedang mengharapkan bantuan dari kerajaan dan juga sesiapa yang ada, seperti mana kita telah menghulurkan bantuan kepada mangsa Tsunami, baik di Dewan Rakyat ataupun di Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pindaan kepada Perkara 122 dan 125, saya amat bersetuju dan menyokong

Tuan Yang di-Pertua: Tak sia-sialah Yang Berhormat mewakili Orang Asli.

Tuan Osman bin Bungsu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengingatkan lagi tanggungjawab saya yang besar sebenarnya. Saya rasa 147,000 orang mewakili satu sahaja Ahli Dewan Negara, saya pohon Tuan Yang di-Pertua, dapat direkodkan agar ditambah lagi Ahli Dewan Negara untuk saya dan juga peruntukan yang ada pada saya hanya layak dapat bagi RM5,000 untuk menampung pembaikan transit sementara untuk membeli paku dan zink.

Tuan Yang di-Pertua: Hampir lima kali ganda kawasan Parlimen Kangar ya.

Tuan Osman bin Bungsu: Ya, terima kasih, dan saya berharap sangatlah bantuan daripada saudara-saudara kita yang ada di Dewan Negara ini. Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi menyokong pindaan ini. Pertama tentang persaraan kakitangan awam yang mana dari 55 kepada 56 kerana memikirkan usia yang begini, kemahiran dan kepakaran dia memang perlu dikekalkan. Dan kalau boleh dengan keadaan kehidupan kita yang begitu baik, saya melihat umur ini perlulah, jawatan bagi kakitangan awam bukan sahaja 56 tetapi bolehlah dipanjangkan kepada 58 ke? Kerana kita tidak dapat mengubah pindaan ini daripada tahun ke tahun.

Untuk meminda pindaan Perlembagaan ini memakan masa yang panjang, jadi kalau dah dibuat pada hari ini, "alang-alang mandi, biarlah basah", supaya apa yang kita buat pada hari ini berterusan kekal sehingga 10 hingga 20 tahun akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, sandarkan pada pengalaman yang difikirkan kepada peningkatan umur para hakim, saya rasa umur 65 tahun, saya amat bersetuju dengan pandangan Dato' Hamzah dan juga seorang Yang Berhormat tadi. Umur 65 tahun ini sudah peringkat yang kalau dari segi psikologi pun, sudah peringkat umur emas, yang mana perlu bersara, perlu duduk dengan tenang supaya dapat berkhidmat dan berbakti kepada rakyat lain dan juga boleh dijadikan pakar rujuk untuk sesuatu kes.

Dan juga dengan cara ini, para hakim yang lain dapat diberi peluang kenaikan pangkat. Kalau kita kekurangan hakim, kenapakah pihak kehakiman tidak mencari para hakim, melantik para hakim kerana ini keperluan. Kita tidak mahu menunggu perbicaraan itu bertahun-tahun. Kes perceraian umpamanya, kita hendak menunggu sehingga tiga, empat tahun, tak kan kita nak gantung perempuan itu, gantung tak bertali, nak menunggu perbicaraan ini. Jadi saya rasa pihak kehakiman ini perlu mengambil inisiatif untuk menambah kakitangan bagi mengurangkan kes yang ada. Pada saya penambahan umur ini tidak mendatangkan keuntungan yang besar kepada institusi kehakiman ini.

Tuan Yang di-Pertua, soal ketiga tentang warisan, saya amat bersetuju tindakan tegas perlu diambil, tindakan segera perlu diambil bagi melindungi warisan negara, seperti mana Datuk Jin kata, lapangan terbang ini yang begitu nostalgia kepadanya perlu diambil kira bagi warisan kita kerana kalau kita tidak ada, generasi kita akan mewarisi, akan melihat.

Begitu juga dengan warisan-warisan budaya etnik di kalangan masyarakat-masyarakat kita di Malaysia ini. Perlulah diberi keutamaan untuk disimpan bagi jangka masa panjang. Begitu juga masyarakat Orang Asli pun ada budayanya, ada menyambut tahun barunya, namanya '*Jis Pai*' iaitu menyambut tahun baru, belum lagi diiktiraf oleh kerajaan. Jadi kalau Hari Raya, Hari Raya Korban, Aidiladha ada, Raya Cina ada, Orang Asli pun ada dia punya hari, '*Jis Pai*' nama dia. Jadi kalau ini dapat diberi pengiktirafan agar masyarakat Orang Asli juga ada satu hari diberi peluang bersama-sama untuk menyambut hari kebesaran mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa terlibat dengan pindaan air ini di mana rakyat telah memberi kita kuasa, kalau kita lihat dalam pilihan raya yang lalu, begitu besar kepada kita. Jadi janganlah ada pindaan ini akan ibarat kata orang merosakkan keadaan kehidupan rakyat umpamanya apabila diswastakan air ini biasanya akan meningkat kosnya, harganya, kalau dua tahun mula tiada, lepas tiga tahun ada, empat tahun ada. Bayangkanlah penduduk-penduduk di luar bandar. Bayangkan. Kalau air pun dah naik harga, kalau Orang Asli tak apa, mungkin dia masuk ambil air di bumi tu. Tetapi yang penduduk kampung, yang memerlukan air kalau tidak diberi betul-betul perhatian Tuan Yang di-Pertua, akan menyebabkan kita Barisan Nasional akan terganggu dalam sesuatu pilihan raya akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat perkhidmatan di negeri-negeri tentang bekalan air ini agak meruncing. Terutama saya melihat Pulau Pinang sahaja, tahniah kepada kerajaan Pulau Pinang kerana dapat mengurus air dengan baik. Begitu juga dengan kerajaan-kerajaan lain, bukan tak baik tetapi kerana pengubahsuaian peralatan yang lama dah 50 tahun, 40 tahun maka diambil alih, maka kosnya makin meningkat.

Tetapi kadang-kadang kita melihat di bandar tempat saya pun air meleleh sudah sampai hampir sebulan. Hendak tadah satu tong air memakan masa empat jam, itulah kadang-kadang terpaksa juga dengan keadaan bekalan air yang kurang berkualiti, air merah. Di Kelantan saya pergi dekat Gua Musang pun begitu dengan tekanan airnya. Begitu juga dengan sistem pembiliran kadang-kadang kita lihat ada yang RM1,000, RM2,000 satu rumah. Jadi sistem itu menunjukkan kita tidak profesional lagi, dan begitu juga dengan pembedaan najis yang kita kena bayar, bertindan-tindan bayarannya.

Jadi inilah dengan adanya Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara ini, saya yakin pihak Kerajaan Persekutuan dapat mengurus perbekalan air bersih ini yang berkualiti dan pengurusan yang berkualiti agar dapat memberi perkhidmatan yang baik kepada masyarakat kita.

Yang ketiganya, saya berharap kuasa mutlak yang ada kepada SPN ini untuk menaikkan harga perlulah mendapat persetujuan daripada Dewan Rakyat dan Dewan Negara kerana ini melibatkan rakyat terutama penduduk-penduduk di luar bandar. Saya tidak mahu berlaku kes seperti tol tiga tahun naik, tiga tahun dah naik. Dia tidak tahu tiga tahun semakin sesak jalan, semakin sesak jalan, semakin banyak duit yang dapat tetapi saya tak tahu, semakin sesak jalan, semakin rugi agaknya. Sebab itu dia mahukan pampasan kepada kita. Tetapi saya harap kerajaan dapatlah mengkaji semula tentang sistem pembayaran tol ini sambil-sambil kita melihat keadaan ini.

Begitu juga SPAN saya berharap sebagai pengawal penyelia, pemantau bagi memastikan urusan air yang dibekalkan mengikut kehendak masyarakat masa kini supaya air yang bersih dapat diberikan kepada rakyat terutama sampai di luar bandar.

Begitu juga, dengan pengurusan yang cekap ini agar dapat memberi perkhidmatan kepada masyarakat dan juga industri-industri yang ada. Dengan kata-kata ini Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya menjemput pihak kerajaan menjawab dan menggulung. Mengikut giliran ya, adakah Yang Berhormat hendak mula ataupun hendak.....

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad]: Saya hendak beri mukadimah sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

5.00 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat

yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan rang undang-undang ini. Saya dapati bahawa 17 orang Ahli Yang Berhormat telah berucap. Ini angka yang begitu menggalakkan berbanding dengan bilangan Ahli Yang Berhormat yang terdapat dalam Dewan ini tidak lebih daripada 60 orang. Semalam di Dewan Rakyat hanya 24 orang sahaja yang mengambil bahagian sedangkan bilangan Ahli Yang Berhormat di Dewan Rakyat adalah 219 orang. Jadi saya berasa bangga dan mengucapkan syabas kepada Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini kerana mengambil bahagian yang aktif.

Saya ingin memaklumkan bahawa penggulungan saya ini akan hanya merangkumi soalan undang-undang sahaja, Tuan Yang di-Pertua, mahkamah dan yang berkaitan dengannya. Penggulungan yang bersangkutan-paut dengan soalan yang menjuruskan kepada air dan pemeliharaan warisan akan dibuat oleh rakan saya iaitu Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi dan Setiausaha Parlimen kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan.

Jadi saya mohon izin untuk memulakan ucapan saya selepas kedua-dua rakan saya membuat jawapan kepada soalan-soalan yang dibangkitkan, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan.

5.02 ptg

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Dato' Wong Kam Hoong]: Tuan Yang di-Pertua, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dengan memberikan pandangan dalam membahaskan cadangan pindaan Rang Undang-undang Perlembagaan Persekutuan (Pindaan) 2004 berhubung dengan Senarai III bersama Item 9E iaitu pemeliharaan warisan, dengan izin *preservation of heritage*.

Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng telah membangkitkan mengenai Rang Undang-undang Akta Perancang Bandar dan Desa (Pindaan) 2003, Akta 172 yang pernah dibawa ke Dewan ini. Sukacita dimaklumkan bahawa rang undang-undang baru yang komprehensif tentang warisan akan digubal dan akan memasukkan beberapa peruntukan yang sebelum ini terdapat dalam rang undang-undang pindaan. Penggubalan rang undang-undang tersebut telah mengambil kira pandangan daripada beberapa pihak termasuk Jabatan Perancang Bandar dan Desa dan Jabatan Kerajaan Tempatan. Kementerian ini juga akan memohon peruntukan untuk meneruskan usaha-usaha pemeliharaan bangunan warisan seperti yang telah diperuntukkan sebelum ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Jins Shamsudin iaitu mengenai kebimbangan dan kemungkinan berlakunya bangunan warisan dirobohkan pada masa-masa akan datang seperti yang berlaku kepada bangunan Lapangan Terbang Antarabangsa Subang, dengan ini saya ingin menjelaskan bahawa dengan adanya rang undang-undang yang akan dibentangkan kelak, perkara-perkara ini tidak akan berlaku lagi. Beliau juga turut menyentuh mengenai dengan pentingnya ditubuhkan arkib filem memandangkan berlakunya filem-filem kita dibawa keluar.

Saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Jabatan Arkib Negara telah pun menyimpan filem-filem yang diperolehi dari Filem Negara, RTM dan pihak swasta. Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, peruntukan sebanyak RM25 juta ringgit telah pun dipohon untuk menubuhkan sebuah arkib filem. Mengenai dengan cadangan supaya pemuliharaan kebudayaan dan kesenian yang unik berbagai kaum diberi perhatian supaya tidak terhakis, sukacita saya menjelaskan bahawa kementerian saya telah melaksanakan berbagai aktiviti bagi memastikan seni budaya pelbagai kaum terpelihara dan didokumentasikan serta disamaratakan di semua peringkat melalui program merakyatkan seni.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Roslan Awang Chik juga menyatakan kebimbangan beliau mengenai warisan yang telah dirobohkan sewenang-wenangnya. Saya telah menjelaskan sebentar tadi bahawa dengan adanya Akta Warisan yang akan digubalkan nanti, perkara-perkara ini akan terkawal dan tidak berlaku lagi. Sungguh pun undang-undang ini penting untuk pengawalan tetapi sebenarnya kesedaran mengenai milik bersama dan rasa bertanggungjawab ke atas pengekaln warisan negara adalah juga memainkan peranan yang penting.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rashid Ngah, beliau bersetuju dengan cadangan pindaan yang menyentuh dengan warisan kerana dengannya negeri-negeri yang tidak mempunyai hasil yang banyak akan mendapat peruntukan dan kerjasama Persekutuan untuk memelihara aspek warisan.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian saya mengucapkan terima kasih di atas pandangan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rashid Ngah di atas pandangan beliau itu yang turut menyokong usul tersebut. Yang Berhormat Datuk Haji Karim Ghani pula bersetuju supaya bangunan warisan perlu dijaga supaya mempunyai identiti kita sendiri. Kita sepatutnya mempunyai lebih banyak bangunan warisan yang perlu dipelihara. Setakat ini kementerian saya telah mengenal pasti lebih kurang 25,000 bangunan warisan yang patut dikekalkan. Setakat ini sebanyak kira-kira 100 buah bangunan dan tapak tanah bersejarah

telah berjaya dibaik pulih mengikut piawaian antarabangsa. Perbelanjaan sebanyak RM205 juta ringgit telah diperuntukkan untuk tujuan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Lee Sing Chooi mencadangkan supaya budaya orang Asli, Siam, Portugis dan sebagainya untuk memperkayakan warisan kita. Saya mengucapkan terima kasih di atas pandangan tersebut. Berdasarkan kepada definisi warisan itu, kementerian saya telah pun mengambil kira mengenai perkara ini seterusnya melalui Jabatan Muzium dan Antikuiti yang pada masa ini dalam proses penubuhan Muzium Seni Kraf Orang Asli di Putrajaya.

Tuan Yang di-Pertua, turut membangkitkan mengenai dengan pemulihan budaya sebagai warisan adalah Yang Berhormat Dato' Hamzah bin Zainudin. Suka saya menjelaskan bahawa kementerian ini tidak mengabaikan pemeliharaan warisan kaum dan etnik minoriti di negara ini termasuklah warisan Baba Nyonya, Ceti, Portugis, Siam dan orang Asli. Pemeliharaan ini termasuk hal berkaitan dengan kesenian, adat resam, makanan dan sebagainya. Kementerian memastikan aktiviti yang dianjurkan akan mengandungi komponen pengisian dan penyertaan dari pelbagai kaum termasuk etnik ini. Begitu juga dengan permainan tradisional dan kesenian tradisional negeri seperti Kuda Kepang, Wayang Kulit dan kesenian-kesenian lain di setiap negeri tidak pernah dilupakan oleh kementerian untuk dipelihara supaya kesenian ini tidak pupus dan menjadi identiti negeri.

Yang Berhormat Datuk Hamzah juga menyentuh mengenai bahasa yang dipertuturkan di negeri-negeri turut di pertahankan sebagai warisan. Kementerian akan memberi perhatian kepada perkara ini supaya bahasa-bahasa loghat yang dipertuturkan di negeri-negeri adalah juga merupakan warisan yang akan dipelihara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Osman bin Bungsu juga menyatakan persetujuan beliau supaya melindungi warisan negara seperti bangunan lapangan terbang, begitu juga melindungi dan memelihara aspek budaya etnik dan mencadangkan supaya perayaan Orang Asli yang dinamakan sebagai "jikpai" disambut sebagai satu perayaan seperti perayaan lain yang termasuk dalam perayaan Rumah Terbuka Malaysia.

Persoalan yang dinyatakan oleh beliau telah saya jelaskan kerana ada persamaan yang dibuat oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat yang lain, melainkan cadangan beliau mengenai perayaan Orang Asli, saya rasa ini akan dihalusi oleh pihak kementerian saya. Di sini saya ingin menyampaikan kepada Yang Berhormat Senator Osman bin Bungsu iaitu etnik minoriti lain seperti keturunan Siam telah meminta peruntukan sedikit sebanyak untuk merayakan hari raya masing-masing dan ini adalah satu polisi kementerian saya, iaitu

membantu mereka kalau tidak ada satu rumah terbuka yang besar-besaran tetapi untuk merayakan mereka, kita akan memperuntukkan peruntukan untuk tujuan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang begitu prihatin tentang usaha-usaha memelihara warisan negara dan apa jua bentuk yang menyokong usaha ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri jawapan saya, izinkan saya menyampaikan serangkap pantun.

Pepohon nan tinggi lagi rendang

Di bawah insan sama bermesra

Adat pusaka kekal dipegang

Warisan tetap dipelihara

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tepat mewakili kementerian, terima kasih. Silakan, Yang Berhormat.

5.12 ptg.

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat, khususnya kepada 17 orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian membahaskan cadangan pindaan Perlembagaan Persekutuan yang menyentuh perkara berkaitan dengan pengurusan perkhidmatan air.

Perbahasan banyak menyentuh mengenai keperluan untuk membangunkan satu industri perkhidmatan air yang bukan sahaja perlu progresif dan mapan dalam jangka masa panjang dan berdaya maju, malahan industri yang mampu memenuhi kehendak semua pengguna domestik dan industri iaitu bekalan air yang bersih, selamat digunakan serta menawarkan harga atau tarif yang mampu dibayar.

Ramai Ahli Yang Berhormat juga turut membangkitkan keperluan untuk mewujudkan sebuah badan kawal selia perkhidmatan air yang berkesan dan profesional. Di samping itu, isu-isu lain yang berkaitan juga dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu kadar tarif air tidak terhasil (NRW), hutang kerajaan negeri, perlindungan kawasan tadahan dan penswastaan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini izinkan saya memberi penjelasan ke atas beberapa isu penting yang telah dibangkitkan sepanjang tempoh perbahasan. Saya akan cuba

menyimpulkan soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berdasarkan tajuk-tajuk yang dibahaskan.

Isu mengenai industri perkhidmatan air, model industri perkhidmatan air. Isu mengenai model atau struktur industri perkhidmatan air telah dibahaskan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat termasuk Senator Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi yang mencadangkan mengenai perlunya untuk membangunkan industri perkhidmatan air yang mantap dan mapan dan berdaya maju. Cadangan ini akan diberi pertimbangan sewajarnya dan kementerian akan memastikan struktur industri perkhidmatan air bukan sahaja akan berdaya maju serta mapan dalam jangka masa panjang, malahan ianya akan diurus secara *holistic*.

Pendekatan secara *holistic* bermaksud pihak industri atau operator digalakkan untuk terlibat dalam semua aktiviti atau aspek di keseluruhan rantai nilai, *value chain*, dengan izin, iaitu bermula daripada aspek rawatan, agihan dan hinggalah kepada pengeluaran bil. Penglibatan menyeluruh akan membolehkan berlakunya subsidi silang ataupun *cross subsidy*, dengan izin, antara satu aspek dengan aspek yang lain. Jika tidak akan berlaku sebagaimana sekarang ini di mana satu pihak akan memperolehi untung yang lumayan sementara pihak yang lain terpaksa menanggung kerugian. Cara ini juga akan membolehkan semua pihak berkongsi keuntungan dan sama-sama memikul tanggungjawab.

Isu mengenai peranan dan keahlian Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara atau dengan kata ringkasnya SPAN. Isu mengenai SPAN telah disentuh oleh ramai Ahli Yang Berhormat termasuk juga Senator Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad dan Senator Siti Zailah, saya ingin menjelaskan bahawa kewujudan sebuah badan kawal selia yang berkesan adalah penting bagi menjamin sebuah industri perkhidmatan air yang mapan dalam jangka masa yang panjang. Ini memandangkan rejim kawal selia di peringkat negeri pada masa ini bukan sahaja tidak seragam, malahan lemah dari segi penguatkuasaan dan kurang berkesan.

Dengan tertubuhnya Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) ini, fungsi kawal selia akan diperkuatkan di mana SPAN akan diuruskan secara profesional dan telus. Bagi mencapai hasrat ini bidang tugas SPAN akan mencakupi empat bidang kawal selia utama iaitu yang pertamanya dari segi ekonomi termasuk pelesenan, keduanya teknikal dan kualiti, ketiganya dari aspek pengguna termasuk penetapan tarif dan keempatnya dari segi sosial dan access ke luar bandar.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) ini bukanlah satu syarikat untuk menjalankan apa-apa aktiviti operasi rawatan atau bekalan, tetapi merupakan satu badan atau suruhanjaya yang akan mengawal selia

operator-operator bekalan air yang akan dilesenkan sama ada ianya sebuah syarikat, perbadanan ataupun pihak berkuasa. Di sini saya tegaskan sekali lagi bahawa SPAN tidak akan melibatkan diri mereka dalam perniagaan. Ia hanyalah merupakan satu badan *regulator*.

Kehadiran SPAN akan terdiri daripada mereka yang profesional, berpengalaman dan pakar dalam hal berkaitan air serta seboleh-bolehnya kita akan cari mereka yang berjiwa rakyat yang boleh menitikberatkan kepentingan orang ramai. Di samping itu kerajaan akan memastikan tenaga kerja yang mencukupi serta berkebolehan dalam SPAN bagi membolehkannya melaksanakan tugas *regulatory* dan penguatkuasaan dengan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan Perlembagaan Persekutuan ini juga jika diluluskan nanti akan memberi laluan kepada Kerajaan Persekutuan bagi menentukan dasar dan hala tuju industri perkhidmatan air negara. Bagi merealisasikan hasrat ini, dua rang undang-undang akan digubal iaitu Rang Undang-undang Industri Perkhidmatan Air dan Rang Undang-undang Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara. Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi bersama-sama dengan Jabatan Peguam Negara serta agensi lain berkenaan akan berusaha sedaya-upaya agar kedua rang undang-undang ini dapat dibentangkan untuk perbincangan Ahli-ahli Yang Berhormat pada sesi yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, isu mengenai tarif. Isu berkaitan dengan tarif juga mendapat perhatian yang begitu serius, hampir semua Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbincangan hari ini. Ingin saya terangkan bahawa perjanjian-perjanjian konsesi yang sedia ada pada hari ini memperuntukkan kenaikan tarif adalah secara automatik atau kerajaan perlu membayar pampasan kepada operator pembekal air sekiranya permohonan kenaikan tarif tidak dibenarkan oleh kerajaan.

Terma perjanjian seperti ini ternyata sangat merugikan dan membebankan kerajaan-kerajaan negeri. Senario atau beban yang sama dihadapi oleh operator pembekal air dalam kes pembelian air secara pukal daripada operator pengeluaran air di mana kadar pembelian air pukal ditetapkan dari awal dan dimasukkan dalam perjanjian konsesi. Bagi mengatasi masalah yang sama berulang kementerian akan memastikan supaya amalan seperti ini tidak akan diteruskan pada masa akan datang. Ahli-ahli Yang Berhormat, adalah juga agak sukar bagi kementerian ini untuk memberi jaminan bahawa tarif tidak akan dinaikkan selamanya.

Walau bagaimanapun atau namun demikian, di bawah struktur baru yang bakal dibentuk kerajaan melalui Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi akan memastikan agar kenaikan tarif adalah tidak secara automatik, tetapi akan mengikuti satu proses penilaian yang rapi

dan terbuka serta mengambil pandangan pelbagai pihak termasuk operator, pengguna dan kerajaan sendiri. Ini jaminan daripada kerajaan iaitu kalau dahulu sebagai mana yang dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat termasuk Senator Dato' Hamzah Zainudin tadi iaitu mengapakah kalau tidak boleh bayar, nanti kerajaan akan bayar.

Tetapi dengan adanya SPAN nanti kita akan mencadangkan bahawa untuk mendapatkan kenaikan mereka terlebih dahulu mesti menunjukkan dari segi efisiennya, mesti melalui penilaian bagaimana mereka menguruskan, dapatkah mereka menurunkan NRWnya dan melalui proses yang rapi. Malah pihak kerajaan boleh meminta mereka membuat *open book* untuk melihat sama ada syarikat ini mendapat keuntungan yang banyak dan sebagainya. Sekiranya keuntungan ini berlebihan, kerajaan tidak akan membenarkan mereka menaikkan tarif air.

Selain daripada itu, kerajaan akan memastikan bahawa sebarang permohonan semakan tarif akan tertakluk kepada beberapa faktor seperti perubahan dalam hasil, perbelanjaan modal, CAPEX yang dilaburkan, kos operasi, OPEX dan pematuhan kepada *performance standard* termasuk kadar pengurangan NRW.

Izinkan saya menjelaskan satu perkara atau konsep penting berkaitan tarif yang perlu kita jelaskan kepada orang ramai. Ada banyak pihak yang mengatakan bahawa air adalah percuma kerana ianya datang daripada langit. Jadi, mengapa air perlu dibayar atau perlu bayar tarif yang tinggi. Di sini ingin saya jelaskan dan tegaskan bahawa tarif yang dibayar bukannya membayar harga air tetapi ialah harga atau kos perkhidmatan yang bertujuan merawat air yang dibekalkan kepada orang ramai. Tanpa kos perkhidmatan maka air yang kita gunakan adalah tidak bersih dan selamat seperti menggunakan air hujan, perigi dan sungai secara percuma. Perkara inilah yang perlu dijelaskan kepada orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, isu mengenai NRW atau kadar air tidak terhasil. Sebagaimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Dr. S. Vijayarajam masalah kadar air tidak terhasil (NRW) adalah agak serius. Pada masa sekarang terdapat perbezaan NRW yang amat ketara di antara negeri iaitu yang paling rendah 20% di Pulau Pinang dan 74% di Sabah. Ini adalah data bagi tahun 2002. Keadaan seperti ini menyebabkan industri perkhidmatan air yang tidak menguntungkan. Terdapat dua punca utama terjadinya masalah NRW ini iaitu kehilangan secara fizikal dan kehilangan secara komersial.

Saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat tidak mahu melihat fenomena ini berterusan. Memandangkan kos untuk menangani isu-isu ini adalah tinggi, maka penglibatan Kerajaan Persekutuan dirasakan perlu untuk sama-sama memikul tanggungjawab ini. Justeru itu, pindaan perlembagaan yang kita bahaskan kali ini perlu untuk memberi laluan kepada

Kerajaan Persekutuan membuat perancangan untuk maksud mengatasi masalah NRW contohnya Kerajaan Persekutuan boleh menetapkan tahap NRW yang perlu diturunkan sebagai satu syarat prestasi syarikat sebelum boleh diberi pertimbangan untuk semakan tarif.

Tuan Yang di-Pertua, isu mengenai penswastaaan perkhidmatan bekalan air. Adalah tidak benar Kerajaan Persekutuan ingin menswastakan perkhidmatan air kepada satu syarikat sahaja seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Dr Haji Mohd. Fuad. Malahan syarikat-syarikat air sedia ada akan terus beroperasi apabila pihak Kerajaan Persekutuan mengambil alih pengurusan perkhidmatan air daripada kerajaan-kerajaan negeri. Walau bagaimanapun, syarikat-syarikat ini perlu dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Industri Air yang akan digubal kelak dan mematuhi syarat dan peraturan yang akan ditetapkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara.

Saya juga ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa terdapat beberapa penswastaaan perkhidmatan bekalan air pada masa sekarang yang tidak mapan, *sustainable* dengan izin, kerana bukan berpandukan kepada pendekatan secara positif seperti yang saya sebutkan tadi. Apabila struktur baru industri perkhidmatan air diwujudkan, Kerajaan Persekutuan akan berusaha untuk berbincang dengan syarikat pemegang konsesi bagi mencari jalan penyelesaian demi kebaikan kedua-dua pihak. Pihak kementerian ini ingin memberi jaminan bahawa kepentingan pengguna akan diutamakan pada setiap masa. Pada masa yang sama adalah penting untuk operator pengeluar air membuat keuntungan yang munasabah supaya mereka berupaya untuk melabur semula dalam industri ini untuk pembangunan yang berkesan dan berterusan.

Tuan Yang di-Pertua, hutang tertunggak kerajaan negeri - Ahli-ahli Yang Berhormat juga membangkitkan perkara berkaitan hutang tertunggak kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan yang pada masa ini berjumlah kira-kira RM7.5 bilion. Saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa kos CAPEX untuk kerja-kerja pembinaan infrastruktur air adalah tinggi. Di samping itu, operator pengeluar air juga terpaksa menanggung kos pinjaman bank yang tinggi. Memandangkan jangka masa bayaran balik yang singkat dengan kadar faedah yang tinggi.

Keadaan ini diburukkan lagi di mana kenaikan tarif dikawal - CAPPED, dan tertakluk kepada kelulusan kerajaan. Sebagai penyelesaian, *model public private partnership* boleh dijadikan panduan bagi tujuan pembiayaan. Melalui model ini kerajaan boleh mendapat manfaat daripada kekuatan sektor awam dari segi mendapatkan pembiayaan yang murah.

Model ini juga akan menggabungkan kepakaran dan keberkesanan sektor swasta dalam aspek pengurusan dengan disokong oleh satu rejim kawal selia yang mantap dan efektif.

Kementerian percaya, hala cara ini boleh dijadikan asas untuk kerajaan menimbang cara-cara bagi mengatasi keperluan pembiayaan CAPEX yang tinggi di samping dapat mengatasi masalah hutang tertunggak, hutang kerajaan negeri. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sehingga kini Kerajaan Persekutuan belum mengambil sebarang aset daripada kerajaan negeri dan oleh itu isu pampasan tidaklah berbangkit.

Tuan Yang di-Pertua, kawalan kawasan tadahan - Beberapa Ahli Yang Berhormat telah menyentuh mengenai perlunya usaha dibuat untuk memelihara kawasan tadahan air dan mencadangkan supaya Kerajaan Persekutuan memberi bantuan kepada pihak kerajaan negeri bagi memastikan sumber air mentah mencukupi dan terpelihara. Cadangan ini akan diberi pertimbangan sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, isu mengenai kedudukan Sabah dan Sarawak - Keputusan mengecualikan Sabah dan Sarawak daripada perlembagaan kali ini dibuat oleh Majlis Sumber Air Negara dalam mesyuaratnya pada 29 Julai tahun 2003 atas permintaan kedua-dua kerajaan negeri. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna Kerajaan Persekutuan mengabaikan masalah bekalan air di kedua-dua negeri tersebut. Pada masa ini Kerajaan Persekutuan memang sedang berusaha membantu khususnya Kerajaan Negeri Sabah termasuk memberi bantuan kewangan bagi melaksanakan beberapa projek bekalan air. Kementerian ini juga sedang dalam proses membantu Kerajaan Negeri Sabah untuk menubuhkan sebuah badan kawal selia khusus untuk Sabah iaitu Suruhanjaya Perkhidmatan Air Sabah ataupun SPAS.

Isu bekalan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang - Mengenai kedudukan PBA di Pulau Pinang sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Chin Fook menyeleweng, PBA akan diletakkan di bawah kawal selia SPAN apabila SPAN ditubuhkan kelak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sungguhpun PBA pada masa ini merupakan sebuah syarikat air yang efisien berbanding syarikat-syarikat air negeri-negeri lain, dalam jangka masa panjang, ia masih memerlukan peruntukan yang besar untuk menampung perbelanjaan CAPEX dan ini akan memberi tekanan kepada kerajaan negeri untuk menaikkan tarif. Oleh itu, satu model pembiayaan yang mapan perlu diwujudkan untuk PBA dan model sedemikian akan diperkenalkan di bawah SPAN kelak.

Isu mengenai perjanjian air antara Johor dan Singapura – Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad bin Haji Ahmad ada menyentuh mengenai Perjanjian Air antara Johor

dan Singapura. Memadailah sekiranya saya menjawab dengan mengatakan bahawa perkara ini di bawah bidang kuasa Kementerian Luar Negeri kerana ianya melibatkan isu hubungan dua hala. Bagi pertanyaan-pertanyaan lain yang tidak sempat saya jawab, segala pandangan yang diberikan akan diberikan pertimbangan sewajarnya semasa kementerian menggubal dua rang undang-undang yang telah saya sebutkan tadi.

Saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan-pandangan yang bernas dan berguna kepada kementerian ini dalam usaha kami menggubal kedua-dua akta yang disebutkan di atas. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat.

5.31 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad]:

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang telah saya maklumkan awal tadi, saya akan menumpukan jawapan saya kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan undang-undang dan mahkamah serta perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Walaupun saya yang mengemukakan rang undang-undang ini, tetapi nampaknya tidak begitu ramai Ahli Yang Berhormat yang menumpukan perhatian tentang undang-undang. Kebanyakan mereka berbahas tentang air. Oleh kerana itu, saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk menerangkan sedikit sebanyak tentang Perlembagaan kita kerana ini merupakan tajuk utama iaitu dokumen yang kita hendak pinda pada hari ini.

Perlembagaan kita yang digubal pada tahun 1956 dan berkuat kuasa apabila kita mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 mengandungi pelbagai perkara berkenaan dengan agama, berkenaan dengan pemerintahan beraja, hak-hak asasi rakyat, kewarganegaraan, kehakiman, bahasa kebangsaan, kedudukan istimewa orang Melayu dan kaum peribumi negeri Sabah dan Sarawak.

Selain daripada itu, Perlembagaan kita juga menyentuh tentang sistem kerajaan dan perhubungan antara Persekutuan dengan negeri. Skop kuasa pemerintahan ataupun perundangan Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri ditetapkan di dalam Perlembagaan kita di bawah Perkara 74. Jadi saya berharap Ahli Yang Berhormat semua akan ingat angka 74. Ini menetapkan bahawa kuasa ini dibahagi kepada tiga senarai. Senarai Pertama dipanggil Senarai Persekutuan, Senarai Kedua dipanggil Senarai Negeri dan Senarai Ketiga dipanggil Senarai Bersama.

Ini semua dinyatakan secara terperinci di dalam Buku Perlembagaan kita dalam jadual yang dipanggil Jadual Kesembilan. Apa-apa perkara yang tidak disebut dalam

Senarai Satu ataupun Senarai Dua tadi ataupun Senarai Tiga dianggap termasuk di bawah Perkara Negeri sebab Perlembagaan kita, Perkara 77 menyatakan sedemikian rupa. Apa-apa perkara yang tidak termasuk dalam mana-mana senarai, dianggap secara automatiknya terletak di bawah Senarai Negeri.

Jadi ini merupakan kuasa baki yang hanya Dewan Undangan Negeri boleh membuat undang-undang. Menurut Perkara 74 yang saya sebutkan tadi, Fasal 1 – Ia menyatakan bahawa Parlimen boleh membuat undang-undang mengenai apa-apa perkara dalam Senarai Persekutuan dan Senarai Bersama. Fasal 2 menyatakan bahawa Dewan Undangan Negeri hanya yang boleh membuat undang-undang mengenai apa-apa perkara yang disebut dalam Senarai Kedua – Senarai Negeri dan Senarai Bersama. Bermakna Senarai Bersama dikongsi oleh Kerajaan Persekutuan dengan kerajaan negeri.

Rang undang-undang yang kita kemukakan ini adalah untuk meminda tiga perkara;

- (i) berkaitan dengan umur persaraan wajib hakim;
- (ii) berkenaan dengan perkhidmatan air;
- (iii) berkenaan dengan warisan.

Air diletakkan di bawah Senarai Dua – Senarai Negeri tadi. Warisan tidak diletakkan di mana-mana senarai. Maka mengikut Perkara 77 yang saya sebutkan tadi dianggap terletak di bawah Senarai Negeri ataupun bidang kuasa negeri. Tujuan kita bawa undang-undang ini untuk mengubah perkhidmatan air tadi itu daripada Senarai Dua – Negeri dan warisan yang terletak mengikut Perkara 77 di bawah kuasa negeri kepada Senarai Bersama di mana jikalau diluluskan bahawa Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri bersama-sama boleh membuat undang-undang berkaitan dengan perkhidmatan air dan juga berkaitan dengan warisan. Itu dia prinsipnya. Tidak timbul soal Kerajaan Persekutuan hendak ambil kuasa sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Siti Zailah bahawa kononnya Kerajaan Persekutuan menggunakan kuasa.

Menurut Perkara 76 – ini satu perkara lagi. 74 tadi kita tahu, sekarang 76. Perkara 76 adalah satu perkara yang kita boleh anggap sebagai memberi pengecualian kepada Perkara 74 tadi. Perkara 74 mengatakan bahawa hak kepunyaan negeri, negeri buat undang-undang. Hak Persekutuan, Persekutuan buat undang-undang, hak yang Bersama, dua-dua boleh buat. Perkara 76 diberi pengecualian kepada 74 tadi iaitu ia mengatakan Parlimen boleh membuat undang-undang mengenai apa-apa perkara yang disebut dalam Senarai Negeri hanya untuk tiga tujuan sahaja;

- (i) untuk melaksanakan apa-apa *treaty*, perjanjian atau konvensyen antara Persekutuan dengan negara lain yang melibatkan perkara-perkara dalam Senarai Negeri, boleh buat;
- (ii) untuk maksud menggalakkan keseragaman undang-undang antara dua negeri atau lebih;
- (iii) jika diminta berbuat demikian oleh Dewan Undangan mana-mana negeri.

Inilah perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri tadi yang menyatakan sepatutnya Kerajaan Persekutuan membawa atau membuat undang-undang mengikut Perkara 76 tadi. Itu membuat undang-undang, ini bezanya. Membuat undang-undang yang berkaitan dengan kuasa negeri diberi hak oleh Perlembagaan kepada Parlimen di bawah Perkara 76, itu memang betul. Tetapi apa yang kita hendak buat hari ini ialah bukan hendak membuat undang-undang, kita hendak meminda Perlembagaan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya cuba memahami hujah Yang Berhormat, kalau boleh Yang Berhormat menjelaskan. Yang Berhormat berucap mengenai pertamanya kuasa Parlimen membuat undang-undang mengenai perkara. Kedua, kuasa Parlimen membuat undang-undang mengenai undang-undang.

Dato' Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad: Tidak.

Tuan Yang di-Pertua: Maka soalnya khusus adakah Parlimen berkuasa meminda Jadual Kesembilan, sudah tentu jawapannya ya, sebab itu rang undang-undang inii dibentangkan kerana difikirkan Parlimen berkuasa meminda Jadual Kesembilan iaitu menjalankan fungsi di bawah kuasa Parlimen membuat undang-undang mengenai undang-undang.

Dato' Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad: Betul Tuan Yang di-Pertua. Jadi rang undang-undang ini dibawa kepada kedua-dua Dewan untuk meminda Perlembagaan ini, bukan untuk membuat undang-undang. Jikalau kita ikut apa yang disebut Yang Berhormat Hassan bin Shukri tadi perkara ini boleh dibawa dan dibuat melalui Perkara 76. Saya ingin menjelaskan di sini bahawa kita biasa buat Perkara 76, bila kita buat? Pada tahun 1984 masalah perhutanan adalah di bawah bidang kuasa negeri sehingga sekarang. Oleh kerana kita hendak menyeragamkan undang-undang Perhutanan seluruh negara maka kita bawa dalam kedua-dua Dewan, satu undang-undang melalui Perkara 76 tadi. Perkara 76(2), pertama, buat *treaty*, kedua penyeragaman, dan ketiga kena dapat permohonan dari Dewan Undangan Negeri. Oleh kerana kita hendak menyeragamkan masalah perhutanan pada tahun 1984 maka kita memperkenalkan satu rang undang-undang di bawah Perkara 76. Tetapi ...

Tuan Hassan bin Shukri: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat. Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Hassan bin Shukri: Apa yang saya bangkitkan tadi mengikut Perkara 76(2) ini saya bangkitkan adakah Parlimen tidak boleh membuat undang-undang berkenaan pengurusan air, satu undang-undang mengenai pengurusan air tanpa meminda Perlembagaan seperti yang disebut oleh Yang Berhormat yang telah dibuat kepada Akta Hutan. Jadi kenapa mengenai air yang kita ambil pengurusannya sahaja bukan air mentahnya, kenapa itu tidak dibuat undang-undang tidak payah kita meminda Perlembagaan. Itu persoalan yang saya kemukakan.

Apakah tidak boleh Parlimen membuat undang-undang tanpa meminda Perlembagaan. Itu yang saya minta kalau tidak boleh langsung barulah kita pinda, tetapi kalau ada jalan masih dibenarkan oleh Perlembagaan mengapa kita tidak mengambil jalan itu supaya tidak akan timbul persoalan-persoalan di peringkat negeri. Itu yang saya persoalkan. Memang sekarang tidak timbul lagi mungkin nanti waktu hendak pelaksanaan akan timbul persoalan-persoalan peringkat negeri. Kalau kita buat undang-undang, Akta itu diluluskan di Dewan Rakyat dan juga di Dewan Negara maka ia boleh berjalan selaras dengan negeri-negeri. Itu yang saya maksudkan kalau tidak boleh tidak apalah kena pindalah. Terima kasih.

Dato' Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat. Soalan yang ditanya kenapa kita tidak buat undang-undang serupa macam undang-undang yang berkaitan dengan perhutanan yang kita buat pada tahun 1984. Saya ingin menjelaskan di sini bahawa mengikut peraturan Perlembagaan kita yang memberi kuasa tadi di bawah Peraturan 76(1), (2), (3) Parlimen boleh membuat undang-undang yang berkaitan dengan kuasa negeri. Fasal 76(3) menyebut "bahawa jika dibuat undang-undang sedemikian rupa dan diluluskan maka undang-undang itu akan menjadi undang-undang negeri."

Saya ulangi sekali lagi. Fasal 76(3) juga menyebutkan bahawa jika undang-undang sedemikian rupa dibuat, *treaty* kah, penyeragaman kah, macam perhutanan tadi ataupun yang diminta oleh Dewan Undangan Negeri. Jika undang-undang sedemikian dibuat dan diluluskan maka undang-undang itu secara automatik menjadi undang-undang negeri dan hanya boleh ditadbirkan dan dikuatkuasakan oleh negeri masing-masing seperti Akta Perhutanan Negara sekarang. Jadi kalau kita buat undang-undang berkaitan dengan air tadi melalui Perkara 76(2) mengikut Perkara 76 (3) ia automatik berbalik kepada negeri, *back to square one*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, jadi Kerajaan Persekutuan tidak mempunyai kuasa di atas perkhidmatan air ini. Itulah sebabnya maka kita membawa di bawah Perkara 159. Perlembagaan kita bila digubal oleh *Lord Reed* dengan Pesuruhjayanya dibantu oleh pemimpin-pemimpin negara kita ketika itu, memberi imput supaya mewujudkan satu Perlembagaan negara kita. Bijak, kerana mereka tahu bahawa Perlembagaan ini tidak boleh kekal selama-lamanya. Ia mesti boleh diubah, mesti boleh dipinda maka dimasukkan peraturan bagaimana Perlembagaan ini boleh dipinda.

Disebut terang-terang dalam Perkara 159. Perlembagaan ini boleh dipinda hanya dengan empat cara sahaja disebut Perlembagaan ini boleh dipinda. Maaf pada tahun 1957 hanya tiga perkara sahaja boleh dipinda. Nombor satu dengan mendapat undi yang mudah daripada kedua-dua Dewan, *simple majority* tidak perlu mendapat undi dua pertiga kah, tidak perlu hanya *simple majority* dengan izin. Apabila kita hendak pinda perkara-perkara yang berkaitan dengan format angkat sumpah, dia ada format angkat sumpah. Semua ini dimaktubkan dalam Perlembagaan kita. Ahli-ahli Yang Berhormat mengangkat sumpah jawatan, hakim-hakim mengangkat sumpah jawatan, semua ini dimaktubkan dalam Perlembagaan kita. Kalau kita hendak pinda itu, tidak perlu dua per tiga majoriti, hanya majoriti yang mudah sahaja.

Yang kedua, berkaitan dengan keahlian Dewan Negara sahaja, bukan Dewan Rakyat. Dewan Negara ini, keahliannya cara mana pelantikan ahli-ahli Dewan Negara. Cara-cara itu boleh dipinda, hanya melalui majoriti yang *simple* sahaja. Itu nombor satu disebut. Lain perkara tidak boleh dipinda dengan majoriti yang *simple*, satu.

Ketiga, perkara-perkara yang mesti mendapat persetujuan kedua-dua Dewan dan kelebihan undi dua pertiga dan persetujuan Majlis Raja-Raja. Itu yang keduanya, mustahak. Apa yang dia mesti mendapat persetujuan Majlis Raja-Raja. Dia sebut satu persatu. Perkara 38 berkaitan dengan Majlis Raja-Raja itu sendiri, komposisi Majlis Raja-Raja itu. Kedudukan Raja-Raja, itu disebut. Perkara 70 berkaitan dengan kedudukan *seniority* Raja-raja, Agong, siapa jadi *seniority* Raja-raja itu tidak boleh diubah dan tidak boleh dipinda melainkan persetujuan Majlis Raja-raja.

Perkara 71 para 1 yang memberi jaminan kepada Raja-Raja menaiki takhta kerajaan negeri jaminan oleh kerajaan Pusat, tidak boleh dipinda. Selepas itu Perkara 152 berkaitan dengan bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan, itu termaktub dalam Perlembagaan tidak boleh dipinda melainkan dengan persetujuan Majlis Raja-raja dan akhir sekali perkara 153 iaitu kedudukan istimewa orang Melayu dan anak bumi Sabah dan Sarawak. Itu juga

tidak boleh dipinda melainkan mendapat persetujuan Majlis Raja-raja. Itu lima yang disebut dalam kitab negara kita ini. Itu cara yang kedua.

Cara yang ketiga, dia boleh pinda mana-mana peruntukan asalkan mendapat persetujuan daripada kedua-dua Dewan dengan 2/3 undi.

Pada tahun 1963, apabila Singapura, Sarawak dan Sabah hendak memasuki sebagai ahli Malaysia, Kerajaan Negeri Kelantan membuat bantahan.

Datuk Haji Karim bin Ghani: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan sedikit. Tadi Yang Berhormat mengatakan apabila Sabah dan Sarawak hendak memasuki Malaysia, bukankah perkataan yang sebenarnya “hendak sama-sama membentuk Malaysia” bukannya “hendak memasuki”. Terima kasih.

Dato' Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad: Hendak memasuki satu pertubuhan yang dinamakan Malaysia bersama-sama dengan Singapura pada ketika itu, maka bantahan telah diterima melalui mahkamah oleh Kerajaan Negeri Kelantan. Kononnya Kelantan tidak dirujuk lebih dahulu dan perkara ini tidak dibawa ke dalam Majlis Raja Raja.

Dalam Perlembagaan ini disebut bahawa jika timbul pertikaian di antara kuasa Parlimen dan kuasa negeri yang membuat undang-undang, siapa yang hendak menjadi hakimnya? Disebut di sini bahawa Mahkamah Persekutuan sahaja yang boleh membuat keputusan. Maka, Mahkamah Persekutuan pada tahun 1963 membuat keputusan dalam kes yang saya sebutkan tadi.

Dengan izin, saya hendak merujuk kepada kes itu iaitu kes, dengan izin, *The Government of the State of Kelantan* melawan *The Government of The Federation of Malaya and Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj* di mana hakim itu memutuskan. Saya baca dalam bahasa Inggerisnya, dengan izin:

“The Malaysia agreement was signed for The Federation of Malaya by The Prime Minister, Deputy Prime Minister and four members in the Cabinet. This was in compliance with Article 39 and 81 of the Constitution and there is nothing whatsoever in the Constitution requiring consultation with any State Government or The Ruler of any state”

Itu keputusan Mahkamah Persekutuan bahawa ia tidak ada peraturan dalam Perlembagaan yang menyatakan perkara ini perlu dirujuk kepada kerajaan negeri ataupun Majlis Raja-Raja. Sebab kalau kita balik rujuk kepada perkara yang saya sebutkan tadi iaitu 159. 159 termaktub perkara-perkara yang kelima yang saya sebutkan tadi, yang mesti dirujuk kepada Majlis Raja-Raja, selain daripada itu tidak perlu dirujuk kepada Majlis Raja-Raja.

Dalam perkara yang kita bincangkan ini, memang tidak perlu dirujuk kepada Majlis Raja-Raja. Tetapi adakah kita perlu merujuk kepada kerajaan-kerajaan negeri? Tidak perlu juga. Walau bagaimanapun, kita prihatin dan kita mengambil kesempatan merujuk dan berbincang dengan kerajaan-kerajaan negeri.

Pada 29 Julai 2003 yang diadakan satu mesyuarat dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ketika itu, Tun Dr. Mahathir yang dihadiri oleh semua Menteri-menteri Besar, Menteri-menteri Kabinet kecuali negeri Selangor yang diwakili oleh Setiausaha Kerajaan Negeri. Negeri Kelantan, Terengganu, Sarawak dan Sabah diwakili oleh EXCO masing-masing. Turut hadir ialah Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri dan pegawai-pegawai kanan persekutuan negeri berbincang hal ini, berbincang masalah perkhidmatan air di peringkat negeri, berbincang masalah hutang yang begitu banyak dan perkhidmatan yang tidak begitu memuaskan.

Pada 13 Julai 2004 telah juga diadakan mesyuarat bersama-sama dengan Menteri-menteri Besar, Ketua-ketua Menteri yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekali lagi pula, Perdana Menteri yang baru dan semua Menteri Besar kecuali Menteri Besar Kelantan yang tidak hadir. Semua Ketua Setiausaha Kementerian hadir, semua Setiausaha Kerajaan Negeri hadir kecuali Kelantan dan Ketua-ketua Jabatan Persekutuan termasuk Sabah dan Sarawak hadir.

Pada 9 Oktober 2004 diadakan pula mesyuarat di Jabatan Peguam Negara di mana Tan Sri Peguam Negara memanggil semua Penasihat Undang-undang Negeri berbincang berkaitan dengan perundangan, undang-undang yang berkaitan dengan pindaan ini.

Pada 22 September 2004 sehingga 20 Oktober 2004, lama tu! Telah diadakan lawatan oleh pegawai-pegawai daripada Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi ke negeri-negeri. *Road show* dibuat ke negeri-negeri iaitu ke Pulau Pinang, Kedah, Perlis, Kelantan, Terengganu, Pahang, Perak, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Wilayah Persekutuan, Labuan dan Selangor - dibuat *road show* membincangkan perkara ini, yang sebenarnya tidak perlu tetapi di bincang.

Pada 6 Disember 2004 di adakan mesyuarat di Jabatan Perdana Menteri dengan negeri-negeri yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara diwakili oleh kementerian, Setiausaha Kerajaan Negeri atau wakil-wakil masing-masing, Penasihat Undang-Undang dan wakil masing-masing dan juru perunding. Jadi, perkara ini di bincang dan dipersetujui. Pada tahun 1963 selepas tertubuhnya Malaysia, maka Perlembagaan ini juga dipinda, dimasukkan Perkara 161(E) yang menyatakan, bahawa apa-apa pindaan yang berkaitan

dengan Negeri Sabah dan Sarawak mesti mendapat persetujuan Tuan Yang Terutama Negeri Sabah dan Sarawak. Itu satu perkara baru yang dimasukkan selepas tahun 1963.

Apabila kita hendak meminda, ingat yang saya sebutkan tadi? Air di bawah senarai negeri, warisan di bawah tidak ada senarai, dianggap sebagai senarai negeri. Jadi, apabila kita hendak pinda warisan masuk kepada Senarai Bersama, kita rujuklah kepada Tuan Yang Terutama Negeri Sabah dan Sarawak. Kerana itulah kita mendapat surat persetujuan daripada beliau bukan kita rujuk kepada kedua-dua Tuan Yang Terutama Negeri tadi untuk mendapat persetujuan berkenaan dengan air. Mana kita tahu air kita kekalkan dalam kuasa negeri Sabah dan Sarawak, hanya perkara-perkara yang berkaitan dengan warisan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap semua faham bahawa inilah cara yang terbaiknya Kerajaan Persekutuan mengambil langkah untuk meminda Perlembagaan itu bukan membuat undang-undang mengikut Perkara 76 tadi itu.

Tuan Yang di-Pertua: Meminda Perlembagaan khususnya Jadual Kesembilan.

Dato' Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad: Yes, meminda Perlembagaan mengikut Perkara 159. Apa yang kita hendak pinda? Jadual Kesembilan tadi.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan di sini selepas kita mendengar sejelas-jelasnya oleh Yang Berhormat Menteri tentang undang-undang yang ada dalam Perlembagaan kita itu. Hari ini saya baca dalam surat khabar, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan ada mengatakan bahawa Kerajaan Negeri Kelantan tidak akan bersetuju dengan perubahan Perlembagaan yang kita hendak bawa hari ini.

Jadi, persoalannya sekarang ini, dia mengelirukan rakyat. Kalaulah kita sendiri dalam Dewan ini pun tidak faham, sudah tentulah rakyat juga menganggap bahawa ini ada *political agenda* di sebalik apa yang kita hendak buat. Jadi, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat mengenai perkara tersebut.

Dato' Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat. Saya pun terbaca juga surat khabar pagi tadi yang menyatakan bahawa Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan ada mengeluarkan kenyataan yang kononnya Kerajaan Negeri Kelantan tidak sepatutnyalah dikatakan begitu, tidak sepatutnya dimasukkan bersama-sama dengan negeri lain menyerah kuasa pentadbiran air mereka kepada Kerajaan Pusat.

Walau bagaimanapun, dia menyebut perkara ini akan diluluskan. Apa boleh buat, dia begitulah lebih kurang. Saya ingin menjelaskan di sini selepas diluluskan undang-undang itu dan mendapat persetujuan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan

Agong dan digezet dia akan menjadi undang-undang. Bermakna semua negeri di Semenanjung Malaysia tertakluk kepada undang-undang itu.

Walau bagaimanapun, ini yang saya katakan kebijaksanaan perlembagaan ini. Walau bagaimanapun, perlembagaan sebut bahawa apa-apa perkara dalam Senarai Bersama tadi itu apabila kita sudah bersetuju bermakna bekalan air dan seterusnya warisan akan dimasukkan dalam Senarai Bersama tadi itu. Perlembagaan ini menyebutkan apa perkara yang tercatat dalam Senarai Bersama itu mesti dirunding bersama sebelum apa-apa undang-undang dibuat.

Itu dia maksudnya itu. Kalau dibawa undang-undang di Dewan yang mulia ini, dia mesti mendapat persetujuan daripada Dewan Undangan Negeri Dahulu. Jika tidak, mesti ada *lapse* dengan izin Tuan Yang di-Pertua selama empat minggu, barulah undang-undang itu boleh dibentangkan dalam mana-mana Dewan. Ada dia punya *clause* dia yang memberi *breathing space* dengan izin kepada kerajaan-kerajaan negeri membuat bantahan dan seterusnya. Inilah kebijaksanaan perlembagaan kita.

Dengan pindaan ini tidak bermakna Kerajaan Pusat mengambil kuasa terus, esok terus buat undang-undang tidak boleh. Kerajaan Persekutuan tidak pernah pun buat sedemikian rupa. Kita tahu semenjak kita mencapai kemerdekaan, kita menguasai 2/3 tiap-tiap kali pilihan raya. Kenapa, kerana rakyat bersetuju bahawa Kerajaan Barisan Nasional adil. Sebab itu dibagi kepercayaan sehingga 2/3.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Banyak menyentuh tentang Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN). Adakah apabila undang-undang ini nanti dibawa ke Dewan Rakyat kemudian dibawa ke Dewan Negara, apakah ia perlu juga dibawa ke dalam Dewan Undangan Negeri, diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri atau secara rundingan sahaja, maknanya negeri bersetuju kemudian kerana undang-undang ini ada kaitan dengan hal ehwal air dan apa-apa yang ada kaitan, adakah ini menjadi seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Maknanya kena bawa ke negeri dahulu. Saya mohon penjelasan.

Dato' Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad: Bukan maksud saya bawa kepada negeri undang-undang ini yang kita akan luluskan, insya-Allah. Apabila undang-undang ini terulus dan mendapat persetujuan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan digazetkan dan menjadi undang-undang. Maka seluruh negeri di Semenanjung Malaysia tertakluk kepada undang-undang itu. Maka dengan lain-lain perkataan warisan itu akan menjadi kuasa bersamalah, perkhidmatan air itu akan menjadi kuasa bersamalah.

Jika Parlimen, macam hendak keluarkan SPAN umpamanya, Parlimen hendak mewujudkan undang-undang SPAN umpamanya, semalam Yang Berhormat Menteri telah memberi penjelasan menyatakan bahawa sebelum kita mewujudkan undang-undang ini kita akan buat perundingan, runding di semua negeri, bukan SPAN hendak menjadi *spend* terus begitu sahaja. Dia akan dibawa berunding bersama-sama dengan semua negeri sebab inilah dia punya spirit, orang kata apa kerjasama kerana dalam dia punya Senarai Bersama.

Insyallah benda ini akan dibawa dan jika diluluskan oleh Kabinet, saya dimaklumkan jika diluluskan, mungkin satu Jawatankuasa Pilihan Khas akan ditubuhkan oleh Parlimen untuk menjelajah di seluruh negara untuk mendapatkan pandangan dan pendapat daripada orang ramai berkenaan dengan SPAN tadi. Bukan ini undang-undang perlu diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri. Tidak perlu lagi.

Walau bagaimanapun, masalah air kita tahu masalah air ialah masalah negara. Keperluan asas, manusia sekarang ini pandai, boleh reka macam-macam tetapi dia tidak boleh reka air. Itu pemberian Allah S.W.T.

Tuan Lee Sing Chooi: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan. Yang tadi itu kongsi kuasa di dalam Senarai Bersama ini di dalam Jadual kesembilan. Dalam Jadual Kesepuluh di mana hasil itu sudah tidak berada di negeri sudah diberikan kepada Kerajaan Pusat. Itu adalah perbezaannya. Ada kuasa tetapi hasilnya diberikan kepada Kerajaan Pusat.

Dato' Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad: Menjawab soalan Yang Berhormat, memang benar apabila kita pinda perlembagaan itu, sebagaimana saya telah terangkan dalam ucapan saya awal tadi apabila saya mengemukakan rang undang-undang itu bahawa hasil daripada perkhidmatan air itu akan tidak lagi dipulangkan kepada negeri bahkan akan dipulangkan kepada Kerajaan Persekutuan.

Ada Ahli Yang Berhormat daripada Dewan Rakyat yang membangkitkan tentang adakah *compensation* ataupun ganti rugi diberikan kepada kerajaan negeri-negeri semuanya akan dibincangkan oleh Kerajaan Pusat dengan kerajaan negeri sebab ini bersama. Berbalik kepada tajuk air tadi itu yang dikurniakan oleh Allah S.W.T.

Di Kelantan pun air turun juga. Tetapi macam negeri lain pun dia terhutang kepada Kerajaan Pusat kerana hendak mengendalikan urusan air itu. Di Kelantan kita luluskan pinjaman sebanyak RM600 juta. Dia telah menggunakan lebih sedikit daripada RM300 juta untuk hendak mengendalikan proses hendak membuat rawatan air dan seterusnya. Negeri-negeri lain pun terhutang juga. Kerajaan Persekutuan berpendapat kalau dibiarkan perkara

ini berlarutan begini, hutang itu akan meningkat, perkhidmatan akan turun, kualiti air juga akan turun, semua akan susah. Yang susahnyalah rakyat yang susah.

Oleh kerana itulah Kerajaan Persekutuan prihatin bahawa Kerajaan Persekutuan sanggup menerima beban ini supaya kesudahannya apabila ditubuhkan badan-badan yang tertentu untuk hendak mengawalseliakan masalah perkhidmatan air dan seterusnya absolve mungkin dengan izin Tuan Yang di-Pertua hutang-hutang daripada kerajaan negeri, cara-cara dia akan buat kemudian hari supaya kesudahan rakyat jelata insya-Allah akan mendapat air yang bersih dan perkhidmatan yang baik. Itu sahaja kita punya tujuan untuk hendak meminda perlembagaan ini.

Saya hendak pergi sedikit sahaja berbincang berkenaan dengan hakim tadi itu. Saya sebut tadi hakim, jawatan hakim termaktub dalam perlembagaan kita. Tidak serupa dengan Jabatan Perkhidmatan Awam. Jabatan Hakim memang jabatan yang khusus disebut dalam perlembagaan kita. Pelantikan hakim pun disebut di sini. Masalah hakim dibangkitkan oleh beberapa Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Puan Siti Zailah, Yang Berhormat Datuk Haji Karim Ghani yang menyebut mungkin hakim umurnya lebih sedikit takut nyanyuk dan seterusnya, Yang Berhormat Dato' Dr. S. Vijayarajam, Datuk Lee Sing Chooi, Datuk Hamzah Zainudin juga tentang umur hakim tadi itu, kriterianya dan seterusnya dan Yang Berhormat Osman Bungsu yang tidak bersetuju dengan kenaikan umur persaraan hakim tadi itu.

Untuk makluman Yang Berhormat sekalian, pelantikan hakim dimaktub di dalam perlembagaan ini sebagai perkara 122B menyatakan bahawa hanya Yang di-Pertuan Agong sahaja yang boleh melantik hakim-hakim, baik Hakim Mahkamah Tinggi ataupun Hakim Mahkamah Rayuan ataupun hakim di mahkamah yang tertinggi sekali itu iaitu Hakim Mahkamah Persekutuan atas nasihat Perdana Menteri selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja. Itu *special*nya itu kedudukan hakim.

Dalam negara kita pun tidak begitu ramai hakim, tidak sampai 10 orang. Jadi orangnya *special* sebab hakim-hakim merupakan insan yang begitu berpengalaman dalam bidang undang-undang sebab itulah kita bersetuju agar tarikh ataupun umur persaraan wajib mereka itu dinaikkan daripada 65 kepada umur 66, bukan seperti mana yang telah disuarakan oleh Yang Berhormat Dato' Hamzah Zainudin itu kerana hendak mengikuti kenaikan persaraan umur pegawai-pegawai awam, tidak, sebagai asas sahaja. Apabila dia naik pegawai awam jadi kita pun cadangkan supaya hakim-hakim dinaikkan umurnya kepada 66 tahun.

Jadi, apabila dirujuk kepada pihak mahkamah mereka bersetuju. Ada yang mencadangkan umurnya naik kepada 70, mungkin lebih nyanyuk lagi. Jadi, mungkin Ahli Yang Berhormat Datuk Haji Karim Ghani akan merasa lebih nyanyuk lagi kalau dinaikkan kepada umur 70. Memadailah umur 66 tahun itu kerana kita fikir hakim dinaikkan kepada umur 66 adalah mereka boleh memberi sumbangan sedikit sebanyak tambahan setahun lagi.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat sekalian, apabila kita luluskan undang-undang ini lima orang hakim akan dapat nikmat daripada pindaan perlembagaan ini sebab mereka pun telah sudah meningkat umur 65 tahun. Lima orang hakim terdiri daripada dua orang hakim, maaf, tiga orang hakim di Mahkamah Persekutuan, seorang Mahkamah Rayuan dan seorang lagi Mahkamah Tinggi. Lima orang hakim sedang menunggu untuk mendapat nikmat daripada pindaan perlembagaan ini.

Mengenai kriteria yang dipertimbangkan dalam kenaikan pangkat hakim-hakim itu, adalah dimaklumkan bahawa kenaikan pangkat hakim-hakim adalah dibuat berdasarkan kepada keupayaan, integrity, pengalaman dan latar belakang hakim-hakim, selain daripada itu kehidupan peribadi mereka juga diambil kira sebab hakim-hakim ini sebagaimana yang saya telah tegaskan tadi merupakan satu insan yang *special*. Jadi masalah peribadi mereka juga harus diambil kira.

Walau bagaimanapun, faktor *seniority*, faktor kekananan mereka itu bukanlah merupakan kriteria utama yang dijadikan kayu pengukur dalam kenaikan pangkat hakim-hakim. Oleh sebab itu sebagaimana yang telah disebutkan oleh Dato' Hamzah tadi, terdapatlah hakim-hakim yang umur muda dinaikkan pangkat begitu cepat. Memang begitu dalam negara kita, ada hakim-hakim yang bijak-bijak muda-muda sudah dinaikkan pangkat begitu tinggi.

Tentang Yang Berhormat yang menegur bahawa kalau dinaikkan pangkat umur pada 66 tadi itu maka hakim-hakim yang bawah ini tunggu lamalah, tidak begitu, sebab kalau giliran mereka datang dia pun akan bersara umur 66 lah juga. Jadi tidak ada ruginya kepada hakim-hakim yang umur rendah sikit masih menunggu giliran mereka untuk mendapat jawatan-jawatan yang tertinggi. Dan apabila mereka sampai umur 65 dia pun akan naik 66 terus, yang bawah pula tunggu dia punya giliran, *no problem* dengan izin. Perlu juga saya maklumkan kepada ahli Yang Berhormat bahawa kriteria yang digunakan dalam menimbang kenaikan pangkat hakim-hakim adalah sejajar dengan prinsip-prinsip asas kebebasan kehakiman Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang berbunyi seperti yang berikut dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, "*Promotion of judges wherever such a system*

exist should be base on objective factors in particular, ability, integrity and experience". Dengan lain perkataan dalam bahasa "kenaikan pangkat seorang hakim jika sistem itu wujud hendaklah diasaskan kepada faktor kebolehan, integriti dan juga pengalamannya".

Tuan Yang di-Pertua, saya ingat saya telah pun menjawab semua soalan yang dibangkitkan berkaitan dengan undang-undang dan apa yang mungkin saya terlepas telah pun dirakam dan Insya-Allah kita akan mengambil ingatan dan perhatian daripada teguran-teguran yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini bacakan kali kedua sekarang dan oleh sebab mengikut Peruntukan Perkara 159 Perlembagaan Persekutuan, Rang undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2004 ini memerlukan sokongan pada bacaan kali yang kedua dengan undi sebanyak tidak kurang dari 2/3 dari jumlah bilangan ahli majlis Dewan ini.

Maka mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 46(1) saya memerintahkan supaya belah bahagian diadakan sekarang. Setiausaha sila bunyikan loceng selama dua minit.

[Lonceng dibunyikan]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebagai penghitung undi sila ambil tempat masing-masing di hadapan blok Yang Berhormat. Undian boleh dijalankan sekarang

[Undian dijalankan sekarang]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, inilah keputusannya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju 54, *[Tepuk]* Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju 4. Ahli-ahli yang tidak mengundi, tiada. Lebih dua pertiga undi majoriti yang bersetuju.

YANG BERSETUJU

54

YANG TIDAK BERSETUJU

17

YANG TIDAK MENGUNDI

-tiada-

[Nama Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, tidak bersetuju dan tidak mengundi akan dimasukkan dalam naskhah bercetak kelak]

Ahli-ahli Yang Berhormat, rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

[Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa]

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal 1 hingga 5 -

Fasal 1 hingga 5 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

Bacaan Kali Yang Ketiga

Dato' Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui tanpa pindaan.

Saya mohon mencadangkan supaya rang undang-undang ini dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga sekarang dan oleh sebab mengikut Peruntukan Perkara 159 Perlembagaan Persekutuan, Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2004 ini memerlukan sokongan pada bacaan kali yang ketiga dengan undi sebanyak tidak kurang 2/3 dari jumlah bilangan Ahli Majlis Dewan ini. Maka mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 46(5), saya memerintahkan supaya satu Belah Bahagian diadakan sekarang.

[Loceng dibunyikan]

[Dewan berbelah bahagi]

Tuan Yang di-Pertua: Undian boleh dijalankan sekarang.

[Pengundian dijalankan]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, berikut adalah keputusan undian dalam belah bahagian. Ahli-ahli yang bersetuju berjumlah 54. *[Tepuk]* Ahli-ahli yang tidak bersetuju 4. Ahli-ahli yang tidak mengundi tiada. Lebih 2/3 undi majoriti yang bersetuju. *[Tepuk]*

YANG BERSETUJU

54

YANG TIDAK BERSETUJU

17

YANG TIDAK MENGUNDI

-tiada-

[Nama Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, tidak bersetuju dan tidak mengundi akan dimasukkan dalam naskhah bercetak kelak]

Rang Undang-undang ini dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, selesailah urusan Dewan pada hari ini. Saya mengucapkan terima kasih di atas segala sumbangan bakti Yang Berhormat-Yang Berhormat.

Mesyuarat kita ditangguhkan sekarang. Dewan akan bersidang semula pada suatu masa dan tarikh yang akan ditetapkan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.